

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

Bil. 31

Khamis

9 Oktober 2014

---

**K A N D U N G A N**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- |  |              |
|--|--------------|
| - Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>(Pindaan) 2014 | (Halaman 27) |
| - Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No. 2) 2014                  | (Halaman 41) |

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 9 Oktober 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah kementerian akan menjalankan pengujian dan petaulahan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Jagoi, Bau dan seterusnya membekalkan air bersih terawat kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab soalan nombor 1. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Mas Gading, kerja-kerja pengujian dan petaulahan sedang dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka akan diselesaikan pada 14 Oktober iaitu hari Selasa minggu depan tahun 2014 ini.

Projek seterusnya akan diserahkan kepada pihak berkuasa air negeri di kawasan terbabit iaitu JKR Sarawak untuk pengoperasian dan penyelenggaraan. Setelah penyerahan projek dibuat, penduduk kampung hendaklah membuat permohonan pemasangan meter bagi tujuan pembekalan air daripada pihak berkuasa air negeri sebelum air terawat dapat dibekalkan kepada penduduk di kawasan Jagoi, Bau setelah bayaran deposit meter dibayar oleh pengguna terbabit.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 1,950 buah rumah termasuk di kawasan Jagoi, Tas dan Serikin. Penduduk di kawasan ini yang kini bergantung pada bekalan air gunung atau air bersih dari bukit akan mendapat bekalan air bersih terawat dan ini sekali gus dapat meningkatkan taraf kesihatan penduduk di kawasan terbabit. Sekian, terima kasih.

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu meyakinkan. Setelah menunggu bekalan air terawat selama ini sudah tentu penduduk-penduduk di kawasan Mas Gading berpuas hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Akan tetapi seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi masih ramai lagi kampung-kampung di kawasan Mas Gading seperti Kampung Biawak, Kampung Tebaroh, Kampung

Selampit, Kampung Bitukan, Kampung Terian, Kampung Jangkal, Kampung Tebewang Sauh yang masih bergantung pada, dengan izin, *gravity fed water supply* sebagai sumber air mereka.

Saya memohon kementerian terus merancang untuk membekal air bersih terawat kepada kampung-kampung tersebut. Sekian, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat kerana begitu prihatin kepada masyarakat di kawasan Yang Berhormat iaitu di kawasan Mas Gading. Kementerian atau pun kerajaan sentiasa memikirkan dan menerima cadangan-cadangan dari mana-mana pihak, lebih-lebih lagi daripada wakil rakyat dan juga pihak berkuasa di peringkat negeri untuk mencadangkan di mana-mana keperluannya supaya projek ini kita boleh kembangkan dan laksanakan dan tertakluk juga kepada keutamaan yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

2. **Tuan Er Teck Hwa [Bakri]** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Malaysia telah menawarkan kemudahan pangkalan tentera laut di Sabah untuk menempatkan pesawat P-8A Poseidon milik Amerika Syarikat seperti kenyataan Ketua Operasi Tentera Laut Amerika Syarikat. Berapakah tempoh masa pesawat tersebut dibenarkan berada di Sabah.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian pada tarikh 3 November dan Yang Berhormat Rantau Panjang pada tarikh 17 November kerana ada persamaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia telah lama menjalankan kerjasama pertahanan yang berbentuk latihan ketenteraan bersama dengan Amerika Syarikat melalui *memorandum of understanding* yang telah ditandatangani pada 22 Jun 1990 lagi.

Di bawah MoU ini, beberapa siri latihan telah diadakan pada setiap tahun bersama Angkatan Tentera Amerika Syarikat yang telah banyak memberi manfaat yang berguna terutamanya kepada anggota ATM dari segi peningkatan profesionalisme, kemahiran, kepakaran dan perkongsian keilmuan serta teknologi terkini dalam bidang ketenteraan.

Berkenaan dengan penawaran kemudahan pangkalan tentera laut Sabah untuk menempatkan pesawat P-8A Poseidon milik Amerika Syarikat, pihak kerajaan menafikan sekeras-kerasnya akan kenyataan berkenaan. Malahan, pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia pada masa ini tidak mempunyai kemudahan pun untuk menempatkan pesawat jenis berkenaan di Sabah.

Kebenaran untuk makluman Dewan, pesawat mana-mana negara termasuk tentera Amerika Syarikat untuk berada di Sabah, pihak berkenaan atau negara berkenaan perlu membuat permohonan kepada pihak berkuasa Malaysia iaitu ke pihak Kementerian Luar Negeri di mana kajian teliti akan dibuat sebelum sesuatu kebenaran diberikan. Sesuatu kelulusan dibuat berdasarkan *case by case*, dengan izin, seperti mana yang telah dilaksanakan semasa misi mencari dan menyelamat MH370 di kawasan Laut China Selatan dan juga di Selat Melaka.

**■1010**

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu kehadiran tentera Amerika Syarikat di beberapa lokasi di Malaysia, seperti yang saya jelaskan tadi ia bukanlah satu perkara baru. Malah ia berdasarkan kerjasama ketenteraan yang telah terjalin sekian lama melalui MoU antara ATM dan Amerika Syarikat. Sebagai maklumat Dewan yang mulia ini, terdapat sebanyak tujuh jenis latihan bersama dilaksanakan oleh ATM dan Amerika Syarikat pada setiap tahun.

Latihan yang telah diadakan baru-baru ini yang dikenali sebagai *Exercise Kris Strike* melibat trup Tentera Darat Malaysia dari lapan briged infantri yang berpangkalan di Kem Pangkalan Chepa, Kota Bharu dan United States Army Pacific Command. Latihan ini bermula pada 13 September hingga 26 September 2014 yang merupakan siri yang ke-18. Latihan ini berkonsepkan bantuan kemanusiaan dan peredaan bencana dengan izin, *humanitarian assistance and disaster relief* (HA/DR) dan melibatkan seramai 795 orang anggota iaitu 462 orang anggota dari TDM dan 333 orang anggota dari Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan jaminan terhadap rahsia keselamatan negara, sehingga kini tidak ada petunjuk terdapatnya kehadiran perisik tentera asing ke negara kita yang terlibat dalam latihan bersama yang telah pun dipersetujui di peringkat nasional. Suka saya tegaskan di sini, kerjasama latihan ketenteraan bukannya dibuat secara *ad hoc* tetapi ia perlu melalui proses-proses tertentu iaitu melalui perjanjian latihan di antara kedua-dua negara yang dimeterai menerusi MoU yang telah saya sebutkan tadi.

Dalam pada itu, beberapa siri mesyuarat antara kedua-dua belah pihak telah diadakan setiap tahun. Di dalam mesyuarat ini segala isu sensitif seperti isu keselamatan dan kerahsiaan negara diberi keutamaan. Malahan dalam mesyuarat ini juga corak latihan, kekuatan anggota yang terlibat, aset yang akan digunakan, aktiviti yang akan dilaksanakan, tempat latihan dan lain-lain aspek keselamatan akan dibincangkan secara terperinci.

Semua anggota ATM dan tentera asing yang terlibat akan diberikan taklimat berkaitan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan, *the do's and don'ts* dengan izin, dalam semua aspek. Anggota ATM juga selalu diingatkan untuk sentiasa mengamalkan prinsip perlu tahu iaitu *need to know basis* semasa berinteraksi dengan anggota tentera asing bagi mengelakkan kebocoran maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang berdaulat, kita adalah bebas untuk bekerjasama dengan semua negara sama ada di peringkat Asian atau global. Justeru itu kerajaan akan terus memperkasakan ATM selaras dengan cabaran dunia masa kini untuk menjadikan ATM sebuah angkatan yang efisien dan *credible* bagi menghadapi ancaman dari dalam dan luar negara. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Menteri menjawab soalan saya. Di sini saya hendak tanya soalan tambahan kepada kementerian. Di sini saya hendak tanya, apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap kenyataan tersebut yang dikeluarkan oleh seorang Laksamana 4 Bintang Tentera Laut Amerika Syarikat merangkap penasihat Tentera Laut Utama kepada Presiden Amerika Syarikat. Kenyataan daripada Pegawai Kanan Tentera Amerika

Syarikat ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia boleh membawa implikasi disalah tafsir oleh negara lain berhubung dasar luar negara dan ketenteraan kita.

Adakah dengan kebenaran ini kerajaan sedang memberikan isyarat bahawa dasar baru Malaysia sedang diubah daripada negara berkecuali kepada negara yang berpaksi kepada kuasa besar dan kesannya terhadap hubungan dengan negara Rusia dan China. Mengapa kerajaan hanya memberikan kebenaran kepada Amerika Syarikat sahaja, bukan kepada negara-negara lain? Minta penjelasan.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pertamanya Yang Berhormat Bakri bahawa kita tidak beri kebenaran. Itu merupakan suatu kenyataan yang dibuat dan telah pun disalah tafsir. Pada 10 September *Vice Admiral Thomas, Commander of The US Navy 7<sup>th</sup> Fleet* telah menerangkan kepada *The Ocean Naval War Symposium* yang telah pun diadakan di Kuala Lumpur, bahawa kenyataan Adm. Greenert telah disalah tafsirkan.

Keduanya, tidak terdapat perjanjian rasmi antara Malaysia dengan Amerika Syarikat untuk sebarang *deployment* atau *detachment* P-8A Poseidon ke Malaysia. Koordinasi *detachment* P-8A ke Malaysia dibuat secara *case by a case basis* selepas kebenaran *detachment* diterima. Keempat, kemasukan P-8A melalui proses kelulusan diplomatik sedia ada yang berkuat kuasa. Ini bermakna bahawa tidak perlu kita jawab kerana *Vice Admiral Thomas The Commander of The 7<sup>th</sup> Fleet* daripada US sendiri telah membuat penjelasan bahawa ia telah disalah tafsir dan kenyataan yang telah dibuat tidak benar.

Berhubung kait dengan hubungan kita dengan negara-negara lain, apa yang saya jawab di Dewan yang mulia pagi ini tidak bermakna bahawa kita tidak juga ada hubungan yang rapat dengan negara-negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bakri tadi. Hanya dua hari lepas State Councilor, Yang Jiechi datang ke Malaysia dan bukan banyak negara yang boleh mengimbangi geopolitik dan dapat kerjasama daripada kuasa-kuasa besar ini dan Malaysia merupakan di antara negara yang telah dapat meniti dan juga mengimbangi kuasanya setakat hari ini.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan Pangkalan Tentera Laut di Sabah ataupun di Malaysia Timur sebelum ini sebenarnya Labuan adalah sebuah pangkalan pertahanan utama di Malaysia Timur. Baru-baru ini ataupun beberapa tahun yang lepas ia telah dipindahkan ke Kota Kinabalu.

Persoalan saya adalah apakah peranan Pangkalan Tentera Laut di Labuan pada masa ini yang *strength* sudah jauh lebih kecil daripada dahulu. Adakah Kementerian Pertahanan bersedia untuk menyerahkan tanah TLDM yang agak luas di Labuan itu untuk kegunaan pembangunan ekonomi sekiranya TLDM tidak mempunyai perancangan untuk membesar operasinya di Labuan. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Satu soalan yang amat tepat pada masanya kerana ancaman yang kita hadapi di Sulu Strait dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh BIFF, Abu Sayyaf dan juga Nur Misuari berhubung kait

dengan Wilayah Islamiah atau *Islamic caliphate* membawa bersama ancaman-ancaman baru yang kita perlu tangani dan memikirkan sedalam-dalamnya.

Sesungguhnya Labuan merupakan sebuah pangkalan yang cukup strategik. Saya harap esok dalam Bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin menyentuh kepada isu keselamatan Sabah dan Sarawak dan mungkin perancangan kita untuk Labuan juga akan diumumkan. Malam Jumaat ini kita sama-sama doakan untuk esok perkara ini dipertimbangkan.

Akan tetapi percayalah Yang Berhormat bahawa MINDEF sedang memikirkan sedalam-dalamnya situasi di Sabah dan Sarawak, juga bagaimana kita dapat kerjasama rapat dengan negara-negara berdekatan seperti Filipina, Indonesia dan Brunei untuk melihat ancaman dan juga kenyataan Abu Sayyaf, Nur Misuari menyokong ISIS atau ISIL sebagai sesuatu yang cukup serius. Percayalah bahawa Labuan merupakan sebuah pangkalan yang cukup strategik.

Tanah-tanah di Labuan setakat hari ini banyak tertumpu kepada perancangan keselamatan kita di rantau itu dan tanpa penekanan kepada keselamatan, tidak ada makna perkembangan ekonomi. Kalau sekiranya tidak stabil, tidak ada ekonomi untuk kita bincangkan pun.

#### ■1020

Jadi kalau sekiranya Yang Berhormat boleh bekerjasama rapat dengan MINDEF, memikirkan apa lagi yang boleh kita tukar tambah di Labuan untuk memastikan dan meyakinkan orang ramai di Sabah dan Sarawak bahawa keselamatan mereka terjamin, ia akan dilakukan, *insya-Allah*.

**3. Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah usaha yang akan dilaksanakan oleh kementerian bagi membantu membangunkan pusat ternakan serta pengkomersialan ikan air tawar bernilai tinggi seperti empurau, semah dan tengadak di kawasan Empangan Baku.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada... *[Disampuk]* Tak bersediahlah dengan pantun. You patut bagi taulah siang-siang. *[Ketawa]* Terima kasih atas soalan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Empangan Bakun ini belum siap. Jadi, sebenarnya untuk menternak ikan secara akuakultur sebagaimana yang disoalkan oleh Yang Berhormat itu perlu dikaji dahulu kesesuaianya. Kita menjangkakan mungkin dalam dua, tiga tahun lagi baru siap dan sesuai tempat itu dijadikan lokasi penternakan ikan air tawar yang berkualiti tinggi.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersedia untuk bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Sarawak untuk membuat kajian. Kajian dari segi survey dan juga persekitaran, kualiti air di kawasan tersebut. Selepas itu, pihak kerajaan negeri perlu menggazetkan kawasan itu sebagai kawasan zon, apa yang dipanggil zon industri akuakultur, digazetkan. Apabila telah digazetkan dan perlu dibina banyak infrastruktur ataupun kemudahan-kemudahan asas seperti jalan masuk, jeti untuk nelayan dan sebagainya perlu dibina bagi membolehkan penternakan ikan air tawar dilakukan di kawasan tersebut.

Buat masa ini, kita difahamkan Jabatan Pertanian Sarawak telah pun memohon kepada EPU untuk mendapatkan peruntukan sebanyak RM31 juta kepada Unit Perancang Ekonomi untuk tujuan menjadikan kawasan tersebut sebagai zon industri akuakultur. Yang ini kita sokonglah, mudah-mudahan EPU akan lulus dan pihak di sebelah sana pun jangan banyak bangkangnya. Selalu bila minta... *[Disampuk][Ketawa]* Ini untuk rakyat. Jadi pembangkang jangan banyak bangkangnya. Pagi-pagi ini kena usik sikitlah.

Selain dari itu, sehingga kini, Jabatan Perikanan Malaysia telah berjaya mewujudkan teknik pembiakan bagi 19 spesies ikan air tawar asli seperti kelah, temoleh, sebarau, ikan kerai dan beberapa spesies patin sungai. Jabatan juga dengan kerjasama kerajaan negeri telah memperkenalkan kaedah pengurusan sumber perikanan. Kita ada buat di Tasek Kenyir dan juga di Temenggor, Perak. Jadi kita mempunyai kepakaran untuk membantu.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Saya difahamkan kementerian melalui LKIM telah banyak memberi bantuan dari segi kewangan, peralatan kepada nelayan laut dalam. Jadi saya mohon agar kementerian juga dapat turun padang dan melihat sendiri keadaan dan nasib nelayan-nelayan kecil di pedalaman. Maka, saya berharap agar pihak kementerian dapat menyalurkan bantuan kepada mereka seperti mana yang dinikmati oleh nelayan laut dalam.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebagai penduduk dan kawasan Parlimen saya di kawasan Hulu Rajang, memang terkenal dengan spesies ikan empura yang mencecah kalau satu kilo RM750.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Oh, dahsyat!

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Satu kilo. Kalau jual di restoran, saya ingat ada RM2,000 satu *dish*nya. Ikan semah juga satu kilo RM130 dan ikan tengadak, ikan air tawar RM400 sekilo dan sebagainya. Jadi buat masa ini, penternak ikan-ikan ataupun tersebut hanya dijalankan secara kecil-kecilan dan nescaya, sekiranya dibangunkan ia akan bakal menjana pendapatan penduduk setempat di samping menggalakkan pendapatan mereka dalam bidang keusahawanan.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pihak kementerian akan menyediakan bantuan kewangan serta latihan, tadi telah diberitahu, kepada penternak ikan secara kecil-kecilan di Bakun? Empangan Bakun sekarang lebih tujuh tahun. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri turun ke padang semasa hari Rabu, Sabtu dan Ahad, penuh nelayan kecil membawa ikan ke Pangkalan Bakun. Jadi orang-orang luar dari Sibu, dari Bintulu dan dari Miri telah membeli ikan air tawar tersebut. Jadi ini akan menjana serba sedikit.

Jadi saya mohon supaya kementerian mungkin dapat membina kedai runcit, kedai makan serta *cold storage*, dengan izin, di sekitar Pangkalan Bakun agar kawasan tersebut dapat dibangunkan secara sebuah pusat penjualan ikan air tawar yang terkenal di Malaysia ini.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang ikan-ikan yang disebutkan itu sedap-sedap belaka, mahal. Akan tetapi saya hendak bagi nasihat sikit, makan itu jaga-jaga sikit kerana banyak tulang... *[Ketawa]* Orang Sarawak pandai makan ya. Akan tetapi orang Semenanjung mungkin kena belajar. Nanti tercekik dengan tulang ya... *[Disampuk][Ketawa]* Ini ada gambar pun. Nanti saya tengok gambar dia, ikan empurau. Empurau ini bahasa Sarawak ya? Kalau di sini disebut ikan kelah. *[Disampuk]* Ikan sedaplah kita panggil. Ikan kelah, empurau. Empurau, kemudian ikan semak. Ini nama-nama orang Sarawaklah.

Jadi tak ada masalah Yang Berhormat Hulu Rajang. Memang kita hendak meningkatkan pengeluaran ikan air tawar. Menteri saya telah pun memperkenalkan satu dasar baru iaitu pengeluaran ikan air tawar perlu ditingkatkan kepada 50% daripada pengeluaran ikan negara. Pada masa ini hanya lebih kurang 20% lebih kurang begitu. So, ada banyak lagi yang perlu dikeluarkan. Kalau tak silap saya, kita perlu mengeluarkan 1.7 juta metrik tan *by* 2020.

Jadi, ini perlu dilakukan dan kita akan memberikan sokongan dari segi latihan, dari segi infrastruktur dan sebagainya untuk membolehkan matlamat ini tercapai. Tadi saya tanya pegawai berkenaan dengan pengeluaran ikan air tawar ini. Penting, sebab ikan laut sudah hendak pupus. Tak makan ikan kita kalau tak ada ikan air tawar. *By 2040, the next generation*, dah tak ada ikan laut dah, kurang. Jadi suka tak suka, pengeluaran ikan air tawar perlu ditingkatkan. Kita pun tahu pentingnya ikan ini sebagai sumber protein. Satu orang makan ikan berapa kilo? Setahun, 54 kilo setahun. Jadi kalau tak cukup, tak cukup protein.

#### ■1030

So, kesimpulannya kita bagi jaminan kepada Yang Berhormat Hulu Rajang, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama dengan Jabatan Perikanan serta, ini, itu ada Pengurus Lembaga Kemajuan Ikan, Yang Berhormat Kuala Selangor. *Chairman* kita itu. Akan tetapi jangan jemput dia turun padang. Mana pula pergi tengok nelayan turun padang, turun sungailah atau turun laut. *[Ketawa]* Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Pertama saya ucap tahniah di atas usaha kerajaan. Kita pembangkang, kita tidak pernah membangkang perkara yang merugikan rakyat. Kita hanya membangkang perkara yang merugikan negara dan rakyat, itu saja. Soalan tambahan saya ialah, berapakah nilai eksport sekarang ini, nilai eksport ikan air tawar ke luar negara setakat ini? Sejauh mana usaha kerajaan untuk mempromosikan pasaran ikan air tawar ini keluar negara? Sejauh mana manfaat diambil terhadap sumber semula jadi alam yang disediakan oleh Allah di bumi Malaysia ini terlalu luas, banyak tasik dan sungai untuk kemudahan pemeliharaan ikan air tawar. Jadi sejauh mana perkara ini dimanfaatkan di seluruh negara?

Sekarang ini rakyat cukup tertekan kerana harga ikan yang sangat mahal sedangkan harga getah dan komoditi ini sangat rendah. Jadi sudah tentulah penyelesaian daripada Kementerian Pertanian ini cukup penting untuk membendung masalah kos hidup yang sangat mahal. Minta penjelasan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap syabaslah kepada Yang Berhormat iaitu pihak pembangkang tidak membangkang perkara-perkara yang berhubung dengan kepentingan rakyat. *That should be the way. You know constructive opposition.* Akan tetapi yang masalah selama hari ini, saya sudah masuk penggal kedua ini, dia *very destructive. Everything's wrong, everything is not right. You know.* Jadi ini yang menimbulkan masalah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Akan tetapi sekarang sudah mula sedar, sudah mula insaf, sudah bertaubat agaknya. *Alhamdulillahlah.* Kita berdoa pada Allah SWT Lebih baik bertaubat saja. *So that is the word.*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa kena mengena dengan *Cabinet reshuffle* pula. Apa Yang Berhormat Sungai Petani ini? Okey. Sudah lupa apa hendak cakap. *[Ketawa]* Ini soal promosi...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]:** Tukar, tukar, tukar.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** ...Promosi luar negara.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Serius ini.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Seriuslah ini. Janganlah terlalu serius sangatkan. *Message is importantkan.* Masalah hendak promosikan ikan air tawar luar negara ini, belum sampai masanya pun. Ini kerana kita untuk keperluan dalam negeri, ya, *local consumption* pun kita masih lagi perlu. Jadi promosi itu belum lagi dibuat. Lagi satu, berkenaan dengan *raising cost of living.* You mentioned, Yang Berhormat sebut tadi, ini kenaikan harga tidak boleh hendak elak. Kalau you mengikuti sepanjang hayat kita, every year, every time, kenaikan naik. *This is inflation. Inflation is reality in the economic.* Dalam satu negara.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak boleh. Jadi masalahnya jangan kita marah kerajaan sebab kenaikan. Kenaikan mesti berlaku. Kalau pembangkang pun di Selangor esok memerintah, kenaikan barang di Selangor akan terjadi. Bukan juga di Penang. *This is something that you cannot avoid but what is important,* apa yang lebih penting ialah kita meningkatkan pendapatan rakyat. *So this is what we are doing. The income of the rakyat must be increased with opportunities in employment, business opportunity,* dan macam-macam lagi yang boleh meningkatkan pendapatan dia.

**Beberapa Ahli;** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Macam mana?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya hendak menjawab sebab Yang Berhormat bangkitkan soal *raising cost*, kos sara hidup. *So I have to reply.* Bila *reply*, you tidak suka pula.

Inilah masalahnya. Panggil ini Yang Berhormat Pandan. Kalau Yang Berhormat Pandan bercakap, semua betul. Tapi sekarang Yang Berhormat Pandan sudah diam sudah.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Langkah Kajang sudah pergi. *[Ketawa]* Sudah pergi langkah apa? Sekianlah terima kasih. Cakap banyak pun tidak guna.

4. **Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes jenayah yang melibatkan pendatang asing dan kadar peratusannya daripada jumlah keseluruhan kes serta jenis jenayah yang dilakukan mengikut pecahan daerah di negeri Pulau Pinang semenjak tahun 2008.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**  
Terima kasih Yang Berhormat. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam bahagia dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis sentiasa memberi perhatian yang serius dalam membendung kegiatan jenayah yang melibatkan warga negara asing sama ada yang datang untuk melancong ataupun datang bekerja di negara ini. Perangan jenayah indeks yang dilakukan oleh warga asing telah menunjuk peningkatan dari tahun ke tahun. Peningkatan ini jika tidak dikawal atau dibendung, ianya boleh membawa kemudarat kepada kesejahteraan dan keharmonian rakyat tempatan.

Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang. *[Disampuk]* Tidak ada. Tidak ada lagi ya. Statistik warga asing terlibat dalam kes jenayah indeks bagi tahun 2008 hingga 2014, ini soalan statistik Yang Berhormat. Berakhir bulan Ogos bagi kontinjen Pulau Pinang saja. Jadi kalau yang luar itu saya minta maaflah, saya tidak akan jawab. Mengikut daerah seperti berikut. Jawapannya panjang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ia perlu butiran yang jelas untuk maklumat semua wakil rakyat di Dewan ini.

Pada tahun 2008 seramai 103 orang bersamaan dengan 0.16% warga asing telah ditangkap atas kesalahan jenayah indeks. Daripada jumlah keseluruhan tangkapan, seramai 16,651 orang.

Daerah	Jumlah Kesalahan Indeks
Balik Pulau	10 orang
Seberang Perai Selatan	13 orang
Seberang Perai Utara	10 orang
Seberang Perai Tengah	37 orang
Timur Laut	24 orang

Pada 2009 seramai 108 yang bersamaan dengan 0.6% warga asing telah ditangkap atas kesalahan jenayah indeks. Daripada jumlah keseluruhan tangkapan, 16,819 orang.

<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kesalahan Indeks</b>
Balik Pulau	20 orang
Seberang Perai Selatan	18 orang
Seberang Perai Utara	14 orang
Seberang Perai Tengah	26 orang
Timur Laut	30 orang

Pada tahun 2010, 82 orang bersamaan 0.07% warga asing telah ditangkap. Daripada jumlah 12,473 orang.

<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kesalahan Indeks</b>
Balik Pulau	14 orang
Seberang Perai Selatan	10 orang
Seberang Perai Utara	15 orang
Seberang Perai Tengah	9 orang
Timur Laut	34 orang

Pada tahun 2011, 94 orang bersamaan dengan 1% warga asing telah ditangkap atas kesalahan jenayah indeks. Daripada jumlah keseluruhan tangkapan 9,758 orang.

<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kesalahan Indeks</b>
Balik Pulau	9 orang
Seberang Perai Selatan	10 orang
Seberang Perai Utara	20 orang
Seberang Perai Tengah	24 orang
Timur Laut	31 orang

Tahun 2012, 119 orang bersamaan dengan 1.4% warga asing ditangkap atas kesalahan jenayah indeks. Daripada keseluruhan tangkapan seramai 8,360 orang.

<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kesalahan Indeks</b>
Balik Pulau	8 orang
Seberang Perai Selatan	8 orang
Seberang Perai Utara	14 orang
Seberang Perai Tengah	40 orang
Timur Laut	49 orang

Tahun 2013, ini ada peningkatan yang agak mendadak. Seramai 492 orang bersamaan dengan 6.2% warga asing telah ditangkap atas kesalahan jenayah indeks.

Jumlah keseluruhan tangkapan:

Daerah	Jumlah Kesalahan Indeks
Balik Pulau	65 orang
Seberang Perai Selatan	16 orang
Seberang Perai Utara	28 orang
Seberang Perai Tengah	250 orang
Timur Laut	133 orang

Pada tahun 2014 hingga Ogos, 418 orang bersamaan dengan 8%. Maknanya daripada 0.6% sampai 8%, memang menunjukkan peningkatan yang mendadak.

#### ■1040

Kementerian telah merangka pelan dan tindakan bagi mengekang peningkatan warga asing yang terlibat dalam aktiviti jenayah di dalam negara. Antara tindakan yang diambil seperti berikut:

- (i) mengadakan kerjasama operasi bersepada dengan kementerian penguat kuasa lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia;
- (ii) mewujudkan balai pondok polis di kawasan-kawasan yang mempunyai kekerapan kejadian jenayah melibatkan warga asing;
- (iii) mengadakan lebih kerap aktiviti lain seperti perjumpaan dengan kumpulan masyarakat untuk meningkatkan lagi serta menyedarkan semua lapisan masyarakat mengenai peranan mereka dalam membantu dan membanteras jenayah di bawah inisiatif *community policing*;
- (iv) meningkatkan lagi keberkesanan sistem kamera litar (CCTV) di kawasan tertentu untuk membantu mengesan penjenayah di bawah Program Bandar Selamat;
- (v) mengambil cap jari biometrik semua pekerja asing untuk direkodkan melalui program 6P supaya kemasukan kali kedua dapat dikesan dan juga pendaftaran dalam rekod jenayah;
- (vi) membuat tapisan awal seperti memperketat pengeluaran visa ke luar negara;
- (vii) memastikan warga asing yang memasuki negara ini adalah tulen dan berkemampuan untuk menyara hidup semasa berada di Malaysia;
- (viii) menyemak senarai hitam berdasarkan nama pemegang pasport dan jika mereka pernah melakukan kesalahan di Malaysia, mereka akan dihantar pulang ke negara asal; dan
- (ix) melatih dan memahirkan pegawai imigresen dalam mengenal pasti dokumen perjalanan jenayah yang cuba memasuki negara ini.

Pihak kementerian akan terus memantau dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap warga asing dengan membuat pemeriksaan secara bersepada melibatkan polis, Imigresen, RELA di tempat tinggal atau di tempat mereka sering berkumpul. Pihak kementerian juga turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menentukan warga asing datang sebagai pelajar tidak menggunakan pas pelajar untuk tujuan lain. Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Nibong Tebal.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih di atas data ataupun statistik yang diberikan agak mendalam ataupun *detail*. Daripada statistik itu, kita dapat ia memang agak ketara di antara satu daerah dengan daerah yang lain. Jelas daripada jawapan Timbalan Menteri tadi yang ada peningkatan jenayah di negeri yang melibatkan pendatang asing dan juga kadar jenayah dengan rakyat lain di negeri Pulau Pinang.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat banyak faktor kadar penurunan jenayah dan juga peningkatan jenayah. Salah satu faktornya yang agak penting seperti yang disebutkan Timbalan Menteri tadi ialah tahap kecekapan polis, sudah tentu dan tahap kerjasama rakyat tempatan dan juga bantuan daripada badan-badan lain, badan-badan sukarela dan juga badan-badan keselamatan sukarela yang lain. Jadi dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, agaknya apakah rasionalnya pihak kerajaan tidak membenarkan badan sukarela keselamatan untuk membantu pihak keselamatan, pihak polis menjalankan kerja-kerja, aktiviti-aktiviti untuk memerangi jenayah di Negeri Pulau Pinang? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sebalik soalan Yang Berhormat itu, saya boleh menghidu soalan-soalan yang tidak ditanya. Akan tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, soalan keselamatan negara di bawah perlombagaan dan perundangan Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat, bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadinya, maka polis, tentera, RELA, JPAM dan sebagainya, organisasi-organisasi keselamatan khususnya di negara ini mestilah diletak dalam badan dan bidang kuasa agensi Kerajaan Pusat sebagai yang dipertanggungjawabkan di bawah perlombagaan.

Jadi dalam keadaan sedemikian, pihak kerajaan negeri sebenarnya boleh membantu. Itulah kita sebut tadi, pihak daripada PBT dan pihak-pihak majlis tempatan yang ada hubung kait dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh bekerjasama untuk menangani masalah jenayah serta membantu membanteras jenayah di tempat-tempat itu. Akan tetapi asasnya mestilah berpandu dengan agensi-agensi Kerajaan Pusat yang telah dimasukkan ke dalam perlombagaan yang tidak boleh kita ubah tindakan ini. Kalau tidak ada orang mungkin bertanggungjawab dari segi undang-undang dan kita sendiri mengetepikan perlombagaan dan undang-undang kita sendiri, jadi ini tidak dibolehkan Yang Berhormat.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, boleh bantu. Boleh masuk sukarelawan polis, boleh masuk sukarelawan antidadah dan sebagainya. Banyak lagi sukarelawan-sukarelawan yang sedemikian yang boleh membantu pihak polis dalam *community policing* dan memberi maklumat kepada masyarakat umum tetapi tidak boleh menguatkuasakan undang-undang yang kebanyakannya undang-undang pusat yang dilaksanakan oleh agensi-agensi pusat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu pendatang asing bukan masalah baru. Ia masalah yang sudah berakar umbi. Komitmen kerajaan menangani masalah ini memang tidak boleh dinafikan. Namun demikian ia masih berleluasa, barangkali atas banyak faktor.

Saya percaya kebanjiran pendatang asing ini melahirkan banyak jenayah rogol, curi, samun dan sebagainya. Ia juga ditangani oleh kementerian. Saya tidak nafikan perkara itu. Apakah kaedah menghantar pulang ini merupakan kaedah yang terbaik? Itu satu. Apakah kementerian juga mengandaikan bahawa antara punca ialah kita benarkan begitu mudah visa pelajar masuk dalam negara kita? Apa yang saya bimbangkan sekali, saya hendak sebut dalam Dewan hari ini, hari ini kita digemparkan pada pukul 4.25 pagi tadi apabila berlaku letupan bom di Sun Complex Bukit Bintang. Hari ini menggemparkan negara kerana ia melibatkan 14 mangsa cedera dan sebahagianya cedera parah. Ini cukup membimbangkan kita.

Saya percaya walaupun kita tidak boleh tuduh mana-mana pihak yang terlibat, tetapi dalam Dewan yang mulia ini kita mesti lahirkan rasa kesal, kecewa dan melahirkan rasa dukacita serta simpati kepada pihak yang terlibat. Apakah Kementerian Dalam Negeri punya maklumat perkara ini dan bagaimana kita mahu menghadapinya? Kita bimbang perkara-perkara seumpama ini asalnya pendatang asing mungkin terlibat dengan jenayah yang kecil, tetapi ia membawa kepada jenayah yang besar. Kalau sudah sampai peringkat negara kita sudah terlibat dengan bom dan sebagainya, ia begitu membimbangkan sekali. Saya cuma hendak dapatkan pandangan dan barangkali kementerian boleh memberikan maklumat awal dalam Dewan yang mulia ini mengenai isu yang sedang hangat berlaku dalam negara dan menjadi berita utama ketika ini. Terima kasih Timbalan Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Akan tetapi tidak mengapalah, kawan bertanya ini kena jawab jugalah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tahu betul soalan ini betul terkeluar dari soalan jenayah kawasan Nibong Tebal itu tetapi saya janjilah dengan Yang Berhormat Lenggong, saya jawab. Sebenarnya Yang Berhormat Lenggong, sebagai Menteri dalam KDN, Timbalan Menteri pun samalah. Istilah Menteri itu sama, tanya dengan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya dimaklumkan jauh lebih awal lagi hal berlakunya perkara ini yang bom meletup di hadapan Cherry Blossom Night-Club di Sun Complex pada jam 4.25 pagi tadi yang mendatangkan kecederaan 10 orang dan beberapa orang dalam keadaan yang serius. Jadi, saya mempunyai maklumat tetapi polis masih menyelidik kes ini. Ia hanya berlaku beberapa jam daripada pukul 4.25 pagi tadi hingga sekarang. Jadi kita belum lagi mendapat apa-apa maklumat yang menunjukkan apakah motif, apakah tujuan, siapakah pelakunya dan sama ada orang ini

orang tempatan ataupun orang asing. Ini kerana persoalan kita di sini orang asing. Jadi, jangan soalan ini nanti kita terus hendak rangkumkan dia dalam soalan rakyat asing yang melakukannya. Mungkin juga ini perkara *business rivalry*, mungkin juga ini ada peneman di antara mereka yang berkenaan dari satu kelab dengan satu kelab yang lain. Mungkin, *possibility* itu banyak.

Jadi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf. Oleh sebab beberapa jam sahaja dari saat berlakunya kes ini, polis mula menyiasat dan bergegas ke tempat kejadian, bawa maklumat kepada saya. Tidak semunya boleh saya dedahkan di sini dahulu sehingga maklumat yang pasti dan sahih didapati daripada pihak polis selepas penyelidikan ini nanti.

#### ■1050

Tetapi percayalah polis akan mengambil tindakan dan kita cukup yakin orang ini tidak akan boleh lari daripada mana. Kita bersympati dengan yang luka dan yang parah dalam letusan yang berlaku di *Cherry Blossom* pada pagi tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Soalan No.5 - Y.B. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang)] tidak hadir]*

6. **Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan dasar kementerian dalam mengurangkan kesan rumah hijau akibat penipisan ozon yang semakin meningkat.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**  
Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Parit Buntar, penipisan lapisan ozon adalah berpunca daripada penggunaan bahan-bahan kimia pemusnahan ozon ataupun *Ozone Depleting Substances (ODS)* iaitu *Chlorofluorocarbon (CFCs)* nama singkat, *Hydrofluorocarbons (HFCs)*, *halons* dan *Carbon Tetrachloride (CPC)*.

Terdapat bahan pemusnah lapisan ozon yang juga merupakan gas rumah hijau dan turut menyumbang kepada pemusnahan global seperti CFC dan HCFC. Dalam mengurangkan kesan penipisan lapisan ozon Malaysia sebagai sebuah negara PATI kepada *Montreal Protocol* mengenai perlindungan lapisan ozon telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti bagi memastikan pematuhan ke atas obligasi antarabangsa tersebut.

Mulai 1 Januari 2010, Malaysia telah berjaya menghentikan sepenuhnya pengimportan bahan kimia pemusnah ozon iaitu *Ozone Depleting Substances (ODS)* iaitu *Chlorofluorocarbon (CFCs)*, *halons* dan *Carbon Tetrachloride (CPC)*. Pada September 2007, mesyuarat ke-19 PATI *Protocol Montreal* mengenai perlindungan lapisan ozon telah memutuskan untuk mempercepatkan penghapusan penggunaan bahan *Hydrofluorocarbons (HFCs)* bagi negara sedang membangun dan bagi negara yang sudah membangun juga.

Pada tahun 2040 mesti tidak boleh diguna pakai semua. Penghapusan HCFC sedang dibuat secara berperingkat mulai tahun 2013 dengan pembekuan ataupun *freeze* pengimportan bahan HCFC pada tahap garis dasar iaitu *base line* yang dikira daripada purata penggunaan pada tahun 2009 dan 2010. Seterusnya, pengurusan pengurangan 10% bahan HCFC daripada jumlah

garis dasar pada tahun 2015. 35% pada tahun 2020, 67.5% pada tahun 2025 dan 97.5% pada tahun 2030.

Manakala pengimportan HCFC hanya dibenarkan sebanyak 2.5% sahaja bagi sektor servis sehingga tahun 2040. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan itu lebih terjurus kepada yang ingin minta penjelasan daripada saya ialah sejauh manakah kesan itu dari sudut *achievement* kita hari ini kalau kata tahun 2040 itu adalah kita punya *target*, tetapi *at this point* kita memulakan semua usaha itu ke arah manakah kita pergi. Saya lebih penting untuk mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua daripada Menteri dan juga kepada seluruh Dewan ini ialah sejauh manakah kementerian-kementerian yang terlibat dalam usaha.

Saya rasa ini bukan hanya sumber asli dan alam sekitar tetapi dia melibatkan contohnya kalau kenderaan itu Kementerian Pengangkutan, sejauh mana kenderaan untuk mengurangkan penggunaan petrol yang plumbum yang merupakan di antara faktor tertinggi yang menyumbang kepada faktor *green house* ini. Kedua ialah sejauh mana penggunaan yang mesra alam sekitar dari sudut *household* di rumah penggunaan plastik beg contohnya. Ini adalah mungkin daripada PBT contohnya. Begitu juga dari segi bagaimakah PBT menyediakan lorong-lorong *green*, lorong-lorong hijau bagi mereka yang menunggang basikal contohnya. Penggalakan kalau kita kata kita hendak suruh orang naik basikal kita sedia kah tidak ruang itu?

Macam mana kalau mereka pergi pejabat tempat untuk mereka mengunci basikal itu. Soalan saya bersangkutan dengan ini semua. Kita ada *carbon footprint* ataupun merupakan jejak *carbon* itu di mana kita mahu mengurangkan atau meningkatkan kecekapan penggunaan, sejauh manakah pencapaian, kementerian-kementerian telah menggunakan *carbon footprint* ini sebagai dia punya *benchmark* bahawa kita telah sampai. Berapa kementerian yang telah buat *carbon footprint* ini? Ini soalan saya yang akan menjawab tentang bagaimana kita bukan sekadar bagi tahu kita buat apa dan kesannya.

Saya amat menghargai Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dia orang yang cukup konsisten dan saya bersama beliau di Tehran baru ini sebagai dia Timbalan Pengerusi di peringkat Asian dalam *environmental* ini. Saya ucap tahniah. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar dan terima kasih kerana menemani saya ke Tehran tempoh hari. Di mana isu-isu alam sekitar bukan sahaja penipisan lapisan ozon dibincangkan tetapi isu-isu yang lain juga dibincangkan. Untuk makluman Dewan ini, pelbagai usaha kementerian saya hanya tahu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sahaja apa yang kita telah buat dan apa kita perlu buat.

Saya amat kagum dengan minat Yang Berhormat kawan saya ini daripada Parit Buntar kerana prihatin dan minat kepada pengurusan dan penjagaan alam sekitar. Banyak isu yang berkaitan dengan alam sekitar seperti penggunaan bahan-bahan yang tidak mesra alam. Pertamanya yang selalu dan sedang digunakan adalah bahan-bahan plastik. Jadi kita harus mengurangkan penggunaan bahan-bahan plastik. Kedua, bahan-bahan pembakar seperti minyak

yang kita guna pakai di kenderaan kita. Itulah sebabnya di dalam dunia ini dan di dalam negara kita ada beberapa kategori minyak dengan standardnya tersendiri dengan tidak mengandungi plumbum, dengan mengandungi plumbum yang tidak tinggi, dengan mengandungi plumbum yang banyak.

Jadi kalaular rakyat sememangnya prihatin kepada kualiti alam sekitar untuk terjaga, untuk terjamin kita pilih sendiri. Akan tetapi walaupun demikian Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa menasihati rakyat apa yang perlu dibuat. Lebih-lebih lagi seperti yang disebut oleh kawan saya tadi mengurangkan *carbon footprint* kita.

#### ■1100

Jadi, pengurangan *carbon footprint* kita adalah mengurangkan penggunaan bahan-bahan yang mencemarkan alam sekitar. Termasuk yang dia sebut di dalam rumah kita tadi, apabila kita sudah makan, kita basuh pinggan kita dengan apa? Bukankah *detergent* itu bahan kimia? Bahan kimia itu keluar daripada singki kita masuk ke dalam parit dan seterusnya mengalir ke sungai dan ke laut. Itu bahan tetapi apabila kita hanya membasuh menggunakan air sahaja, kita tidak menggunakan bahan-bahan kimia, itu bermakna kita memang menjaga kualiti alam sekitar termasuk di rumah kita juga.

Jadi, banyak lagi perkara dan banyak lagi bahan-bahan, jika saya sebutkan di sini yang sepatutnya kita menggunakan dengan berhati-hati. Jangan berlebihan kerana yang penting bagi kita adalah kesihatan kita. Jika alam sekitar tercemar, maka kesihatan kita juga terganggu. *Medical doctor* kemungkinan apabila kita ada sakit perut, dia kata, “Okey, kalau itu diarrhea...”, dia bagi imodium dan sebagainya. Akan tetapi saintis alam sekitar kita lihat dari manakah penyakit itu boleh timbul dan macam manakah ia boleh timbul kalau bukan daripada pencemaran alam sekitar. Sekian, terima kasih Yang Berhormat, kawan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau melihat pada jawapan Menteri yang saya kira telah menerangkan secara detil tentang kesan penipisan lapisan ozon ini, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Kita tahu pada tahun 2009, negara kita telah memperakui sasaran untuk mengurangkan sebanyak 40% pengeluaran karbon menjelang tahun 2020. Kalau mengikut kata Menteri tadi, 35%. Boleh kita dapatkan berapakah jumlah terkini sehingga ke hari ini. Sasaran pengeluaran karbon pada tahun ini iaitu tahun 2014 yang kalau kita lihat, 40% ini pun jumlahnya bukanlah terlalu tinggi. Adakah kerajaan memikirkan untuk mempertimbangkan untuk diberikan cadangan mengenakan cukai pelepasan karbon pada pemain-pemain industri dalam usaha untuk mencapai sasaran pengurangan pengeluaran karbon sebanyak 40% pada tahun 2020 nanti? Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan itu. Ini saya perlu menjelaskan. Pada tahun 2009, di dalam persidangan *climate change* ataupun *Conference of Parties Climate Change* di Copenhagen. Perdana Menteri kita *commit* pengurangan *carbon intensity*, bukannya pengurangan karbon. Pengurangan *carbon intensity*, ini berlainan. Pengurangan karbon lain, pengurangan *carbon intensity* lain. *Carbon intensity* adalah

*measurement carbon* dibahagikan dengan GDP negara. Sekarang, negara kita menghasilkan kurang lebih 250 juta tan karbon. Jadi, kalau GDP kita tinggi, maknanya, yang itu juga kurang. Jauh lebih kurang. Jadi, *intensity* dengan karbon itu sendiri berlainan. Ini kerana sekarang semua negara dalam dunia memang sudah pun mengguna pakai *carbon intensity* bagi memberi gambaran bahawa mereka sudah mencapai pengurangan karbon. Sebenarnya, kita sudah pun mengurangkan karbon dengan lebih awal dahulu lagi disebabkan hutan kita menyerap gas karbon dioksida yang begitu banyak.

Daripada pengiraan saya sendiri, hutan kita, 20.3 juta hektar menyerap 31% daripada gas karbon dioksida yang kita telah hasilkan. Jadi, pengurangan ini yang 40% sebenarnya ialah bersamaan dengan 4% sahaja. Ini kita boleh mencapai ataupun sudah pun tercapai dengan hutan kita yang menyerap sebeginy banyak. Oleh itu, kita hanya ingin menggambarkan bahawa Malaysia memang buat itu.

Di dalam projek MyCarbon ini, kita menggalakkan industri dan mereka yang berkaitan dengan perdagangan atau perusahaan untuk menyertai projek MyCarbon. Dalam projek MyCarbon ini, kita bimbing mereka bagaimana untuk mengurangkan karbon dan memberi insentif juga kepada mereka. Kita sedang berbincang sama ada kita boleh mengurangkan cukai untuk mereka. Jadi, ini di dalam perbincangan sebab projek MyCarbon baru sahaja dilaksanakan pada tahun ini. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan itu.

7. **Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]** minta Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi menyatakan sejauh manakah strategi pelaksanaan penetapan harga getah yang tidak lagi bergantung kepada Panel Penasihat Harga, namun akan ditetapkan sendiri oleh Lembaga Getah Malaysia mampu menstabilkan harga getah dan sekali gus mampu membantu pekebun kecil di negara ini.

**Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi [Dato Sri Douglas Uggah Embas]:**  
Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Getah Malaysia masih lagi menggunakan Panel Penasihat Harga bagi menentukan harga harian getah tempatan. Purata harga yang diperoleh setiap hari, ahli penasihat merupakan harga rasmi LGM yang diterbitkan dua kali sehari. Harga ini menjadi rujukan terutama bagi menentukan harga belian dan jualan getah di negara ini di samping turut menjadi rujukan kepada negara-negara lain dalam urusan pembelian dan penjualan getah. LGM sentiasa memantau dan membuat analisa ke atas harga-harga yang diberi oleh panel ini bagi memastikan harga tersebut menggambarkan keadaan sebenar pasaran. Selain itu, LGM juga mempamerkan harga tawaran mereka di laman webnya untuk memberikan ketulusan kepada proses penetapan harga.

Tuan Yang di-Pertua, pihak LGM sedar ada beberapa kelemahan dalam sistem sedia ada. Sehubungan dengan itu, LGM sedang mengkaji beberapa pendekatan. Antaranya adalah untuk mengguna pakai harga kontrak sebenar penjualan getah oleh pengilang sebagai harga rujukan. Selepas kajian ini dibuat, kementerian berharap harga getah dapat dipaparkan dengan mencerminkan harga sebenar yang diurus niaga oleh para pengilang getah. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tersebut. Cuma yang kita risau pada hari ini adalah bagaimana keadaan harga getah terutama sekali di kampung-kampung yang merudum begitu teruk sehingga mencecah RM2. Sedangkan kita pernah mencapai RM7 satu ketika dahulu. Kita juga sedar bahawa harga ini bergantung dengan keadaan permintaan dan juga bekalan. Contohnya, sepatutnya daripada segi logik, bila hujan turun dengan lebat, tidak dapat menoreh, maka bila kita menoreh semula harganya meningkat tetapi selalunya ia tidak menjadi begitu. Begitu juga satu ketika dahulu kita telah menerima belian ataupun tempahan luar biasa dari negara China. Itu antara faktor menjadikan harga getah itu melonjak.

Namun, soalan saya yang pertama adalah, adakah setakat ini setelah sekian lamanya pekebun kecil menderita, *have we seen the bottom?* Atau adakah harga ini sudah paling rendah dan bilakah ia akan *rebound* semula? Soalan yang kedua adalah berkaitan dengan penetapan harga yang dibuat oleh LGM, namun adakah orang tengah juga mengambil kesempatan tentang harga yang ditetapkan itu? Sedangkan mungkin mereka juga mengambil kesempatan hendak untung yang lebih dan bila beli kepada pekebun ataupun pengeluar, harga yang ditawarkan jauh lebih rendah.

#### ■1110

Jadi apakah langkah kerajaan yang telah diambil untuk mengurangkan peranan orang tengah ini dalam industri getah. Terima kasih.

**Dato' Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita semua maklum harga getah telah pun merudum dan ini telah pun dirasai oleh semua negara pengeluar getah termasuk penoreh-penoreh getah di kawasan saya sendiri.

Seperti kita telah pun jelaskan di dalam Dewan ini dan saya fikir semua sudah faham bahawa keadaan harga komoditi akan ditentukan dengan pengeluaran dan permintaan. Jadi sekarang oleh sebab perkembangan pengeluaran getah ini terlebih banyak dari permintaan, maka harganya lebih turun. Untuk tahun 2012, ada kelebihan sampai 600 juta tan dan itu telah pun menurun kepada 300 juta tan pada tahun ini. Kita berharap stok yang berlebihan ini akan lebih turun kepada 200 juta tan mengikut kajian.

Jadi, kalau trend ini jadi seperti diramalkan, maka kita mengharapkan bahawa *we have seen the bottom but I am not very sure*. Bagaimanapun, Kerajaan Malaysia dan kerajaan-kerajaan pengeluar getah ini tidak duduk dan membiarkan keadaan itu berlaku sebegitu sahaja. Kita mengambil tindakan. Maka, pada 13 hari bulan ini ada satu mesyuarat antara pegawai-pegawai pengeluar getah dunia di Kuala Lumpur dan perkara-perkara yang dibincangkan adalah perkara mengenai penurunan harga getah dan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh pengeluar-pengeluar getah ini supaya kita dapat bekerjasama.

Saya baru balik dari Thailand kelmarin dan saya berbincang dengan Menteri Pertanian Thailand, Menteri juga menunjukkan kebimbangan beliau kerana Thailand jumlah pengeluaran getah lebih banyak. Dialah pengeluar utama getah. Mereka juga hendak memikirkan bagaimana

kita akan menentukan bahawa harga getah ini dapat kita kawal dan dapat kita harap, *we have seen the bottom.*

Yang penting adalah kita berharap pada mesyuarat pada 13 hari bulan nanti, semua negara-negara pengeluar akan bekerjasama khasnya dalam cara kita menangani masalah ini. Inilah apa kita harap dapat kita capai. Selepas ini kita akan ada satu lagi mesyuarat ITRC pada bulan November di mana kita juga akan *follow up* dengan keputusan yang dibuat oleh pengeluar-pengeluar getah yang pada 13 hari bulan ini – mesyuarat.

Bagi masalah orang tengah, ini memang disedari oleh kerajaan. Selepas satu kajian yang teliti, kita melihat kalau kita dapat mewujudkan satu sistem pembelian dan untuk mendapat sistem apa yang sesuai, kita telah pun mengadakan satu *lab* di antara pengeluar-pengeluar getah, koperasi-koperasi, pegawai-pegawai kerajaan baru-baru ini dan hasil itu satu cadangan yang telah diluluskan oleh Kabinet di mana Lembaga Getah Malaysia akan menetapkan harga di peringkat ladang. Dengan penetapan harga ini, kita berharap harga dapat ditingkatkan di antara 20 sen kepada 30 sen.

Mekanismenya adalah kita bekerjasama dengan koperasi. Ada 64 koperasi pekebun-pekebun kecil sudah pun menunjuk persediaan untuk bekerjasama dan mereka akan membeli getah di peringkat ladang. Dengan pembelian ini, kita berharap ia dapat membeli dengan harga yang ditetapkan oleh LGM. Untuk membantu koperasi-koperasi ini membeli getah, kerajaan telah mengadakan dana permulaan RM6.4 *million* untuk modal pusingan mereka supaya mereka dapat membeli getah dengan secara *cash* kerana inilah masalah kalau ia tidak beli dengan tunai, mungkin susah untuk pekebun kecil untuk menjual getah kepada koperasi. Ia terikat dengan orang-orang tengah yang mempunyai satu rantaian, genggaman yang begitu kuat dalam industri pekebun-pekebun kecil ini.

Inilah di antara tindakan yang kita ambil dan kita juga akan mengambil beberapa tindakan dan satu persetujuan hasil perbincangan saya dengan Menteri Pertanian Thailand adalah kita hendak menambah bagaimana kita dapat menggunakan, mempelbagaikan kegunaan getah di negara kita ini. Satu model yang kita telah lihat digunakan di Thailand adalah getah boleh digunakan sebagai satu bahan untuk membina jalan. Jadi kalau ini kita dapat laksanakan, maka banyak lagi kegunaan getah. Dengan cara ini, kita dapat meningkatkan permintaan.

Kita berharap semua usaha ini dapat membantu. Ini kerana Kerajaan Barisan Nasional cukup bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh penoreh-penoreh getah. Maka tahun ini ada diberikan bantuan RM500. Tahun depan kita tungguhlah pengumuman dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berpendapat selagi mana harga getah yang dikeluarkan oleh Lembaga Getah Malaysia ini diperoleh daripada Standard Malaysian Rubber (SMR) FOB ini didagangkan di peringkat pasaran berdasarkan kepada pasaran antarabangsa, ia akan menjadi satu ancaman juga sebenarnya kepada pendapatan pekebun-pekebun kecil yang mana tentunya ia akan terbuka kepada manipulasi peraih-peraih ataupun orang-orang tengah ini.

Jadi saya berpendapat apakah pihak kerajaan tidak bersedia untuk menentukan penetapan harga lantai getah yang munasabah? Sebagaimana saya difahamkan pernah dituntut oleh pihak Persatuan Pekebun Kecil Malaysia dengan meletakkan harga RM4 sekilogram. Jadi sebab kita tidak mahu masih ada lagi penoreh-penoreh getah dalam negara kita ini yang memiliki ataupun memperoleh pendapatan bersih mereka di bawah daripada RM2 sekilogram. Jadi apakah pihak kerajaan bersedia untuk menentukan harga lantai itu bagi memastikan pekebun-pekebun kecil kita tidak menjadi mangsa kepada manipulasi pihak peraih dan seumpamanya.

**Dato' Sri Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar masalah orang tengah dan peraih-peraih. Kita juga seperti saya sebut tadi sedar bahawa pendekatan yang kita gunakan adalah yang di mana kita menggunakan panel untuk menentukan harga getah ini memang banyak kelemahannya. Oleh kerana kita menyedari kelemahan ini, maka kita telah pun membuat satu kajian dan kita akan menentukan apakah pendekatan yang kita akan gunakan supaya harga yang kita dapat adalah *credible* dan munasabah untuk para pekebun kecil.

Masalah ini bukan hanya dihadapi kita. Saya bincang dengan Menteri di Thailand. Thailand pun mengemukakan soalan yang sama, sama ada harga yang ditentukan oleh pasaran dunia melalui *future market* menggambarkan harga yang berpatutan. Ini kerana apa yang berlaku dalam sektor komoditi harganya kadang-kadang dipengaruhi oleh *perception*. Bagaimana pembeli memikirkan apakah keadaan stok yang sedia ada dalam dunia ini. Jadi apabila mereka memikirkan stok kita masih banyak, maka di situ lah mereka boleh mempengaruhi dan melambatkan pembelian. Oleh sebab itu, kerana dia menyangka kan harga akan terus turun.

Jadi inilah beberapa faktor yang kita kena jaga. Jadi, itu sebab dalam mesyuarat yang akan datang dengan pengeluar-pengeluar getah dunia ini, kita juga akan bincang mengenai isu maklumat, *statistical information*. Contohnya apabila saya di Thailand, saya bertanya dengan Menteri Pertanian di mana dia simpan stok 200 juta tan yang masih dengan mereka.

Jadi, dia ada beri jawapan tetapi dia juga menunjukkan dari segi maklumat. Ini juga jadi masalah. Jadi kita hendak tentukan di Tiongkok dan di Shanghai, apakah stoknya? Jadi ini akan mempengaruhi segala harga getah kita.

#### ■1120

Akan tetapi apa yang penting, kalau dapat semua pengeluar bekerjasama mengambil beberapa tindakan untuk menentukan bahawa jadual pengeluaran getah kita dalam jangka masa pendek dan panjang dapat kita kawal supaya pengeluaran tidak terlalu tinggi, berlebihan dari permintaan.

Mengenai isu harga lantai ini, ini memang sebagai seorang *politician*, inilah pendekatan yang lebih baik tetapi kita kena tahu hakikatnya. Kita melihat apa berlaku dengan Thailand apabila mereka mengenakan harga lantai untuk padi *and they are facing a lot of problems. A reality comes in, sustainability* dipersoalkan dan mereka menghadapi banyak masalah. Pekebun-pekebun kecil mereka juga menuntut untuk harga lantai dikenakan dan dalam perbincangan saya dengan Menteri itu, Menteri itu kata susah untuk mengenakan harga lantai.

Bagi kita, mungkin kita tidak meletakkan harga lantai tetapi kita mencari cara apakah langkah-langkah diambil oleh kerajaan untuk menentukan pendapatan petani ini tidak turun begitu rendah apabila harga getah kita turun. Jadi kita tunggu lah apakah langkah-langkah yang akan dibuat tetapi yakinlah, kami yang di sebelah sini cukup prihatin kepada masalah pekebun-pekebun kecil di negara ini dan kita mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya, yang boleh *sustainable* kepada kita supaya kebijakan mereka ini sentiasa dibela. Terima kasih.

**8. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta Menteri Pendidikan menyatakan dari tahun 2000 hingga 2014:

- (i) bilangan pelajar Malaysia yang memohon memasuki IPTA setiap tahun; dan
- (ii) bilangan pelajar Malaysia yang berjaya ditawarkan tempat di IPTA setiap tahun.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bayan Baru. Saya juga akan menjawab soalan demi masa depan pelajar-pelajar yang duduk di belakang dan hadapan dan juga untuk masyarakat di luar.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bayan Baru, secara puratanya dari tahun 2008 sehingga sesi akademik tahun 2013/2014, bilangan calon yang ditawarkan tempat di 20 buah IPTA bagi mengikuti program pengajian pada peringkat ijazah pertama atau sarjana muda ialah sebanyak 40,100. Ini secara purata dari tahun 2008 hingga yang terkini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kemasukan sesi akademik yang terkini, tahun 2014/2015, data sehingga 15 September 2014, jumlah yang telah ditawarkan untuk mengikuti pengajian ialah sebanyak 42,795 orang pelajar. Jumlah tersebut kalau kita bandingkan kepada angka purata menunjukkan ada peningkatan sebanyak 2,695 orang calon berbanding kepada purata yang saya katakan tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara terperinci mengikut tahun bilangan pelajar yang memohon dan ditawarkan tempat adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pelajar Yang Memohon (orang)	Bilangan Pelajar Yang Ditawarkan Tempat (orang)
2008/2009	67,143	40,184
2009/2010	61,027	40,366
2010/2011	61,228	40,506
2011/2012	64,703	41,267
2012/2013	63,467	38,549
2013/2014	68,702	41,573

Terkini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 74,071 orang pelajar memohon dan kita telah menawarkan tempat kepada 42,795 orang pelajar. Ini bermaksud peningkatan seramai 1,222 orang pelajar berbanding pada tahun lalu. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang bagus dan lengkap.

Walau bagaimanapun, saya nampak bahawa sebenarnya kalau kita bandingkan statistik yang diberikan, pada tahun 2013, tahun lepas, sebanyak 72% orang pelajar ditawarkan dengan kemasukan ke IPTA tetapi tahun ini telah berkurangan sebanyak 11% kepada 63.5% sahaja. Maka, ada penurunan. Maka, timbul banyak persoalan terutamanya tahun ini ramai pelajar yang layak masuk ke universiti atau mendapat keputusan yang cemerlang tetapi ditawarkan kursus luar pilihan dan luar biasa.

Saya hendak beri contoh seperti seorang pelajar Teo Nian Hwe dari Pulau Pinang, CGPA 4.0 dan SPM 10A meminta masuk jurusan Doktor Pergigian tetapi ditawarkan Sains dan Pengurusan Tumbuhan dari UNIMAS. Pelajar Haziq Farhan Mohd Helmi dari Selangor, CGPA, bagus, 3.42, minta jurusan undang-undang tetapi mendapat kursus pelancongan. Begitu juga ada pelajar-pelajar yang cemerlang tetapi gagal mendapat sebarang penawaran. Pelajar bernama Ginita a/p Tiagarajan dari Selangor, CGPA 3.96 dan SPM 10A tetapi ingin masuk ke universiti, tidak dapat sebarang penawaran. Seorang pelajar Mohd Aizuddin mendapat CGPA 3.61, kira cemerlang, dan ingin memohon jurusan kejuruteraan daripada IPTA gagal mendapat sebarang tawaran.

Maka, saya timbul banyak kemesyikilan. *What a mess. It is a mess.* Ada banyak ketidakadilan yang berlaku kepada pelajar-pelajar kerana kita sebagai ibu bapa kita minta mereka belajar kuat agar mendapat jaminan masa depan yang lebih cemerlang tetapi tidak dapat.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini satu pengurangan bajet terhadap universiti-universiti akibat ingin mengurangkan defisit kerajaan? Juga, adakah kementerian ingin mengejar *world ranking*, jadi terpaksa kurangkan pelajar tempatan dan dapatkan lebih ramai pelajar dari luar negara? Ataupun ini satu-satu *commercialization of higher education?* Kurangkan tanggungan kerajaan tetapi biar *outsources* kepada kolej-kolej swasta atau *private college* untuk menanggung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Dan memberi *business* kepada mereka? Minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, ketiga-tiga soalan Yang Berhormat tanya, jawapannya tidak betul. Itulah jawapan saya tetapi jangan khuatir... *[Dewan riuh]*

Itu sahaja jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak layak jadi Timbalan Menterilah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kita mahu tahu apakah kriteria untuk masuk universiti...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Gugurkan dari Kabinet.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati dengan jawapan ini kerana pelajar-pelajar sedang perhati...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak puas hati duduk sahaja lah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Letak jawatan lagi baiklah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Masa SPM gagal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Diam, diam Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kita nampak juga lambakan universiti di negara kita ini. Hari ini terdapat 20 buah universiti awam, 22 buah universiti swasta, kolej universiti sebanyak 30 buah, dan juga universiti kampus luar negara di sini sebanyak lima buah.

## ■1130

Universiti-universiti ini dan politeknik ini mengeluarkan 184,581 graduan tahun lalu. Bagaimanapun 44,391 atau 24% dari jumlah ini masih tidak mempunyai pekerjaan. Jadi masalah graduan-graduan yang tidak mendapat kerja telah mencakupi berbagai-bagai bidang yang dihasilkan oleh universiti. Contohnya pelajar-pelajar perubatan dan graduan perubatan yang begitu banyak setiap tahun. Dianggarkan lebih kurang 55,000 graduan perubatan yang akan dikeluarkan setiap tahun dan tidak cukup infrastruktur ataupun hospital-hospital latihan untuk melatih doktor-doktor ini.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, berapakah nisbah pelajar IPTA sebenarnya dengan jumlah pensyarah secara keseluruhannya bagi kesemua IPTA di Malaysia dan adakah kerajaan bercadang mengkaji semula kos ataupun bidang yang diperlukan pasaran pekerjaan sahaja yang akan ditawarkan kepada pelajar-pelajar IPT bagi mengurangkan jumlah graduan menganggur pada masa akan datang. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Dalam aspek sama ada kita akan mengkaji kemudian, mengkaji balik sistem pengajian ini kita akan sentiasa lakukan untuk menambah baik dan juga dengan izin, *employability of graduate* itu kita akan sentiasa lakukan.

Di antara pendekatan selain daripada kursus-kursus kritikal untuk kursus-kursus lain Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah melaksanakan Program ICOE yang mana dapat memberi peluang

kepada pelajar-pelajar di IPTA-IPTA berkenaan untuk dapat melaksanakan program praktikal dengan industri-industri. Atas aspek soalan tentang *ratio* pelajar dengan *lecturer* buat masa ini saya tidak ada bersama saya, akan saya maklumkan kepada Yang Berhormat kemudian. Terima kasih, Yang Berhormat.

**9. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan berapakah jumlah kes syarikat yang digulungkan sepanjang tempoh 2010 hingga 2014 dan apakah peranan kerajaan dalam menangani kes syarikat yang digulungkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebuah syarikat boleh digulungkan sama ada melalui penggulungan secara sukarela atau melalui perintah mahkamah. Penggulungan secara sukarela dilaksanakan dalam keadaan syarikat itu tidak meneruskan perniagaannya atau ia telah ditubuhkan hanya untuk tujuan yang terhad dan tujuan tersebut telah dicapai. Manakala antara sebab utama syarikat-syarikat digulungkan melalui perintah mahkamah ialah akibat masalah kewangan atau kesukaran pembayaran hutang yang menyebabkan pemutang-pemutang mengambil langkah untuk menggulungkan syarikat-syarikat terbabit untuk melikwidaskan aset-asetnya bagi mendapat pembayaran hutang.

Jumlah syarikat yang digulungkan sepanjang tempoh 2010 hingga bulan Ogos 2014 adalah sebanyak 9,010. Dari jumlah tersebut sebanyak 3,396 syarikat telah digulungkan secara sukarela manakala sebanyak 5,614 syarikat telah digulungkan melalui perintah mahkamah. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan prihatin berhubung keperluan memperkenalkan satu mekanisme untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang mengalami masalah kewangan. Namun masih boleh dipulihkan untuk beroperasi seperti sedia kala.

Dalam hal ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang merupakan agensi kementerian ini telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan beberapa mekanisme penyelamat korporat melalui pembaharuan yang sedang dilakukan kepada Akta Syarikat 1965. Mekanisme yang dicadangkan ini akan menjadi satu alternatif kepada penggulungan atau pembubarhan syarikat. Antaranya ialah pengurusan kehakiman. Pengurusan kehakiman ialah satu mekanisme penyelamat sementara yang akan diselia oleh mahkamah yang boleh dipohon oleh syarikat atau pemutang syarikat untuk sesuatu perintah bagi meletakkan pengurusan syarikat di bawah seorang pengamal insolvensi yang berkelayakan untuk memulihkan syarikat tersebut dari segi kewangan dan dilaksanakan melalui satu skim untuk menyelesaikan hutangnya. Satu tempoh moratorium akan terpakai semasa perintah pengurusan kehakiman berkuat kuasa untuk mengelakkan tindakan undang-undang diambil terhadap syarikat tersebut bagi tujuan membolehkan pelan pemulihan dirangka dan dilaksanakan.

Keduanya iaitu penyusunan Korporat Secara Sukarela. Penyusunan korporat secara sukarela pula adalah satu mekanisme membolehkan syarikat untuk mencadangkan satu penyusunan kepada pemutang bagi menyelesaikan hutangnya jika dipersetujui oleh pemutang. Pelaksanaan cadangan tersebut akan diselia oleh seorang pengamal insolvensi yang bebas yang akan melaporkan kepada mahkamah berhubung daya maju cadangan itu.

Secara keseluruhannya penggunaan mekanisme-mekanisme penyelamat korporat seperti yang dinyatakan akan memberi lebih faedah kepada syarikat dan pemutang berbanding prosiding penggulungan syarikat yang boleh membawa kesan yang lebih buruk yang akan menyebabkan penamatian syarikat dan ini secara tidak langsung boleh menjelaskan ekonomi negara dijangka masa yang panjang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat satu Rang Undang-undang Syarikat yang dinyatakan sedang dimuktamadkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan ia akan di bentang di Dewan ini tidak lama lagi dan maklumat lanjut berhubung mekanisme penyelamat korporat akan diterangkan secara lebih terperinci pada masa itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya ambil angka yang diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada kes sebanyak 9,010 dan ianya dibahagi dengan lima tahun dan 365 hari, makna satu hari kita ada hampir lima syarikat yang menggulungkan diri sama ada secara sukarela ataupun melalui tindakan mahkamah.

Saya rasa ini agak luar biasa. Tadi selain daripada punca-punca seperti mengalami kerugian yang lebih besar. Saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan kes ini begitu tinggi dan kedua apakah perbezaan antara akta baru syarikat ini yang akan mungkin dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini dengan akta lama dan apakah kesan-kesannya yang akan bawa kepada syarikat-syarikat di bawah akta baru ini. Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk makluman, selain daripada apa yang saya sebut tadi, punca-punca utama syarikat ini digulungkan ialah yang pertamanya ialah penggulungan secara sukarela dilaksanakan dalam keadaan di mana syarikat ini tidak meneruskan perniagaan, jadi dia gulung secara sukarela atau ia telah ditubuhkan hanya untuk satu tujuan yang terhad dan bila tujuan itu telah tercapai, dia terus untuk minta supaya syarikat itu digulungkan, itu secara sukarela

Manakala antara sebab utama syarikat yang digulungkan yang kedua ialah perintah mahkamah akibat daripada masalah kewangan atau kesukaran untuk membayar hutang yang menyebabkan pemutang-pemutang mengambil langkah untuk menggulungkan syarikat-syarikat terbabit untuk melikwidaskan aset-aset bagi mendapatkan pembayaran hutang. Ini ada dua satu secara sukarela dan satu lagi melalui perintah mahkamah.

Mengenai soalan yang kedua ciri-ciri pindaan yang dibuat pada Akta Syarikat 1965 dia ada 11 ciri-cirinya Yang Berhormat. Pertama ialah pembentukan syarikat iaitu syarikat ini boleh ditubuhkan oleh ahli tunggal atau ahli tersebut boleh juga menjadi pengarah tunggal syarikat.

**■1140**

Kedua, kesan perbadanan syarikat iaitu:

- (i) maksudnya syarikat boleh ditubuhkan oleh ahli-ahli tunggal dan ahli tersebut boleh juga menjadi pengarah tunggal syarikat;
- (ii) notis pendaftaran adalah bukti muktamad dan syarikat diberikan kapasiti penuh sebagai perbadanan pertubuhan;
- (iii) ketidakpakaian memorandum dan artikel persatuan. Syarikat diberi pilihan untuk mempunyai perlembagaan iaitu memorandum dan artikel persatuan dan syarikat boleh memilih untuk mempunyai perlembagaan selepas pemerbadanan. Syarikat yang tidak mempunyai perlembagaan akan bergantung sepenuhnya kepada peruntukan akta;
- (iv) saham. Migrasi kepada rejim tiada nilai tara ataupun saham diterbitkan kepada suatu harga yang akan ditentukan oleh syarikat;
- (v) penyelenggaraan modal iaitu kebergantungan kepada penyataan kesovenan untuk transaksi korporat yang melibatkan pengurangan modal saham, bantuan kewangan, pembelian semula saham dan pembayaran dividen;
- (vi) penyata kewangan dan audit;
- (vii) juruaudit;
- (viii) penyata tahunan;
- (ix) mesyuarat dan membuat keputusan;
- (x) mekanisme penyelamat korporat; dan
- (xi) penggulungan syarikat.

Jadi, kalau penggulungan syarikat ini ialah tarikh permulaan penggulungan adalah pada tarikh perintah mahkamah dalam kes-kes penggulungan wajib dan yang kedua peningkatan nilai ambang ketidakupayaan untuk membayar hutang daripada RM500 kepada RM5,000, memperkenalkan parameter untuk pengecualian pelupusan melalui peraturan-peraturan. Itulah ciri-ciri jenis pindaan yang kita buat pada Akta Syarikat 1965. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baiklah Yang Berhormat tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (PINDAAN) 2014**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[8 Oktober 2014]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya minta Yang Berhormat Menteri sambung menjawab.

**11.43 pg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk saya menyambung jawapan kepada soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat semalam dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Seramai 17 Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam pindaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan 14 Ahli Yang Berhormat yang membuat pencelahan.

Untuk penjelasan kepada Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada menyebut mengenai dengan memperkasakan serahan koperasi, gerakan koperasi sekolah dan Malaysia melibatkan PIBG dan juga pertubuhan belia. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha sedang berjalan untuk menubuhkan semua koperasi di sekolah yang berprestasi semasa dan prestasi semasa hari ini hampir 100% sekolah menengah mempunyai koperasi. PIBG juga dilibatkan dalam pembangunan koperasi di sekolah dan sehingga 31 Disember 2013 pada tahun sudah terdapat 164 koperasi yang kumpulan sasarnya terdiri daripada kalangan belia yang didaftarkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Sila Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya terpanggil untuk bertanya dengan kementerian iaitu bagaimana kita kerajaan memperkasakan koperasi di negara kita? Ini termasuk mungkin memulakan koperasi di sekolah tetapi kalau kita lihat di negara-negara Eropah, ekonomi negaranya didukung penuh kuat oleh koperasi-koperasinya iaitu mereka mempunyai *purchasing power* ataupun kuasa membeli yang luar biasa.

Akan tetapi di negara kita ini koperasi punca kita. Apabila dia mengadakan mesyuarat agung perwakilannya saya lihat 60% keahliannya diwakili oleh koperasi-koperasi sekolah yang tidak mempunyai *purchasing power*, yang tidak mempunyai kuasa pembeli. Cuma diwujudkan koperasi. Sebanyak 40% koperasi dewasa. Jadi, bagaimana kita hendak memperluaskan koperasi ini supaya lebih mantap, teguh, kukuh seperti koperasi-koperasi di Eropah, di Amerika. Mereka

begitu luar biasa. Apabila ada sesuatu, mereka boleh bersaing dengan syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat gergasi.

Akan tetapi di negara kita ini saya tengok koperasi kita macam ada yang maju, ada yang macam tidak nampak kemajuannya. Dan lagi tabung modal pusingan ini saya rasa walaupun saya setuju ia kena dikawal selia oleh SKM tetapi hendaklah mungkin dipertingkatkan dan lagi jangan terlalu perketatkan mana-mana koperasi yang kita kenal pasti betul-betul berjaya. Maka hendaklah diberikan pinjaman tabung modal pusingan itu. Kalau tidak akhirnya kita akan mendapat koperasi yang banyak tetapi *purchasing power* atau kuasa pembelian tidak ada. Jadi, tidak ada makna kita mewujudkan begitu banyak koperasi tetapi tidak ada kuasa pembeli, tidak boleh menentukan sesuatu pasaran dan sebagainya.

Jadi pada saya, saya ingin menyarankan kementerian supaya melihat isu ini sebagai satu isu yang perlu mungkin kita juruskan untuk melihat koperasi-koperasi di negara kita ini akan terus maju, mantap dan boleh bersaing dengan GLC-GLC yang lain. Boleh bersaing dengan *private sector* yang lain untuk mempertingkatkan kuasa pembeli di dalam negara kita dan sekiranya koperasi-koperasi kita ini kukuh, teguh dan kuat maka ekonomi negara kita pasti akan terjamin pada masa akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, semua soalan pencelahan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat saya akan bagi jawapan kemudian kerana akan disediakan jawapan oleh pegawai-pegawai kementerian di belakang.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Kuala Selangor pada semalam mengenai dengan koperasi melanggar undang-undang. Sepanjang tahun 2013 SKM telah menjalankan 32 pemeriksaan di bawah seksyen 64 dan seksyen 68 Akta Koperasi 1993 dan 22 siasatan di bawah seksyen 45 Akta SKM dan seksyen 66 Akta koperasi 1993. Hasil daripada tindakan-tindakan di atas 44 kompaun telah dikeluarkan di bawah seksyen 93(1) Akta koperasi 1993 dan 17 perintah di bawah seksyen 67 dan 69 Akta Koperasi Malaysia 1993 telah dikeluarkan. Selain itu sebanyak 45 pemeriksaan usaha wajar iaitu *due negligence examination* telah dilaksanakan. SKM juga sentiasa mengadakan program kesedaran dan pematuhan perundangan koperasi.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Hulu Langat mengenai dengan prestasi KOBERA. Jumlah KOBERA yang didaftarkan ialah 325 buah koperasi dan jumlah geran yang diluluskan sebanyak 44.5 juta untuk pembangunan projek. Pinjaman diberi sehingga kini ialah sebanyak RM15.13 juta dan SKM dalam tindakan untuk membangunkan KOBERA dalam pakej yang sesuai bagi menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh KOBERA.

■1150

Yang Berhormat Hulu Langat dan juga Yang Berhormat Nibong Tebal ada membangkitkan mengenai...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua sedikit penjelasan. Biasanya anggota koperasi yang berada di bawah koperasi umpamanya KOBERA ini, mereka perlu mencarum, membeli *share* kepada koperasi itu. Dalam hal KOBERA ini adakah geran yang diberi RM30,000 itu untuk dijadikan sebagai *share* anggotanya? Itu minta penjelasan.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang Berhormat daripada Hulu Langat dan juga Yang Berhormat Nibong Tebal membangkitkan status MOCCIS. MOCCIS sedang dipulihkan dengan program pemulihan dengan pakej tertentu seperti melonjakkan semula aktiviti kredit, melaksanakan aktiviti baru iaitu aktiviti ICT pemasaran. MOCCIS telah diberi kad potongan gaji oleh Jabatan Akauntan Negara dan MOCCIS boleh membuat potongan gaji sebagaimana dilaksanakan oleh ANGKASA. Sebahagian daripada program pemulihan MOCCIS ialah mempelawa mana-mana koperasi lain untuk menggunakan kad potongannya dan terpulanglah kepada koperasi untuk menggunakan kad potongan ini. Itu mengenai dengan MOCCIS.

Ada juga daripada Yang Berhormat Hulu Langat. Yang Berhormat daripada Hulu Langat membangkitkan mengenai dengan KOHILAL. Untuk makluman Yang Berhormat, KOHILAL sekarang ini sudah pulih dan akaun diaudit dan mesyuarat agung diadakan dan sudah mula memperoleh keuntungan. Itu yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Hulu Langat.

Terima kasih Yang Berhormat Tanjong mengenai dengan Koperasi Ilham iaitu KUIBB dan juga aktiviti khairat kematian. Untuk makluman Yang Berhormat, koperasi ini terlibat dengan Skim Cepat Kaya. Siasatan oleh SKM pada peringkat akhir dan untuk mengelakkan daripada merebaknya skim ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah membatalkan pendaftaran koperasi pada 15 April 2011 lagi. Pegawai Pelikuidasi untuk koperasi telah dilantik dan pegawai ini akan menyediakan Skim Pembahagian Aset dan akan dibahagikan semua mana-mana aset yang masih ada dalam koperasi kepada anggota-anggota Koperasi KUIBB ini.

Yang Berhormat Tanjong juga bangkit mengenai dengan logo 1Malaysia yang digunakan oleh koperasi-koperasi. Untuk makluman Yang Berhormat, koperasi tidak dibenarkan guna logo 1Malaysia kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sahaja. Sehingga kini belum ada dibenarkan oleh SKM untuk koperasi-koperasi menggunakan logo 1Malaysia tetapi kalau ada itu mungkin di luar. Itu yang secara tidak sah yang digunakan oleh koperasi-koperasi seperti Yang Berhormat sebut semalam untuk meyakinkan orang ramai dia letak logo 1Malaysia di situ.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan KUIBB ini. Banyak yang terlibat dalam Skim Khairat Kematian ini. Sama ada dengan pelikuidasi yang telah dilantik sama mereka sekarang boleh mengemukakan sebarang tuntutan kepada SKM untuk mendapat pembahagian aset nanti. Sekian.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey akan saya perjelaskan nanti. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Nibong Tebal, galakkan koperasi untuk tingkatkan keyakinan dan bukan menghukum. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2013 SKM

hanya membawa dua kes pendakwaan baru terhadap Anggota Lembaga Koperasi. Peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia lebih kepada pembangunan koperasi itu sendiri di samping memberi kesedaran undang-undang kepada koperator-koperator.

Mengenai dengan koperasi kecil dan juga koperasi pengguna. Untuk makluman Yang Berhormat Nibong Tebal ada program untuk kita membangunkan koperasi kecil dan juga koperasi pengguna. Pertamanya kita adakan *business matching, mentor-mentee*, membantu dengan geran pembangunan infrastruktur yang disediakan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi untuk koperasi kecil dan juga koperasi pengguna.

Yang Berhormat Nibong Tebal juga membangkitkan mengenai dengan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi. Untuk makluman Yang Berhormat, kumpulan wang ini ditadbir urus oleh satu jawatankuasa yang diberi kuasa di bawah Peraturan Kumpulan Wang (KW). Kumpulan Wang ini hanya digunakan untuk pembangunan koperasi dan diaudit oleh Ketua Audit Negara setiap tahun. Jadi tidak timbul penyelewengan dalam menggunakan Tabung Kumpulan Wang ini kerana sentiasa diaudit oleh Ketua Audit Negara pada tiap-tiap tahun.

Yang Berhormat dari Kota Raja membangkitkan mengenai dengan Ahli Lembaga mesti bersifat amanah, SKM mesti pastikan. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Raja, SKM bertindak tegas supaya Ahli Lembaga Koperasi bersifat amanah dan program-program yang kita jalankan termasuklah Ahli Lembaga Koperasi wajib hadir kursus wajib selama tujuh hari. Calon Ahli Lembaga Koperasi, koperasi yang besar akan ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi sebelum bertanding di dalam mesyuarat agung untuk dipilih menjadi Ahli Lembaga Koperasi. Kursus lain juga dibuat untuk meningkatkan integriti Ahli Lembaga Koperasi. Ini mengenai dengan Ahli Lembaga mesti bersifat amanah, saya bersetuju.

Yang Berhormat Kota Raja juga bertanya mengenai dengan mekanisme pemantauan Ahli Lembaga Koperasi. Macam saya sebut tadi, anggota yang ingin bertanding sebagai Ahli Lembaga Koperasi dia perlu melalui proses penentusan. Hanya mereka yang memenuhi kriteria hendak lantik jadi Ahli Lembaga Koperasi ini pun bukan mudah. Mereka mesti memenuhi kriteria layak dan sesuai baru boleh dilantik ataupun dilantik semula sebagai Ahli Lembaga Koperasi. Kriteria yang dinilai ialah integriti. Integriti ini Yang Berhormat kita akan semak melalui laporan CCRIS. Kita hendak tengok laporan daripada CCRIS pun kita ambil dan status kebankrapan kalau sekiranya dia menghadapi bankrap dan sebagainya dan telah juga mengikuti kursus wajib yang saya sebutkan awal tadi, tujuh hari. Kalau tidak dia tidak akan diberi ruang untuk dilantik sebagai Ahli Lembaga Koperasi.

Yang Berhormat daripada Temerloh, mengenai dengan kenaikan kos sara hidup. Koperasi juga berperanan dalam menangani kos sara hidup. Pertamanya kita memperkenalkan produk-produk 1Malaysia yang mana harganya 20% hingga 30% lebih rendah daripada harga biasa dan kualitinya sama. Kedua, kita juga membina perumahan dengan harga yang lebih rendah. Ketiga, kita juga menggalakkan koperasi menjadi pemborong dan pengedaran barang supaya ahli-ahli di peringkat luar bandar terutamanya juga mendapat harga yang sama dan

berpatutan. Keempat, kita menyediakan kemudahan kredit supaya anggota meminjam dengan kos yang lebih rendah. Itu Yang Berhormat Temerloh.

Yang Berhormat daripada Temerloh juga ada mencadangkan, terima kasih banyak, mencadangkan supaya pengurusan ikut kepakaran, pilih Ahli Lembaga Koperasi selaras dengan demokrasi, koperasi penyumbang kepada ekonomi setempat, urus tadbir.

### ■1200

Untuk makluman Yang Berhormat, KPDKKK menghargai cadangan-cadangan tersebut dan Suruhanjaya Koperasi telah menyediakan dan juga mengatur kursus, seminar dan menyediakan infrastruktur perundangan menjurus kepada perkara yang dicadangkan. Suruhanjaya Koperasi dalam tindakannya meminda akta yang menjuruskan kepada meningkatkan tadbir urus dan penyeliaan kendiri koperasi. Ini juga dijalankan oleh KPDKKK melalui Suruhanjaya Koperasi.

Yang Berhormat daripada Tebrau. Apakah usaha SKM untuk menjadikan sekolah sebagai asas untuk melatih pelajar tentang proses perniagaan? Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, Konvensyen Keusahawanan Koperasi Sekolah diadakan setiap tahun untuk menggalakkan pelajar sekolah menjalankan projek keusahawanan yang inovatif dan memupuk semangat keusahawanan. Yang Berhormat Tebrau juga membangkitkan mengenai dengan koperasi sekolah sebagai tempat melatih murid-murid sebagai pemimpin pada masa depan. Terima kasih, memang itulah harapan kementerian dan juga SKM.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, terdapat 2,286 koperasi sekolah dengan keanggotaan 2.17 juta orang. Syer sebanyak RM22.55 juta dan aset sebanyak RM271.38 juta dan perolehan mencatat sebanyak RM313.65 juta. Ini koperasi sekolah-sekolah yang terdapat daripada 2,286. Satu perkembangan, peningkatan yang cukup baik. Koperasi sekolah sememangnya menjadi *training ground* untuk melatih anggota-anggota yang terdiri daripada murid-murid sekolah untuk menjadi pemimpin.

Yang Berhormat Tebrau juga menyatakan soalan mengenai dengan koperasi baru, selepas ditubuhkan, apa tindakan SKM? Untuk makluman Yang Berhormat, program untuk koperasi baru yang pertama ialah pendidikan anggota. Supaya lebih memahami koperasi, faham mengenai dengan koperasi dan kepentingan serta manfaat berkoperasi. Keduanya, penyeliaan dan khidmat nasihat oleh SKM. Ketiga, kursus untuk koperasi baru, kita beri kursus kepada koperasi-koperasi baru dan yang lainnya, pengurusan mengenai pengurusan kewangan dan juga pengurusan tadbir urus yang baik. Begitu juga kursus keusahawanan, kursus mengenali projek yang sesuai kerana kita hendak supaya koperasi juga mesti mengenali projek yang sesuai untuk dilaksanakan dan kursus pengurusan projek, ini penting.

Koperasi yang gagal hadir kursus wajib, untuk makluman Yang Berhormat, ahli lembaga koperasi tidak boleh lagi memegang jawatan kalau dia tidak hadir kursus wajib ini. Ahli lembaga koperasi sekiranya tidak hadir sehingga dia ada sijil hadir kursus wajib, dia mesti ada sijil itu baru dia boleh dilantik. Kursus wajib disediakan secara percuma kerana ada juga Yang Berhormat bangkitkan semalam kalau ada caj itu dan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kursus wajib ini disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi secara percuma kepada ahli-ahli lembaga pengarah.

Mengenai dengan koperasi dorman dan tidak aktif. Program pemulihan dibuat dan untuk makluman, jumlah koperasi yang dorman ini ada lebih kurang 781 buah koperasi. Program pemulihan ini kita adakan bengkel pemulihan dan kita beri geran bantuan untuk pemulihan, bagi yang ada projek yang kita nampak berdaya maju. Kalau kita tidak nampak berdaya maju, kita tidak bagilah geran bantuan ini kerana geran itu akan begitu sahaja. Jadi, sekiranya kita nampak projek ini berdaya maju, maknanya geran akan disediakan. Jika tidak ada potensi, ini yang dorman ini, Suruhanjaya Koperasi akan batalkan koperasi dorman selepas program pemulihan. Kita ada program pemulihan tetapi kita nampak tidak ada potensi untuk dipulihkan dan koperasi ini terpaksa dibatalkan oleh Suruhanjaya Koperasi. Ini mengenai dengan Yang Berhormat daripada Tebrau.

Yang Berhormat daripada Pokok Sena mengenai dengan isu Bank Rakyat. Bank Rakyat ini bukan- kita jawab ini mengenai dengan koperasi sahaja tetapi tidak apalah. Saya hendak ber sedikit mengenai dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Pertamanya, saya ingat sudah pun dijawab banyak kali. Mula-mula Bank Rakyat sendiri mengeluarkan kenyataan dan keduanya, MOF dan yang ketiganya, Yang Berhormat Menteri sendiri telah memberi penerangan terperinci beberapa bulan yang lepas. Jadi, jawapan kepada Yang Berhormat juga secara bertulis telah diberi pada tahun sudah. Soalan Yang Berhormat pada 19 November 2014, untuk *coming* yang kita sediakan.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, kita ada dua pilihan. Pertama, sama ada hendak membawa peminjam ini ke mahkamah untuk menyaman dan mengambil semua cagaran atau mencairkan aset melalui lelongan dan sebagainya sekiranya sudah ada baki. Maka, bank terpaksa mengisyiharkan sebagai kos hangus dan kerugian. Keduanya, sama ada menawarkan penstruktur pembayaran untuk mendapat baki pinjaman sebanyak mungkin. Pilihan yang kedua diambil oleh pihak Bank Rakyat dan keputusan ini bukanlah satu perkara yang mudah. Akan tetapi demi untuk menjamin seperti apa Yang Berhormat sebut, Bank Rakyat pun jawab bahawa tindakan penstruktur merupakan tindakan yang terbaik untuk mengurangkan kerugian bagi pihak bank. Dalam hal ini, kementerian bersama-sama menjalankan apa yang telah diputuskan oleh pihak lembaga Bank Rakyat.

Yang Berhormat Jerlun, penubuhan koperasi sekolah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan walaupun ringkas. Akan tetapi soalan saya yang masih belum dijawab ialah apakah dengan penstruktur semula itu termasuk soal *taawid* itu, denda lewat ke atas peminjam. Juga terus dikenakan ke atas peminjam. Yang keduanya ialah, apakah pertimbangan ini akan diberikan kepada semua peminjam. Bukan hanya kepada Deepak Jaikishan sahaja. Apakah selepas ini ada peminjam-peminjam lain yang datang kerana ada masalah kewangan dan sebagainya, maka diminta distrukturkan semula dan dibuat seperti mana yang dibuat kepada Deepak Jaikishan iaitu

bayar *post dated cheque*. Jadi, saya hendak minta, adakah itu akan dipertimbangkan oleh pihak Bank Rakyat.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih, saya akan beri jawapan kemudian. Soalan daripada Yang Berhormat Jerlun, penubuhan mengenai dengan koperasi sekolah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Tidak apalah, nanti tunggulah saya beri jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Menteri dah sebut akan memberikan jawapan kemudian.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, begini, begini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, bila...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya dah sebut semalam lagi. Saya sebut semalam, saya tanya semua itu soalan-soalan semalam. Saya rasa semua pegawai catat boleh buka rekod yang dirakam, itu soalan semalam. Saya rasa tidak sepatutnya kerana hendak tunggu dari belakang. Semua soalan semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soal takwib, soal apa nama...

#### ■1210

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Saya sebut soalan tambahan Yang Berhormat tadi ini akan dijawab kemudian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena, apa susahnya Yang Berhormat? Duduk, duduk sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soalan tambahan saya, soalan tambahan saya ialah soalan semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, peraturan mesyuarat Yang Berhormat. Apabila Tuan Yang di-Pertua bercakap, sila duduk.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Betullah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ha duduklah kalau dah betul. Yang Berhormat Menteri, dia mudah sahaja. Yang Berhormat Menteri kata akan berikan jawapan selepas ini. Tunggulah Yang Berhormat, dia berikan jawapan. Sila Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sabar,sabar. Yang Berhormat Pokok Sena orangnya sabar.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Betullah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baik. Terima kasih, duduk.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya nak katakan bahawa inilah saya katakan pengurusan cincai. Soalan semalam patutnya dah set. Mai hari ini semua dah ada jawapan. Saya hanya membangkitkan kembali soalan yang saya bangkitkan semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, dia mudah sahaja Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri kata akan berikan jawapan, sila sabarlah sikit.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya pun kata mudah sebab itu saya bagi tahu semalam. Bila bagi tahu semalam, balik itu masa panjang. Takkun tak boleh ambil masa untuk jawapan semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Dah saya bagi dah tadi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi dah nak kena tunggu pula. Eh saya kata ini apa punya *efficiency* kita dalam pengurusan persidangan macam ini?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jerlun membangkitkan mengenai penubuhan koperasi sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat, objektif penubuhan koperasi sekolah ialah pertama, untuk memberi pengetahuan dan penjelasan serta pengalaman ilmu berkoperasi dan perniagaan kepada pelajar-pelajar. Kedua, untuk menjadikan aset kepada gerakan koperasi untuk menjadi pemimpin koperasi masa hadapan dan yang ketiga, menyediakan barang-barang dan juga peralatan untuk kemudahan pembelajaran iaitu penubuhan koperasi sekolah.

Mengenai dengan program TUKAR koperasi, untuk makluman Yang Berhormat Jerlun, pada 2013 sebanyak 120 koperasi telah dilaksanakan. Pemodenan kedai runcit pada September 2014, sebanyak 104 koperasi telah dimodenkan dalam program TUKAR ini.

Yang Berhormat Jerlun juga bangkit mengenai dengan berapakah jumlah pencapaian koperasi program TUKAR. Ini saya dah sebut tadi. Untuk makluman, pihak koperasi yang terlibat secara langsung dalam Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) tadi, sehingga kini kalau keseluruhannya ialah 441 buah kedai runcit dan koperasi telah menyertai program TUKAR dan membuktikan pihak koperasi juga telah tidak mahu ketinggalan dalam bidang peruncitan ini dan ingin memajukan diri dalam perniagaan peruncitan domestik. Ini telah pun diambil peranan oleh pihak koperasi-koperasi di sekolah dan juga dalam program TUKAR.

Yang Berhormat Jerlun juga membangkitkan mengenai peluasan Kedai Rakyat 1Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, kedai KR1M sehingga kini sebanyak 142 buah Kedai Rakyat 1Malaysia telah diwujudkan di seluruh negara dan sasaran kerajaan adalah untuk membuka sekurang-kurangnya sebuah kedai KR1M ini di setiap kawasan Parlimen - 222, sekarang ini baru

ada 142. Jadi banyak lagi yang akan kita tubuh dan kita berhasrat supaya tiap-tiap kawasan Parlimen ini sekurang-kurangnya ada sebuah Kedai Rakyat 1Malaysia.

Yang Berhormat Jerlun juga bertanyakan jumlah koperasi yang mendapat lesen borong sehingga hari ini. Pada masa ini, sebanyak 92 buah koperasi telah diluluskan lesen borong barang kawalan berjadual merangkumi koperasi-koperasi di seluruh negara. Kementerian menggalakkan penglibatan koperasi di dalam industri borong dan juga runcit barang kawalan berjadual dan ini harapan kita supaya koperasi juga terlibat.

Yang Berhormat Batu membangkitkan garis panduan untuk dipilih menjadi ahli lembaga koperasi. Tadi pun saya dah sebut panjang. SKM telah menyediakan garis panduan untuk menjadikan panduan dalam pelantikan ahli lembaga pengarah koperasi iaitu garis panduan pelantikan dan pelantikan semula anggota lembaga koperasi. Antaranya menggariskan ahli lembaga yang hendak dilantik mesti mendapat penentu sah daripada SKM, mesti berintegriti dan bebas daripada beban hutang yang saya sebut tadi. Kita *check* melalui CCRIS dan sebagainya dan laporan kewangan hendaklah diberikan untuk tapisan suruhanjaya. Jadi taklah semudah itu untuk menjadi ahli lembaga koperasi. Kita ada buat pemantauan dan sebagainya.

Isu koperasi perumahan. Untuk makluman Yang Berhormat Batu, setiap koperasi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum ke isu koperasi perumahan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih atas jawapan itu. Saya memahami ada panduan ini. Saya ingin dapat sedikit maklumat tentang data berapakah koperasi ini yang sekarang ini peratusan yang tidak berfungsi. Mereka yang tidak ada AGM dan lain-lain lagi. Peratusan yang tidak ada dan apakah puncanya. Adakah pengurusan dan apakah cara sebagai anggota koperasi, mereka dapat memantau dan memastikan pemimpin-pemimpin koperasi itu bertanggungjawab. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya akan bagi jawapan. Mengenai dengan isu koperasi perumahan, sektor koperasi telah menyumbang kepada pembangunan perumahan mengikut Akta Koperasi 1993 dan di bawah Akta Koperasi 1993 tidak menghalang untuk koperasi turut menjadi pemaju perumahan. Untuk makluman Yang Berhormat, antara koperasi perumahan yang berjaya bagi bidang perumahan, yang pertama ialah Koperasi Tunas Muda Sungai Ara, Pulau Pinang. Yang kedua, Koperasi KeTTHA di Johor, ini yang terlibat dengan perumahan. Ketiganya ialah Koperasi Perumahan Rapat Setia, Ipoh Perak dan yang keempat ialah Koperasi Perumahan Taiping Barat, Perak. Ini koperasi-koperasi yang terlibat dalam bidang perumahan.

Yang Berhormat dari Bagan Serai juga bangkitkan mengenai dengan koperasi luar bandar perlu diperbesarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, program memperkasakan keseluruhan koperasi termasuklah di luar bandar, pertama ialah program *groom big* yang kita laksanakan. Yang kedua, program *mentor-mentee*, yang ketiga ialah program *business matching*. Yang keempat,

pendekatan *National blue Ocean Strategy (NBOS)* dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu bangun.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kerana ada soalan yang saya bangkit dalam perbahasan saya tidak dijawab. Saya ingin dapat tahu penyelesaian masalah koperasi perumahan yang ada masalah. Saya memang saya ucapkan tahniah kepada koperasi-koperasi yang berjaya. Saya ambil contoh Koperasi Perumahan Pasar Sentul di kawasan saya, dah lebih 10 tahun tidak berjaya untuk mendirikan rumah kos rendah untuk anggota dia. Saya ingin dapat tahu apakah prosedur dan cara yang akan dicadangkan oleh kementerian untuk koperasi perumahan dan saya yakin ada banyak lagi koperasi yang menghadapi masalah yang sama. Kalau boleh kita ingin dapat sedikit maklumat cara untuk mengatasinya. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Batu Gajah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, kalau tak jawapan boleh berikan jawapan secara bertulis ya.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itu kita akan sediakan dan kalau tak ada ini, kita beri jawapan bertulis. Yang Berhormat dari Batu Gajah membangkitkan bilangan koperasi sehingga kini September mengikut negeri dan juga kaum India. Jumlah koperasi sehingga 30 September 2014 seperti yang saya sebut semalam iaitu 11,640 koperasi dan jumlah koperasi India adalah sebanyak 133 koperasi iaitu sehingga 30 September 2014. Statistik mengikut negeri boleh dapat daripada portal yang semalam itu Yang Berhormat sebut. Untuk makluman juga mengenai dengan koperasi ini kalau di seluruh jumlah koperasi yang saya sebut tadi iaitu 11,640 buah.

## ■1220

Kalau mengikut di negeri-negeri, pecahannya adalah seperti berikut:

Lokasi	Bilangan Koperasi (buah)
Johor	1,114
Kedah	910
Kelantan	726
Melaka	444
Negeri Sembilan	630
Pahang	907
Perak	1,214
Perlis	172
Pulau Pinang	667
Selangor	1,357

Terengganu	595
Wilayah Persekutuan	865
Sabah	1,131
Sarawak	906
Ibu Pejabat	2
<b>Jumlah</b>	<b>11,640</b>

Langkah-langkah untuk membantu koperasi menghadapi bayaran balik pinjaman ini ialah koperasi boleh rujuk untuk mendapatkan keputusan daripada tribunal untuk pemulihan atau langkah-langkah untuk pembayaran balik pinjaman dari anggota. Koperasi boleh rujuk untuk mendapatkan keputusan daripada tribunal koperasi bagi kes yang tidak dapat dikutip pinjaman melalui ahli.

Yang Berhormat Batu Gajah membangkitkan mengenai koperasi yang berjaya di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman, koperasi yang berjaya di Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) Koperasi Kakitangan Sawit Kinabalu Sabah Berhad;
- (ii) Koperasi SESCO Sarawak Berhad;
- (iii) Koperasi Perkhidmatan Awam Sabah Berhad;
- (iv) Koperasi Nasib Kita Tawau Sabah Berhad;
- (v) Koperasi Kakitangan Taman-taman Sabah Berhad;
- (vi) Koperasi Pekerja-pekerja Kerajaan Sabah Berhad; dan
- (vii) Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad.

Untuk makluman, koperasi-koperasi ini adalah tersenarai di dalam indeks top 100 koperasi-koperasi yang berjaya.

Yang Berhormat Lenggong membangkitkan mengenai dengan memajukan koperasi melalui *Blue Ocean Strategy*. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Koperasi telah melaksanakan *Blue Ocean Strategy* dalam memajukan gerakan koperasi di Malaysia. Antaranya, bersama dengan FELDA bagi memajukan Koperasi FELDA, FELCRA bagi memajukan Koperasi FELCRA, Kementerian Belia dan Sukan bagi memajukan Koperasi Belia, Kementerian Pendidikan untuk memajukan koperasi sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi, Jabatan Orang Asli bagi Koperasi Orang-orang Asli, dan begitu juga RISDA bagi Koperasi Pekebun-pekebun Kecil.

Koperasi sekolah yang tidak terbeban kepada guru. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah yang telah diambil untuk menjadikan koperasi... Kalau koperasi di sekolah ini kadang-kadang mungkin Yang Berhormat mengatakan menjadi beban. Sebenarnya tidak membebankan kepada guru kerana langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadikan koperasi sebagai kurikulum dan diambil kira sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) dalam membuat penilaian prestasi tahunan guru-guru. Ini diambil kira oleh kementerian. Juga, inisiatif-inisiatif lain kepada guru-guru koperasi iaitu koperasi boleh bayar honorarium kepada ahli lembaga koperasi selain dividen dengan kelulusan Suruhanjaya Koperasi.

Yang Berhormat dari Kapar mengenai dengan TEKUN dan juga isu SPAD. Ini tidak ada kaitan dengan KPDKKK dan SPAD juga tidak ada kaitan dengan KPDKKK.

Angkasa. Penyata Kewangan Angkasa akan dihantar kepada Suruhanjaya Koperasi dan penyata kewangan ini diaudit oleh juruaudit bertauliah. Itu untuk makluman Yang Berhormat.

Kedua, mengenai dengan penyiasatan kepada Angkasa atas isu aduan penyelewengan. Suruhanjaya Koperasi telah membuat siasatan dan didapati sebahagian isu-isu dibuat mengikut undang-undang dan Suruhanjaya Koperasi telah mengenakan kompaun atas isu-isu yang didapati benar ada kesalahan. Di samping itu, Angkasa telah diberi perintah bertulis di bawah seksyen 67, Akta Koperasi 1993 supaya Angkasa mengambil tindakan ke atas kesalahan di bawah peraturan dan undang-undang kecil dan supaya diperbetulkan. Itu daripada Yang Berhormat Kapar.

Yang Berhormat dari Gerik membangkitkan mengenai jumlah koperasi sehingga 30 Disember 2013. Memang betullah Yang Berhormat sebut 10,900. Jumlah koperasi berjaya ada mengeluarkan... SKM ada mengeluarkan senarai 100 koperasi yang berjaya dan terbaik. *Top 100*. Ini bukanlah bermakna hanya ada 100 koperasi sahaja yang berjaya. Yang lain pun ada juga berjaya. Itu untuk makluman Yang Berhormat Gerik.

Yang Berhormat Sepang, Koperasi Permodalan FELDA (KPF). Siasatan telah dibuat ke atas isu Silver Bird oleh Suruhanjaya Koperasi. Penemuan kes ini berbangkit dalam perniagaan di Syarikat Silver Bird dan KPF adalah sebagai pelabur dan tidak terlibat dengan kes penyelewengan di Syarikat Silver Bird. Pelaburan dibuat oleh KPF adalah teratur dan mengikut prosedur.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, untuk penjelasan, Pengurus FELDA tidak menjadi ahli kepada Koperasi Permodalan FELDA Berhad.

Yang Berhormat Setiu berkenaan dengan pejabat SKM di Daerah Besut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, saya bukan mengatakan bahawa dia... Dia pernah menjadi ahli dan kemudian telah dibatalkan. Bermakna dia tidak layak menjadi ahli. Kemudiannya kita minta dibatalkan. Akan tetapi yang peliknya, sebelum ini Suruhanjaya Koperasi tidak mahu batalkan. Tidak mahu batalkan walaupun dia tidak layak jadi ahli. Isu yang saya bangkitkan bukan dia tidak jadi ahli tetapi isunya kenapakah apabila dia tidak layak menjadi ahli, dia masih dibenarkan namanya di dalam keahlian KPF? Itu isunya. Kenapa boleh berlaku begitu? So saya tidak tahu adakah Yang Berhormat Menteri catat dengan betul ataupun tidak. Itu isunya. Soalan saya kenapa jadi begitu sampai terpaksa bawa pergi ke mahkamah untuk batalkan? Itu isunya. Adakah Suruhanjaya Koperasi tidak buat apa-apa ataupun ada arahan tidak benarkan padam namanya? Itu yang saya minta penjelasan.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu pertama. Kedua, tentang Silver Bird. Isunya ialah walaupun dia melabur... Jadi apabila isu itu melibatkan pecah amanah sebanyak

RM30 juta, jadi saya ingin tanya, adakah apabila berlakunya penyelewengan itu, adakah termasuk dalam RM30 juta itu wang pelaburan itu? Bagaimanakah kesan kepada pelaburan itu? Adakah pelaburan itu telah diberhentikan? Apabila diberhentikan, apakah pampasan? Itu minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Tolong. Terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih. Yang Berhormat dari Setiu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh, apa ini? Tak jawabkah?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Tidak apalah, nanti saya bagilah. Saya sudah beritahu kata soalan-soalan pencelahan ini akan diberi kemudian kalau sekiranya ada. Kalau tidak ada, kita akan bagi bertulis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau begitu, buat apa semalam kami bangkitkan? Semalam Yang Berhormat Menteri buat apa?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Kita sudah jawab sudah. Tadi macam Yang Berhormat Pokok Sena tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan saya ini bukan ulang. Soalan saya ini bukan soalan tambahan. Soalan yang sama.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ini maklumat yang ada. Saya sampaikan maklumat yang ada. Kalau yang tidak ada, mungkin kita akan bagi kemudian. Kalau tidak, secara bertulis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau macam ini, patutlah Tan Sri Isa Samad boleh jadi ahli, kalau macam ini punya cara bekerja.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita tidak boleh menyebut nama ahli yang lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey, minta maaf. Saya tarik balik. Akan tetapi saya hendak katakan inilah Pengerusi FELDA. Sebab itulah boleh jadi ahli kalau macam ini jawapannya.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang Berhormat dari Setiu membangkitkan mengenai pejabat SKM di Daerah Besut. Suruhanjaya Koperasi sedang membuat rasionalisasi bagi penempatan semula pegawai-pegawai di peringkat negeri dan juga cawangan-cawangan. *Insya-Allah* Yang Berhormat, kita sedang buat rasionalisasi bagi penempatan semula pegawai-pegawai untuk penambahan di negeri dan juga cawangan. Mungkin juga di kawasan Yang Berhormat di Setiu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup ya Yang Berhormat? Habis?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Sikit daripada jawapan-jawapan yang dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh jawapan secara bertulis, Yang Berhormat? Ya?

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ada pada saya semua dan *insya-Allah* jawapan ini akan kita bagi secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soalan yang daripada semalam itu sampai hari ini pun tidak boleh siap sebab taip rosakkah apa, *printer* rosak kah, apa kah. Agak-agaknya lahal saya, ‘kot-kot’ macam itulah ‘kot’ ya.

■1230

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Prasangka yang baik ya?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, prasangka baik. Sebab itu orang kata kementerian ini kementerian cap ayam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa kedua-dua rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

## Fasal 2 – Pindaan:-

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Tuan Penggerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat seksyen 11(3)(e) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 memperuntukkan bahawa penamaan ex officio bagi kerajaan yang mewakili Kementerian Kewangan, peruntukkan seksyen 11(3)(e) yang asal memperuntukkan bahawa Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan boleh dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya.

Namun bagi memberikan fleksibiliti dalam penamaan pegawai sebagai ex officio dari pihak kerajaan, maka pindaan seksyen 11(3)(e) Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014 memperuntukkan agar selain daripada Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, mana-mana wakil Kementerian Kewangan yang dipersetujui oleh Menteri Kewangan boleh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya.

Oleh itu Fasal 2 pindaan dalam jawatankuasa meminda seksyen 11(3)(e) dengan memasukkan perkataan seorang timbalan ketua setiausaha atau mana-mana wakil. Oleh itu sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di

dalam Dewan yang mulia ini adalah amat-amat diharapkan. Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]** : Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]**: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

**[Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENJARA (PINDAAN) (NO. 2) 2014

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**12.35 tgh**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu di bawah Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No. 2) 2014 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penjara 1995 iaitu Akta 537 adalah satu akta yang digunakan oleh Jabatan Penjara Malaysia bagi pengurusan dan pentadbiran berhubung dengan penjara, banduan, perkara-perkara yang berkaitan. Akta 537 telah diwartakan pada 2 November 1995 dan mula dikuatkuasakan pada 18 Januari 1996. Berdasarkan kepada Akta 537, *Commissioner General* Penjara bertanggungjawab terhadap pengurusan, pentadbiran dan perkara-perkara yang berkaitan bagi 35 buah penjara, empat buah pusat pemulihan akhlak, lima buah pusat pemulihan khas, empat buah Sekolah Henry Gurney, lima buah pusta pemulihan kemasyarakatan dan 56 buah pejabat parol negeri dan daerah, pusat kehadiran wajib di seluruh Malaysia.

Berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia, 1 Oktober 2014 terdapat seramai 48,392 orang banduan, tahanan dan penghuni, pesalah sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh negara di bawah seliaan Jabatan Penjara Malaysia. Di samping itu *Commissioner General* Penjara juga bertanggungjawab untuk menyelia kakitangan dan anggota penjara seramai 14,898 orang kakitangan beruniform dan 1,646 orang kakitangan awam di seluruh institusi penjara yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan fungsi, misi dan visi Jabatan Penjara Malaysia. Semenjak diwartakan dan bermula kuat kuasa, Akta 537 telah dipinda beberapa kali bagi memastikan ia kekal relevan dan bersesuaian dengan dasar dan polisi semasa kerajaan. Pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut.

Yang pertama tahun 2003 pindaan kepada seksyen 36 Akta 537 berkaitan hospital mental, pegawai perubatan dan jadual kedua. Pindaan dibuat tujuan untuk mengubahsuainya dengan keperluan di bawah subseksyen 45(2)(c) Akta Kesihatan Mental 2001.

Yang kedua tahun 2008, pindaan bagi memasukkan bahagian 4A berkaitan sistem parol terdapat sebanyak 15 fasal baru diperuntukkan bagi pengurusan dan pentadbiran banduan yang dilepas secara perintah parol.

Ketiga, tahun 2013 pindaan bagi memasukkan peruntukan subseksyen 7(1A) pindaan bertujuan untuk membolehkan Menteri menetapkan lokap di mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagai tempat mengurung orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Perluasan) 2013.

#### ■1240

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Oktober 2008 yang telah menimbang dan bersetuju supaya banduan warga asing dipindahkan ke negara asal mereka bagi menghabiskan tempoh tahanan, membawa balik warga Malaysia yang menjalani hukuman di negara asing bagi menyempurnakan tempoh tahanan di Malaysia.

Susulan itu, Dewan yang mulia ini dan Dewan Parlimen pada 4 Disember 2012 telah meluluskan Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 dan seterusnya diwartakan sebagai Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012, Akta 754 dan mula berkuat kuasa pada 21 Februari 2013. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pemindahan antarabangsa banduan ini memerlukan pindaan kepada Akta 537 iaitu Akta Penjara yang kita bentangkan di sini bagi memenuhi keperluan, pengurusan dan pentadbiran banduan yang dipindahkan. Pada masa yang sama, pentadbiran dan pengurusan Jabatan Penjara Malaysia perlu diperkasakan bagi melaksana pemindahan antarabangsa banduan serta meningkatkan kecekapan pengurusan secara keseluruhannya.

Justeru itu, Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014 dibentangkan pada hari ini dengan bertujuan untuk mengadakan suatu peruntukan bagi melaksanakan pindahan antarabangsa banduan khususnya banduan yang dipindah masuk ke Malaysia di bawah Akta 754 yang saya sebutkan tadi dan bagi perkara yang berkaitan dengannya. Di samping itu, Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014 juga adalah untuk memperkasakan pengurusan

dan pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia dengan mewujudkan jawatan Timbalan Komisioner Jeneral dan Pengarah Penjara Negeri bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran yang lebih cekap dan sistematik.

Secara amnya Timbalan Komisioner Jeneral bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas semasa ketibaan atau ketidakupayaan Komisioner Jeneral. Manakala Pengarah Penjara Negeri bertanggungjawab menyelia dan memantau pengurusan dan mentadbir pentadbiran mana-mana penjara pusat latihan pegawai penjara, parol, perkhidmatan komuniti yang bertanggungjawab di atasnya di negeri-negeri berkaitan. Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014 juga mewujudkan bahagian baru iaitu Bahagian IVB yang memperuntukkan keperluan bagi menguruskan banduan yang dipindah masuk di bawah Akta 754 khususnya berkaitan perintah tetap Komisioner Jeneral. *Remittance*, kuasa Lembaga parol, pengecualian syarat layak parol dan pindaan kepada Jadual Pertama.

Memandangkan Akta 754 telah berkuat kuasa dan undang-undang subsidiari lain seperti peraturan-peraturan pemindahan antarabangsa banduan 2014 dan *template treaty* berada di peringkat akhir untuk dimuktamadkan, maka Akta 537 wajar dipinda agar selaras dengan keperluan bagi melaksanakan pemindahan antarabangsa banduan. Terdapat 7 fasal peruntukan di bawah Akta Penjara 1995, Akta 57 yang dicadangkan untuk dipinda. Ia adalah berkaitan dengan pemerkasaan Jabatan Penjara dan peruntukan bagi banduan yang dipinda di bawah Akta 754 serta bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarif permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 537 untuk memasukkan tarif baru “Pengarah Penjara Negeri” dan “Timbalan Komisioner Jeneral”.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 537 untuk mengadakan peruntukan mengena pelantikan Timbalan Komisioner Jeneral.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 537 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 2 dan seksyen 10 mengenai perjalanan dan pelaksanaan tugas oleh Timbalan Komisioner Jeneral Penjara semasa ketidaaan atau ketidakupayaan Komisioner Jeneral.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 537 untuk mengadakan peruntukan mengenai tugas Pengarah Penjara Negeri.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IVB yang mengandungi seksyen baru 46P, 46Q, 46R, 46S, 46T, dan 46U ke dalam Akta 537;

Bahagian baru ini memperkatakan tentang banduan yang dipindah di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012, Akta 754. Subseksyen baru 46 yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan di bawah bahagian baru itu hendaklah terpakai bagi banduan yang dipinda di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012.

Seksyen baru 46Q bertujuan untuk memasukkan takrif banduan yang dipindahkan dan negara asing yang ditetapkan. Seksyen baru 46 bertujuan untuk mengadakan perintah tetap Komisioner Jeneral selaras dengan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 dan mana-

mana peraturan yang dibuat di bawah akta itu. Seksyen baru 46S bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai... hukuman untuk banduan yang dipindahkan. Seksyen baru 46T bertujuan untuk menyatakan kuasa lembaga parol yang berhubungan dengan banduan yang dipindahkan. Seksyen baru 46U bertujuan untuk mengadakan pengecualian syarat layak parol oleh Komisioner Jeneral pada banduan yang dipindahkan.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama Akta 537 untuk memasukkan Timbalan Komisioner Jeneral Penjara di bawah senarai pegawai kanan penjara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penjara 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tiada perbahasan? Nama diserahkan pada saya ini.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Pahat sila.

#### **12.48 tgh.**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Assalamualaikum warahmatullahi ala wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin turut serta membahaskan akta atau pindaan Akta Penjara ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan tadi beberapa pindaan dan saya ingin hanya menyentuh beberapa hal.

Pertama, barangkali saya hendak *take note* atau ambil ingatan tentang hampir 50,000, 48,392 banduan dan ada disebutkan tadi tentang pindaan untuk menguatkuasakan pemindahan antarabangsa. Jadi, ada berapa jumlah banduan asing daripada 48,000 itu? Berapa barangkali, berapa ramai yang boleh dipindahkan serta-merta kerana tentunya adanya mereka dalam penjara-penjara Malaysia yang berjumlah 35 buah itu dan lain-lain bentuk penjara itu tentulah menelan belanja yang besar, memakan belanja dan wang rakyat Malaysia sendiri.

#### **■1250**

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan tentang pelantikan *commissioner general* dan timbalan juga pelantikan lain-lain penjawat yang kita menjangkakan akan mengukuhkan peranan penjara bukan sahaja sebagai sebuah pusat menghukum tetapi juga sebuah pusat pemulihan kerana sejhat mana pun manusia itu mereka masih ada potensi untuk dipulihkan.

Dalam lawatan rakan-rakan ke beberapa buah penjara dan program-program yang dilaksanakan misalnya di Penjara Kajang ada program apa yang disebut sebagai Program Penjara

Sejahtera atau *Healthy Prison Transformation*. Ini mengikut laporan rakan-rakan yang melawat dan juga beberapa buah tempat yang lain ada kesan positif kepada banduan-banduan yang ada dalam tahanan.

Kita mengharapkan ada pengukuhan kepada program ini dan pelebaran kepada penjara-penjara lain dengan terlantiknya penjawat yang bertambah dengan fungsi yang bertambah juga. Kita mengharapkan pembangunan dari segi keyakinan diri dan *self-respect* itu ditekankan. Kita mencadangkan supaya soal harga diri dan mengenal asal usul dan tentang *self-respect* itu juga diperkuuhkan dan program kerohanian seperti mana yang banyak dilakukan di sini dan sesetengahnya dilakukan oleh warden yang bukan Islam pun, saya harap ini boleh diperkuuhkan.

Bagi mengukuhkan pembangunan-pembangunan kendiri itu, kita harap pembangunan dalam bidang kemahiran, *competency* yang membolehkan banduan ini mandiri apabila mereka keluar itu diperkuuhkan. Ada penjara yang menggunakan banduan yang berjaya walaupun mereka tidak ramai sebagai kaunselor atau pendidik kepada banduan-banduan yang ada. Saya fikir ini wajar diperkuuhkan dalam pelaksanaan membina banduan-banduan yang dapat merubah kehidupan diri apabila mereka keluar.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman peribadi saya sendiri yang pernah ditahan dua bulan dalam penjara semasa tahun 1970-an, zaman muda-muda dahulu, saya menyebutkan tadi sejahat mana orang pun mereka apabila kita kena pendekatannya terutama mengetuk pintu hatinya, bukan mengetuk kepala, mereka akan bersedia untuk kembali ke jalan yang benar.

*Case in point* dalam perbualan saya dengan seorang tahanan di lokap, anak pembesar negara ditahan untuk dibuang daerah kerana menjadi *chief pick pocket* di Kuala Lumpur dan apabila saya bicarakan soal keimanan, soal ketakwaan, soal keperluan untuk kembali kepada soal moral dan akhlak dan banduan berkenaan menceritakan bagaimana beliau tidak pernah dididik, tidak pernah ruang diberikan pendidikan demikian oleh keluarganya yang berpisah. Jadi *point* saya Tuan Yang di-Pertua ialah kita seharusnya berusaha untuk menjadikan penjara ini sebagai sebuah tempat untuk memulihkan manusia-manusia yang tersilap jalan.

Mudah-mudahan mereka ini akan dapat menjadi contoh kepada banduan-banduan lain dan juga dapat membentuk persepsi negatif masyarakat terhadap para banduan kerana manusia boleh sahaja melakukan kesalahan. Akan tetapi manusia juga diberi peluang untuk bertaubat nasuha. *Insya-Allah* dengan taufik hidayah Ilahi dan dengan bimbingan, latihan dan pimpinan khususnya dalam penjara oleh pegawai-pegawai penjara, warden dan yang lain-lain. Berkaitan dengan itu jugalah saya fikir...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencelahan.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, saya rasa di Malaysia kita sekarang dalam

dilema antara dua konsep. Satu, untuk menghukum dan satu lagi untuk memulihkan dan bertaubat.

Pada pendapat Yang Berhormat, yang mana satu kita kena tekankan sebab saya nampak kebanyakan penjara dan warden-warden penjara lebih mengamalkan sikap menghukum berbanding daripada pemulihan dan bertaubat. Lebih-lebih lagi kepada dengan izin *offender* yang pertama kali. So, penjelasan dan pendapat daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Kalau boleh saya mencadangkan terutama sekali untuk pesalah-pesalah atau penjenayah-penjenayah kecil. Kita mesti beri peluang mereka ini mencari ataupun memilih untuk kembali ke jalan yang betul. Kita tidak sahaja menghukum mereka. Seperti yang disebutkan oleh rakan kita tadi memang ada kecenderungan penjara bukan sahaja kecenderungan penjara tetapi kecenderungan pemerintah pun kerjanya menghukum sahaja.

Jadi ia ada persepsi menghukum dahulu, *pre-judge*. Saya fikir ini perlu diperbetulkan. Kalau kita boleh perbetulkan kita punya persepsi maknanya kita yakin orang boleh berubah, kita yakin manusia ada potensi untuk berubah, kita yakin manusia ada potensi iman, potensi akhlak, potensi ilmu yang *in born* di kalangan mereka hanya kita perlu menggali, mencari jalan yang betul, mencari kaedah yang betul.

Kalau saya sebagai seorang pendidik, pensyarah saya selalu menyarankan jangan salahkan kepada kenapa murid tidak belajar tetapi salahkan kenapa kepada pensyarah, kepada cikgu, kenapakah murid tidak mahu belajar? Jadi yang salahnya itu orang yang lebih pandai, jangan salahkan yang bodoh kenapa tidak belajar. Akan tetapi salahkan yang pandai kenapa tidak mengajar mereka supaya belajar. Dalam konteks ini saya ingin menyebutkan...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan bangun.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Silakan Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Pada pandangan Yang Berhormat Batu Pahat mungkin kah kerajaan dengan izin *dragging its feet* dalam isu-isu untuk menyediakan platform penerimaan bekas-bekas penagih, bekas-bekas banduan kerana buat masa ini pada pandangan saya dan mungkin Yang Berhormat Batu Pahat akan menyokong tiada interaksi positif antara pihak kerajaan dan NGO-NGO yang aktif, yang memperjuangkan kemaslahatan bekas-bekas banduan ini untuk diterima kembali ke dalam masyarakat. Apa pandangan Yang Berhormat Batu Pahat?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya cadangkan supaya Yang Berhormat Menteri dan kerajaan melihat sebenarnya peranan pelbagai pihak *because* kerana ini sebenarnya kerajaan sendiri sebagai bekas pegawai kerajaan atau *government servant* kita tahu keterbatasan kita. Kita pegawainya walau bunyi ramai tetapi tidak mampu untuk menangani kalau masalah misalnya di sini 50,000 orang banduan.

Jadi kalau kita meraikan NGO-NGO yang sebenarnya memberikan khidmat sukarela bukan minta gaji. Jadi saya fikir ini kalau diraikan, diberikan bimbingan, diberikan latihan, diberikan prasarana saya fikir mereka dapat melaksanakan tugas ini dengan lebih baik. Ini yang kita katakan hendak kerjasama ini yang menteri semalam Kementerian Dalam Negeri kata kita ini masalah bersama, kena selesaikan bersama.

Jadi jangan cakap sahaja. Kita ini banyak cakap tetapi buatnya tidak seberapa. Saya tidak sampai hati hendak mencelah tetapi itulah hakikatnya. Kita cakap, kita promo tetapi pelaksanaan untuk kerjasama itu kalau selari dengan tujuan dan cita-cita itu diterima. Kalau nampaknya macam bukan orang dia sahaja, dia mula curiga.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Pahat saya hendak tanya, hendak teruskan perbahasan atau...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya sambunglah dalam beberapa minit nantilah selepas makan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat kita tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]*

■1430

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat.

### 2.33 ptg.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya tadi menyebutkan tentang peranan yang harus dimainkan oleh penjawat-penjawat baru yang dilantik yang kita mengharapkan tumpuan utama peranan penjara ialah pemulihan dengan keyakinan bahawa manusia ada potensi dalaman.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Kalau saya habiskan satu ayat dahulu. Manusia ada potensi untuk dipulihkan dan oleh sebab itu peranannya, itu keyakinannya dan peranan baru yang patut dimainkan dan ini memperkuatkan apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang dinyatakan pada pendekatan baru dalam pemulihan banduan. Jadi, kita mengharapkan ada latihan-latihan khusus yang diberikan kepada penjawat-penjawat dalam penjara supaya dapat melaksanakan tugas pemulihan ini dengan lebih baik. Dipersilakan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Batu Pahat. Saya amat tertarik dengan hujah Yang Berhormat berkaitan dengan isu pemulihan akhlak kepada banduan-banduan. Saya juga difahamkan bahawa pada masa ini kita mempunyai lebih daripada 40,000 orang banduan di seluruh negara kita.

Saya rasa jumlah 40,000 ini adalah satu jumlah yang sangat besar dan kita boleh menganggap ini sebagai kita kerugian guna tenaga sebanyak 40,000 orang. Sepatutnya berada di luar dan memberi sumbangan kepada ekonomi negara kita tetapi mereka jadi banduan dan potensi mereka tidak dapat digunakan sepenuhnya.

Saya juga difahamkan bahawa Jabatan Penjara Malaysia mempunyai program-program tertentu untuk memberi latihan kepada banduan-banduan ini menggunakan sektor swasta. Saya rasa kerajaan juga harus memberi fokus untuk melihat bagaimana untuk menggembung lagi pihak swasta untuk melibatkan diri memberi lebih banyak program untuk bukan sahaja memulihkan malah memberi peluang kepada mereka, apabila mereka keluar nanti dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat.

Saya juga rasa kerajaan harus memberi insentif-insentif tertentu kepada pihak swasta yang datang ke hadapan untuk membantu banduan supaya mereka juga dapat memberi sumbangan kepada keluaran negara pada masa hadapan. Apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya bersetuju pandangan itu dalam pengertian kita memanfaatkan sumber sepenuhnya dan menggunakan situasi yang ada. Misalnya dalam penjara, dalam jabatan penjara ada program *community work*.

Jadi, kalau banduan-banduan ini yang sudah sedikit-sebanyak dipulihkan dari segi *self-concept*nya, keyakinan dirinya dan punya ada kemahirannya dan bila mereka ini kalau ditempatkan pula dalam *community work*, *organised community work* yang mereka dapat turut serta secara berkesan dan mereka dapat kesannya dan dihargai pula bukan sahaja oleh kerajaan tetapi oleh komuniti setempat, ini akan menaikkan dia punya *self-esteem* dan memberikan keyakinan kepada mereka untuk kemudiannya kembali di tengah-tengah masyarakat.

Jadi maknanya, manfaatnya *multiple*, pelbagai kalau kita libatkan mereka dalam *community work*, libatkan pihak-pihak tertentu, NGO, pihak swasta melatih mereka dan memberikan pula gerak kerja tertentu yang berfokus dalam satu-satu kawasan dan dia ingin mereka dapat membangun, memberikan peluang kepada NGO dan swasta turut serta membangun, memberikan peluang kepada masyarakat mendapat manfaat daripada ini dan sekali gus memberikan, menaikkan *self-esteem* kepada banduan ini dan keyakinan dirinya untuk turut serta dalam masyarakat. Kemudian sekali gus nanti kita juga dapat mengurangkan kos dalam banyak hal.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa *point* yang terakhir yang ingin saya sebutkan tadi sebelum saya merumus. Ia tentang banduan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Okey?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Sila, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sebelum Yang Berhormat gulung. Saya hendak pergi sedikit pandangan. Yang satu ialah yang saya dapat aduan daripada pegawai yang jaga penjara. Mereka kata gaji mereka, pendapatan mereka ini terlalu rendah dan mereka ini mengambil risiko yang besar untuk jadi pegawai jaga banduan di penjara.

Jadi, mungkin dari segi ini, pihak kementerian haruslah ambil perhatian atas sungutan dan rungutan dan juga pengorbanan mereka kerana mereka selalu tak macam pegawai kerajaan yang lain. Mereka bergaul dengan orang yang biasa di luar daripada satu tempat yang dikurung, luar daripada kurungan. Mungkin dari segi sungutan dan keperluan mereka, kerajaan haruslah ambil perhatian.

Yang kedua ialah, saya juga difahamkan di sesetengah negara maju yang mereka dari segi *present reform*, mereka mengatur mangsa yang disakiti ataupun yang dicederakan oleh pihak banduan itu, bagi mereka adakan perdamaian, *reconciliation*. Kadang-kadang dengan cara macam ini ia mencetuskan kita kata *conscience* banduan itu, yang pesalah itu bila dia lihat macam mana dia dahulu sebelum dia masuk penjara macam mana dia mencederakan dan menyakiti yang mangsa dan juga keluarganya. Jadi, ini boleh lebih membantu dari segi psikologi pihak banduan itu untuk menjauhi jenayah dan bertaubatlah. Apakah pandangan Yang Berhormat pada dua cadangan saya?

#### ■1440

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya seronok fasal beliau juga setuju tentang konsep taubat walaupun ramai orang dia tahu buat. Saya setuju dari segi kalau boleh saya rumuskan pendekatan yang kita cadangan kepada pihak penjara ini ialah pendekatan *human approach*, pendekatan kemanusiaan. Melayan manusia sebagai manusia. Manusia ada hati, ada perasaan, ada fikiran, ada harga diri. Mereka di layan begitu. Jadi oleh kerana itu, kita fikir yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi tentang perdamaian. Jadi kalau kita *touch the heart*, kita sentuh hatinya, kita sentuh jiwa dan perasaannya, itu lebih mungkin mereka itu kembali kepada ke pangkal jalan ya.

Jadi, oleh kerana itu kita ingin sebutkan tadi tentang latihan kepada pegawai-pegawai penjara ini harus berubah. Dia harus mengajar mereka untuk pendekatan memanusiakan manusia. Pendekatan pendidikan, pendekatan kaunseling, pendekatan menganggap mereka ini semuanya ada potensi untuk jadi baik ya. Supaya mereka tidak prejedis kalau, kita sendiri sebenarnya kalau kita sudah prejedis melihat seseorang itu cara buruk, kita bercakap pun suara pun buruk saja bunyinya. Kita tengok pun, kita nampak dia buruk saja. Jadi kalau kita boleh merubah persepsi pegawai-pegawai ini juga tentunya mulai daripada kerajaan sendiri, pemerintah sendiri, kita boleh merubah, boleh membawa banyak perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan tadi tentang program yang hendak dilaksanakan ini tentang pemindahan warga asing yang dalam penjara. Saya fikir ini memang perlu disegerakan dan kita menyokong kuat tentang langkah ini. Kita bukan sahaja sebenarnya harus memindahkan segera tapi kita kena memikirkan langkah-langkah komprehensif supaya warga asing tidak masuk tempat kita berduyun-duyun. Saya selalu balik ke Batu Pahat, Tuan Yang di-Pertua dan sering

dibawa kawan-kawan lalu dekat Batu Pahat. Ada tengok ini, kalau hujung minggu ada setengah-setengah kawasan itu dia jadi macam kawasan dari Bangladesh. Semua orang Bangladesh saja.

Baru ini saya diberitahu semasa Hari Raya Aidiladha. Sembahyang di sepanjang Jalan Chow Kit itu penuh rakan-rakan kita pendatang asing dari Bangladesh. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, kalau jumlah yang datang ini kita tidak sekat, maka sebanyak mana yang kita hantar keluar pun nanti yang sudah masuk dalam penjara, dia sebenarnya tidak akan merubah keadaan dan situasi ini sebenarnya sangat membimbangkan. Orang-orang kampung saya kalau hari Ahad, dia tidak berapa berani hendak keluar ke Batu Pahat, kawasan itu. Dia tengok ini lebih bahaya dan kalau cuti, cuti panjang pun, kawan-kawan kita, rakan-rakan kita tidak berani hendak pergi dekat pusat-pusat membeli belah di Kuala Lumpur kerana kebanyakannya orang mereka. Dari jauh baunya pun sudah bau mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, cadangan kita selain daripada pendekatan memindahkan yang dalam penjara ini ialah pendekatan komprehensif terhadap pendatang asing yang kita tidak tahu berapa jumlahnya. Walaupun jumlah rasmi ada disebutkan, sebenarnya jumlah tidak rasmi saya fikir mungkin berganda daripada itu. Jadi oleh kerana itu saya fikir pendekatan terhadap pendatang asing ini, pendekatan yang komprehensif dan kebetulan ianya di bawah satu kementerian yang sama, jadi seharusnya melihat pendekatan-pendekatan lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, *last point* yang saya cuba hendak cuba sebutkan, hendak ingatkan kembali bahawa peranan penjara bukan menghukum, bukan mencederakan. Yang ini ingin kita ingatkan kerana kalau dalam sejarah penjara orang yang paling tinggi dalam negara kedudukannya, orang yang kedua tertinggi dalam negara, Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ketua Pembangkang sekarang pernah dicederakan. Walaupun pada awalnya disebutkan dia mencederakan dirinya sendiri. Kemudian dibuktikan oleh mahkamah tidak begitu, pernah dicederakan, pernah dilayan secara tanpa peri kemanusiaan. Apatah nanti lagi rakyat biasa.

Jadi kita ingin dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, untuk mengingatkan kita supaya bagi manusia yang tahu dosa pahala, yang tahu amanah kepimpinan kita, yang tahu dan sedar bahawa setiap amal buat kita akan ada akauntabiliti dan akauntabiliti itu *insya-Allah* sebahagiannya akan *cash on delivery*, akan berada di dunia ini. Itu yang saya hendak ingatkan. Kalau nanti Dato' Seri Anwar akan dijatuhi hukum lagi lepas perbicaraan 28 dan 29 hari bulan, saya hendak ingatkan tuan-tuan semua yang ada kaitan, yang bertanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan ada *cash on delivery* daripada Allah SWT. Saya menyebutkan ada penyaksian dan pandangan, ada malaikat menyaksikan dan *insya-Allah* saudara-saudara kita boleh tengok orang yang dihukum, yang mendapat balasan di dunia lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Ada lagi Yang Berhormat. Ya *point* terakhir, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat sekarang bukan sahaja Yang Berhormat Permatang Pauh mungkin akan masuk penjara tapi kami di sebelah sini satu persatu semua didakwa di bawah Akta Hasutan dan semua ini kita lihat sudah dua kes yang mana kerana

ada tulis berapa *line* dalam *Facebook* yang pihak sebelah sana tidak suka, jadi sudah hukum sepuluh bulan. Lepas itu ada seorang lagi satu tahun. Jadi adakah semua ini yang pendakwaan ini menunjukkan, satu ialah *double standard*, yang kedua ialah hendak masukkan semua pembangkang di sini masuk dalam penjara supaya di sini mereka boleh cakap seberapa mereka suka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak berkaitan dengan aktalah itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Dengan tidak ada orang lawan dan celah dan juga bahas balik. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya hendak ambil Tuan Yang di-Pertua tentang kalau mereka semua ini dibicarakan dan didapati bersalah, janganlah seksa mereka dan fasal ini tentang akta tentang penjara tadi kan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tapi pandangan saya juga kalau boleh jangan dibicarakan ataupun jangan didakwa sewenang-wenang ya. Kita akan bincang ini bab lainlah nanti *insya-Allah*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan peringatan bahawa setiap program yang kita adakan akhirnya ialah untuk kesejahteraan masyarakat, kesejahteraan rakyat, untuk kebaikan bersama. Saya harap kita juga, saya seru Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri memberikan kerjasama, meraikan pandangan kita, meraikan pandangan daripada pembangkang yang sebenarnya memang merupakan satu institusi dalam sistem demokrasi. Jadi jangan perlekeh pembangkang ini.

Jadi kena faham juga saudara. Kalau sistem demokrasi ada pembangkangnya dan ada peranannya supaya saudara, kita semua ini yang memerintah khususnya saudara yang memerintah tidak jadi syok sendiri fasal betul semua. Bila kita memberikan pandangan, sila raikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun.

## 2.48 ptg.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas ruang yang diberikan untuk saya turut berbahas tentang Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014. Jadi kita mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian yang telah pun mengambil inisiatif untuk membentangkan pindaan ini untuk memantapkan lagi proses pemindahan bantuan antarabangsa ataupun *international transfer of prisoners* yang kita tahu hampir 1/3 daripada jumlah bilangan banduan-banduan yang di dalam penjara hari ini adalah terdiri daripada rakyat yang daripada warga asing.

Jadi difahamkan ketika ini jumlah semua seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi 48,392 dan daripada itu 14,900 adalah daripada warga asing iaitu lebih kurang hampir

31%. Negara-negara yang tinggi bilangan banduannya ialah Indonesia, Filipina, Myanmar, Bangladesh dan juga Vietnam.

■1450

Jadi, kita tahu bahawa kerajaan menanggung bebanan dari segi belanjawan seharian untuk menjaga banduan-banduan ini. Apatah lagi kalaular 14,900 orang banduan ini daripada warga asing, maka kerajaan terpaksa juga memperuntukkan belanjawan yang agak besar hampir RM35 satu kepala, satu hari. Ini bukan hanya untuk makan, tetapi juga meliputi semua perkara yang berkaitan termasuk kebajikan, kesihatan dan sebagainya. Maka, sudah tentulah wang yang sebegini banyak yang dibelanjakan untuk warga asing yang telah pun melakukan kesalahan jenayah dan sebagainya di negara kita dan didapati bersalah, seterusnya diletakkan dalam penjara, maka ia membebangkan kita.

Jadi sudah tentulah dalam akta ini, di mana kita hendak supaya pemindahan mereka ini yang telah pun selesai proses perundangan dihantarkan kembali ke negara mereka sendiri melalui triti ataupun perjanjian bersama antara negara tersebut, contohnya Malaysia dengan Thailand ataupun Malaysia dengan Filipina sendiri dan sebagainya, maka ia akan mengurangkan bebanan belanja kerajaan terhadap banduan-banduan ini.

Sama jugalah, kita juga sudah tentu mempunyai rakyat Malaysia yang ketika ini mungkin berada di penjara-penjara di negara luar yang juga mungkin mempunyai triti ataupun perjanjian persefahaman antara dua negara, Malaysia dan juga negara-negara berkenaan. Maka kita juga menjangkakan mungkin ada rakyat Malaysia yang ketika ini berada di luar negara, dalam penjara, mungkin boleh dibawa balik serve untuk dalam penjara Malaysia.

Difahamkan mengikut statistik yang ada, warga asing yang layak mengikut skim ITOP ataupun *International Transfer of Prisoners* ketika ini, *out of* daripada 14,900 orang itu, sebanyak 2,119 orang layak untuk dipertimbangkan. Maka, sudah tentulah kita perlukan kelulusan akta ini supaya langkah seterusnya diambil oleh pihak kementerian untuk berunding dengan negara-negara berkenaan dari segi triti ataupun perjanjian, meletakkan prosedur-prosedur tertentu bagaimana hendak membawa mereka ini keluar dari negara kita untuk dihantar ke negara berkenaan, kemudian pelbagai peraturan yang ada yang berkaitan dengan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 dan begitu juga akta yang berkaitan dengan Akta Penjara sendiri dan seterusnya perundangan-perundangan lain. Jadi, saya melihat bahawa ini ialah langkah yang bijak yang dibawa oleh kerajaan kerana kita hendak supaya, pertama sekali, sudah tentu dapat mengurangkan bilangan kapasiti banduan yang ada dalam penjara dan seterusnya menjimatkan atau pengurangan perbelanjaan dan sebagainya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk sejenak berkongsi bersama-sama Ahli Yang Berhormat sekalian, sesungguhnya peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penjara Malaysia begitu mengagumkan. Sebenarnya saya sendiri tidak berapa tahu sebelum ini. Namun, melalui maklumat yang kita terima, bagaimana Jabatan Penjara melaksanakan peranan untuk *correctional programme* ataupun program untuk membaik pulih banduan-banduan ini melalui Sistem Parol yang telah mereka laksanakan yang melibatkan 8,475 orang, dan kejayaan mereka adalah tinggi,

hampir 99% iaitu jauh lebih tinggi daripada negara-negara maju seperti USA, Kanada dan Australia.

Kemudian, kita juga mempunyai sekolah agama. Ini pun kita terkejut kerana di Penjara Kluang, Johor, yang pertama di dunia mengadakan sekolah agama bagi banduan-banduan yang boleh mengikuti kelas-kelas tersebut. Ini *insya-Allah* akan diperluaskan lagi ke beberapa penjara lain. Jadi sudah tentulah kita hendak supaya persepsi orang ramai bahawa bila kita masuk penjara ini kita hanya akan dihukum denda tanpa ada program-program membaik pulih akhlak mereka dan sebagainya.

Selain daripada itu, sudah tentulah saya juga difahamkan ada latihan-latihan vokasional yang mempunyai sijil. Sehingga kini, hampir 11,000 orang banduan telah pun mengikuti pelbagai jenis latihan vokasional. Seramai 3,650 orang telah pun diberikan sijil-sijil dan mereka ini layak bila keluar esok, *insya-Allah*, dapat menggunakan sijil tersebut untuk membaiki diri mereka dan juga menjana pendapatan, dapat bersama dengan masyarakat lain dan sebagainya.

Jadi sudah tentulah banyak lagi saya kira, perkara-perkara yang sedang dibuat oleh Jabatan Penjara yang boleh...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Sila Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mendengar bahawa penjara-penjara di Malaysia ini sangat baik dan dibina dengan begitu cantik dan belanja beratus juta. Kita juga difahamkan bahawa penjara-penjara di negara-negara luar seperti di Indonesia dan Thailand, bahawa keadaannya tidak sama dengan Malaysia.

Jadi, adakah dengan keadaan begitu canggih, diberi makan secukupnya dan juga diberi peruntukan, jika mereka bekerja diberi elaun, oleh sebab itulah mereka bersedia untuk membuat kesalahan, dihukum dan masuk penjara? Adakah ini boleh kita lakukan di mana kalau di penjara itu, kalau bagaimana berada di Thailand, kita ikut seperti di Thailand? Biar mereka merasa susah. Kalau di Indonesia, mereka juga merasa penjara di Indonesia ini, "*Tidak boleh Pak, sakit.*" Jadi, boleh tidak kita di Malaysia ini membuat seperti itu? Apa pandangan Yang Berhormat Jerlun? Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Dalam satu sudut, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sibuti. Akan tetapi dalam masa yang sama juga, kita perlu lihat bahawa mungkin kita katakan apabila kita menjaga seseorang banduan di penjara, ia memang melibatkan kos yang tinggi. Sudah tentu saya yakin juga mungkin kalau dibandingkan dengan beberapa negara, penjara di Malaysia ini mungkin kalau hendak letakkan bintang, mungkin bertaraf empat bintang atau lima bintang, sedangkan di negara-negara lain satu bintang atau dua bintang sahaja.

Namun, dalam masa yang sama, kalaular kita biarkan penjara kita berada dalam keadaan yang tidak teratur, menggerunkan, menakutkan orang dengan harapan supaya mereka tidak membuat jahat dan kemudian tidak masuk penjara, saya ingat kalau mereka berada di luar, kalau orang-orang yang memang sifatnya suka membuat jenayah, suka membuat pelbagai jenis kesalahan, mungkin kosnya jauh lebih mahal.

Contohnya seorang yang mungkin menjadi kepala kumpulan ataupun gengster, kalau dia duduk di dalam, kos untuk menjaganya mungkin tinggi, tetapi dalam masa yang sama, perbandingannya kalau dia berada di luar, mungkin kesalahan yang dibuat oleh beliau itu jauh lebih tinggi kosnya, mungkin melibatkan nyawa dan sebagainya.

Jadi ini pada saya menunjukkan bahawa sesungguhnya kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional bukan hanya menjaga rakyat di luar ini dengan pelbagai bentuk program kebijakan dan sebagainya, namun, yang berada dalam penjara itu sendiri turut dijaga dengan baik.

Malah, mungkin permasalahan yang mungkin dihadapi oleh kita sendiri setelah diluluskan akta ini, apabila kita hendak menghantar kembali beberapa banduan ke negara-negara tertentu, mungkin banduan itu sendiri tidak sanggup balik. Jadi mungkin sebab dia ingat duduk dalam penjara Malaysia yang dapat peruntukan yang tinggi, kalau makan pun mungkin RM4 atau RM5 sehari, mungkin ada sayur-sayuran yang ditanam sendiri dalam penjara itu yang penuh khasiatnya jika dibandingkan dengan penjara di negaranya, mungkin dia tidak hendak balik.

Oleh sebab itulah melalui triti ataupun perjanjian antara dua negara ini memungkinkan kita dapat memindahkan mereka balik ke negara masing-masing untuk menghabiskan hukuman yang perlu dijalankan oleh mereka sama seperti mereka berada di negara Malaysia.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah kita jangan ingat bahawa apabila berada di dalam penjara itu, semua perkara yang tidak baik. Mungkin kita ini selalu didedahkan dengan filem-filem Amerika. Saya pun sendiri rajin menonton juga filem Alcatraz apa semua ini yang mana melihat ramai kepala geng di dalam penjara itu, kepala-kepala yang senior dalam penjara yang buat kumpulan-kumpulan mereka, apabila orang baru masuk, hendak dibuli dan sebagainya. Kemudian akhir sekali sampailah menjadi kes bunuh membunuh dan sebagainya.

#### ■1500

Namun di Malaysia saya kira jarang-jarang sekali kita dengar walaupun mungkin ada dan saya yakin pihak Jabatan Penjara pun meletakkan banduan-banduan ini mengikut kategori kesalahan *degree of the criminal offences carried out or done by the banduan-banduan tersebut dengan izin*. Jadi sudah tentulah kalau sekadar mencuri ayam dua, tiga ekor takkan hendak diletakkan dengan penjenayah yang membunuh orang. Sudah tentulah juga mungkin orang yang terlibat dengan rasuah tidaklah akan diletakkan dengan orang yang merogol.

Jadi kalau dicampur aduk semua sekali jenayah penjenayah-penjenayah itu sekali susah dan sukar untuk diberikan pendidikan yang sesuai kepada mereka. Jadi selain daripada itu, kita juga berbangga kes-kes berulang di kalangan banduan-banduan dilaporkan cukup rendah di Malaysia mungkin tak sampai 8% jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara maju. Mungkin setengah seperti negara-negara yang jauh lebih maju hampir 30% kes berulang di mana mereka keluar masuk penjara dengan begitu kerap.

Jadi sudah tentulah pada saya, saya melihat bahawa kerja-kerja yang dibuat oleh pegawai-pegawai di Jabatan Penjara dan Kementerian Dalam Negeri ini memberi kesan yang baik. Akhir sekali banduan-banduan ini apabila mereka keluar dari penjara mereka pula boleh diterima oleh masyarakat dan inilah yang kita hendak kita janganlah mempunyai persepsi yang negatif

terhadap banduan-banduan. Mungkin mereka telah pun melalui satu fasa dalam hidup melakukan kesalahan-kesalahan dan telah pun menerima hukuman tetapi mereka juga seperti mana kita juga seperti orang biasa mempunyai hayat untuk terus meneruskan kehidupan mereka. Mereka perlulah kita bimbing sama ada dalam apa jua bentuk dan yang paling penting adalah *the acceptance of the society*.

Penerimaan masyarakat terhadap mereka tanpa mempunyai prasangka buruk ataupun persepsi negatif yang boleh menjadikan mereka kembali semula menjadi orang yang tidak baik kemudian dimasukkan semula ke dalam penjara. Jadi saya yakin, rakyat-rakyat Malaysia yang sudah masuk penjara saya yakin tidak mahu masuk lagi penjara walaupun mungkin penjara Malaysia ini hebat, cantik, bersih kemudian berdisiplin, makan sedap dan sebagainya. Ini kerana di dalam itu mereka telah pun diberikan pendidikan, pemulihan akhlak, kesedaran, keinsafan dan mereka juga mempunyai keluarga untuk meneruskan kehidupan masing-masing. Jadi terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

### 3.03 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang saya untuk turut berbahas mengenai pindaan ke atas rang undang-undang ini. Kalau kita lihat di negara-negara maju negara-negara yang menjalankan demokrasi sebagai contoh Korea. Kita akan melihat apabila sesebuah kerajaan jatuh, kita melihat Perdana Menteri atau pun Presiden negara tersebut akan bergambar dengan baju penjara. Di mana ketika itu baru rakyat tahu rupanya semasa mereka memerintah mereka telah banyak melakukan banyak kesalahan ambil wang rakyat dan sebagainya.

Itu permulaan mukadimah saya tentang penjara ini. Apa yang saya hendak masukkan di sini ialah bahawa...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sabar dulu. *[Dewan riuh]* Yang saya hendak katakan bahawa mereka yang melakukan kesalahan ini kadang kala terlepas dari hukuman penjara. Hanya kita tahu mereka melakukan kesalahan itu setelah mereka tidak ada kuasa lagi. Jadi itu yang saya hendak tegaskan. Kedua saya hendak tegaskan bahawa apabila kita bercakap tentang penjara ini...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau hendak itu bangunlah tanya soalan. Jangan apa sorok-sorok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat mukadimah itu cukup setakat itu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.  
[Ketawa]

Keduanya saya hendak tegaskan bahawa apabila kita bercakap tentang pindaan ke atas Akta Penjara ini saya rasa kerajaan juga perlu terlibat juga dengan *study*, kajian adakah penjara ini satu-satunya hukuman yang telah berjaya mengurangkan kadar jenayah. Ini kerana, apabila kita bercakap tentang penjara ini kita bercakap tentang hukuman, bila kita bercakap tentang hukuman pula dia tujuannya adalah untuk mengurangkan kadar jenayah.

Jadi persoalannya adakah kajian telah dibuat dan ataupun adakah *study* telah dibuat secara mendalam keberkesanan hukuman penjara ini. Sebab apa saya kata begitu sebab dalam kalau kita lihat banyak tulisan yang dibuat di luar negara malahan akhbar *Guardian* pernah membuat satu *survey*. *Surprisingly* dengan izin apabila mereka kebanyakannya mereka yang menjadi ataupun pihak yang menjadi kerajaan itu merasakan bahawa penjara selama ini telah berjaya mengurangkan kadar jenayah. Apabila mereka membuat *survey* didapati apa yang mereka rasakan itu sebenarnya tidak berlaku. Menunjukkan bahawa penjara itu bukanlah satu-satunya hukuman yang telah berjaya mengurangkan jenayah.

Malah ada juga kajian menunjukkan bahawa hukuman penjara ini sebenarnya hukuman yang lebih. Walaupun peranan hukuman penjara ini bersifat literal kalau kita lihat dalam kalau orang bercakap tentang *philosophy of sentencing* hukuman penjara ini *imprisonment* ini berasaskan dua falsafah. Pertama dipanggil *incapacitation* iaitu untuk apabila orang melakukan jenayah, kita kurung mereka supaya mereka tidak melakukan jenayah lagi.

Keduanya atas dasar yang dipanggil *philosophy*nya dipanggil *just dessert*. Maknanya *those who commit crime deserve to be punished*. Itu dia punya *philosophy* dia. Akan tetapi kalau kita – Saya ingin merujuk kepada satu kajian tulisan Profesor Dr. Stuart Henry yang telah bertajuk, “*On the Effectiveness of Prison as Punishment*”.

Maknanya dalam kajian yang dibuat oleh Dr. Stuart Henry ini ia mengatakan bahawa hukuman penjara ini terbukti bukanlah hukuman yang telah berjaya mengurangkan kadar jenayah. Malahan dia mengatakan bahawa untuk menyelesaikan masalah jenayah ini, yang paling penting sekali ialah *education* (pendidikan). Jadi dia kata sebab itulah sepatutnya kerajaan harus melebihkan peruntukan wang ini kepada *education* daripada kita menghabiskan peruntukan kepada penjara ini. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jerlun tadi apabila kita mengadakan hukuman penjara ini hakikatnya kita sudah membelanjakan wang yang begitu banyak.

Kita ibaratnya kita telah membantu mereka secara percuma. Kalau dulu mungkin orang yang buat jenayah ini dia mungkin hendak makan pun susah tetapi apabila duduk di penjara dia dapat makan *free*. Jadi atas kos yang ditanggung oleh rakyat. Jadi sebab itulah untuk menghalang satu kejadian jenayah untuk menghalang jenayah ini, kajian dibuat menunjukkan *education* itu yang seharusnya diutamakan. Oleh sebab itulah hatta kalau berkaitan dengan penjara itu pun mereka mencadangkan supaya penjara itu *is designed in such a way* supaya banduan-banduan ini

di dalam penjara itu diutamakan untuk mendapatkan pendidikan. Ini yang saya hendak ceritakan tentang kajian yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, antara pihak-pihak yang mengatakan kenapakah hukuman penjara ini antara hukuman yang tidak adil. Ini kerana dia bukan sahaja menghukum orang yang buat jenayah. Ini kerana apabila kita memenjarakan seorang bapa sebagai contoh, jadi bermakna kita sebagai hakikatnya bukan kita menghukum dia seorang. Kita juga menghukum keluarga dia, isteri dia dan anak-anaknya. Bayangkan kalau seorang bapa itu dikenakan hukuman yang begitu panjang hukuman penjara dia akan berakhir dengan keretakan rumah tangga. Isteri-isteri akan pasti mencari meminta supaya perkahwinan itu dibubarkan.

#### ■1510

Jadi, hakikatnya hukuman penjara itu, ia juga menghukum secara tidak langsung keluarga orang yang melakukan jenayah. Masalah kepada segala masalah ini adalah kebanyakan pihak yang mengatakan hukuman penjara ini adalah hukuman yang terbaik, mereka membuat satu tanggapan bahawa semua penjenayah ini melakukan kesalahan atas motivasi yang sama. Sedangkan kajian juga menunjukkan bahawa jenayah dilakukan oleh manusia ini oleh pelbagai motivasi, pelbagai sebab.

Satu perumpamaan yang begitu cantik ditulis, telah dikemukakan, mereka yang terlibat dalam soal *criminology* ini, mereka mengatakan kebanyakan pihak *policy maker* ini, mereka mendekati isu hukuman ini, seolah-olah mereka mengambil alat peralatan atau *tools box*. Kita tahu dalam *tools box* ini ada *screwdriver*, ada pelbagai alat yang lain. Ada *hammer*, *screwdriver* dan sebagainyalah. Akan tetapi *policy maker* ini, dia hanya ambil *hammer* sahaja. Dia hanya guna tukul besi sahaja untuk selesaikan semua, untuk *fix everything*.

Sedangkan masalah yang dihadapi adalah banyak. Bukan boleh menggunakan *hammer* sahaja. Bayangkan Yang Berhormat kalau kita pergi ke sebuah kedai untuk baiki kereta kita, tiba-tiba orang yang hendak baiki kereta kita ini, kita tengok alat yang dia ada *hammer* sahaja. Kita pun tidak *confident* bolehkah dia *fix* kita punya kereta ini, *service* kereta kita. Begitulah analogi yang dikemukakan bahawa apabila kita merasakan hukuman penjara ini adalah hukuman yang satu-satunya cara untuk menyelesaikan jenayah.

Oleh sebab itu saya lihat, pengalaman saya di dalam Parlimen setahun di sini, saya dapat piyah sebelah sana merasakan bahawa apa-apa sahaja jenayah, kita selesaikan dengan hukuman penjara. Sebab apa saya berkata begitu? Telah banyak pindaan dibuat ke atas Kanun Keseksaan, akta-akta seperti PCA, yang mana dalam beberapa seksyen yang dipindah itu, yang saya sebut-sebut sebelum ini, pihak kerajaan merasakan bahawa penjenayah ini harus dipenjarakan oleh kerana takut supaya mereka terlepas dari penjara setelah mereka didapati bersalah, maka dikenakan *mandatory sentence*, hukuman minimum.

Hukuman minimum ini telah diperkenalkan dalam beberapa akta yang telah dipindah di dalam Dewan yang mulia ini. Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan pun ada hukuman *minimum sentence*, Akta PCA pun ada berkaitan dengan *minimum sentence*, pindaan ke atas Kanun

Keseksaan ada *minimum sentence*, yang mana dengan adanya *minimum sentence* ini, pihak mahkamah tidak diberi kuasa untuk mengenakan hukuman lain kecuali hukuman penjara.

Jadi bermakna sekali gus, sepatutnya kita fikir bagaimanakah hendak kurangkan banduan dalam penjara. Cuba kita lihat makna banduan dalam seksyen 2 Akta Penjara. Dalam seksyen 2 Akta Penjara mengatakan banduan ini tidak semestinya orang yang disabitkan bersalah sahaja termasuk banduan ini ialah orang yang tidak disabitkan bersalah. Saya boleh bacakan seksyen 2, "*Banduan ertinya seorang sama ada disabitkan atau tidak yang dikurung dalam satu penjara dan berhubung dengan banduan yang disabitkan termasuk banduan yang dilepaskan secara parol*". Maknanya, ada terdapat yang diistilahkan banduan ini yang mereka tidak pernah didapati bersalah oleh mahkamah. Jadi, kalau mereka dimasukkan dalam penjara, bermakna orang yang didapati tidak bersalah ini juga...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tertakluk juga mengalami *distress*, mengalami masalah dan juga ada akibat kepada keluarga-keluarga dia. Oleh sebab itulah, sebarang pindaan ke atas Akta Penjara ini, *is only concern* kita. Saya mengatakan bahawa apabila saya kata hukuman penjara ini bukan satu-satunya hukuman yang sepatutnya dijadikan sebagai *the only solution* untuk menyelesaikan masalah jenayah. Sepatutnya, kajian dibuat oleh kerajaan. Saya ingin bertanya, adakah kajian telah dibuat? Adakah telah dibuat satu *survey* apakah keberkesanan hukuman penjara ini?

Keduanya, apakah jaminan orang-orang yang telah dipenjarakan ini tidak akan mengulangi kesalahan itu? Saya minta, saya mungkin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kedah bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya hendak tambah sedikit sahaja tentang tadi orang-orang yang tidak didapati bersalah tetapi terpenjara. Saya teringat beberapa kes di Amerika yang baru-baru ini sahaja, dalam setahun dua tahun ini dan tahun ini juga ada kes yang baru terbukti tidak bersalah setelah dilihat kembali keputusan DNA dan lain-lain lagi. Apa yang mengerikan ialah sesetengah daripadanya telah dipenjarakan sampai 15 tahun hingga 20 tahun. Ada satu kes seorang yang muda, berusia 17 tahun ketika ditangkap oleh polis, dipaksa buat pengakuan, dipenjarakan, orang *American black* dan akhirnya setelah 20 tahun, baru dibebaskan. Jadi kadang-kadang, benda-benda tragik itu berlaku dan seperti Yang Berhormat Sepang sebut tadi, itu kadang-kadang kita kena ambil perhatian bahawa tidak semua mereka berada di situ kerana sistem yang kita ada ini tidak *perfect*. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kedah. Yang Berhormat Kuala Kedah, saya ingin tambah bahawa kes-kes yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah itu betul. Akan tetapi paling kurang, di negara-negara tersebut, orang itu telah dibicarakan dan kemungkinan ada berlakunya perbicaraan yang tidak adil,

mengakibatkan hukuman itu dikenakan ke atas orang yang tidak bersalah. Akan tetapi pokoknya mereka masih lagi dibicarakan tetapi dalam penjara negara kita ini, ada orang-orang yang dimasukkan ke penjara tanpa dibicarakan langsung di bawah akta-akta yang dipanggil preventif ini. Ini yang kita tentang habis-habisan. Sebab, apabila kita meletakkan mereka ini atas kategori banduan juga, sedangkan mereka tidak pernah disabitkan bersalah oleh mahkamah, kita secara tidak langsung telah menghukum mereka.

Definisi banduan ini tidak semestinya orang yang telah disabitkan. *[Disampuk]* Macam ada dengar buni-buni itu, kalau hendak bangun, bolehlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* Saya hendak katakan bahawa sebab itulah saya pelik, dalam satu segi kita buat penjara ini, memanglah tujuan kita untuk hendak memenjarakan orang-orang yang bersalah tetapi kenapakah kalau kita sepatutnya sudah ada penjara ini kita fikir macam manakah paling kurang itu, hendak *reduce* jenayah ini. *Reduce* orang-orang dalam penjara supaya kita boleh kurangkan kos dan kos yang kita buat untuk kita gunakan penjara itu kita boleh gunakan, salurkan pada tempat lain. Akan tetapi malangnya apabila kerajaan menggubal undang-undang yang menggalakkan hukuman penjara ini, yang mengenakan hukuman mandatori. Hakim langsung tidak ada peluang untuk mengenakan hukuman lain.

Saya sudah terangkan, *mandatory sentence* ini bermaksud kita telah berpegang semua orang yang melakukan jenayah atas motivasi yang sama. Sedangkan orang yang melakukan jenayah ini macam-macam motivasi dan yang lebih kita takut lagi, memang ada satu hubungan yang rapat antara *unemployment*, kesusahan, keadaan ekonomi ini dengan kadar jenayah. Kita bayangkan apabila harga minyak telah dinaikkan, selepas ini ada GST, kita pasti akan berhadapan dengan satu suasana rakyat semakin susah, apabila rakyat semakin susah, ketika itu kita kena bersedia menghadapi satu keadaan yang mungkin kita tidak suka iaitu kadar jenayah akan naik. Apabila kadar jenayah naik, kita akan dibicarakan. Kalau mereka dibicarakan di bawah akta-akta yang mana mahkamah tidak dibenarkan untuk ada budi bicara mengenakan hukuman lain, kecuali hukuman penjara, bermakna kita menggalakkan orang ini masuk penjara.

Jadi saya pun hairan, di manakah rasionalnya kita buat hukuman penjara dengan tujuan untuk memenuhi sedangkan kita selalu mengeluh, keluh-kesah, *prison* ini *overcrowded*. Berapa banyak telah didedahkan dalam akhbar di mana orang-orang yang masuk dalam penjara atau mereka ini baru di reman, *remanded*, belum lagi dibicarakan, *remanded* sahaja. Akan tetapi hendak tunggu tarikh bicara punyalah lama, mereka kadang-kadang duduk di situ tiga tahun atau empat tahun, mungkin lima tahun, tidak dibicarakan lagi tetapi *remanded* sebab mungkin tidak boleh bayar bil dan sebagainya.

Mereka tidak bersalah lagi dan mereka ini dalam penjara. Apabila mereka dalam penjara, mereka telah secara tidak langsung dihukum walaupun mereka belum bersalah. Jadi, dalam keadaan kesesakan di dalam penjara itu kerana kita memasukkan juga orang-orang yang di reman

ini, tiba-tiba kita buat undang-undang pula menggalakkan hukuman penjara lagi. Di mana rasionalnya?

**■1520**

Tolonglah bangun. Debat. Tanya saya. Tak betul ini Yang Berhormat Sepang. Tolonglah bangun. Tak ada orang bangun tak best lah. Dia tak tahu. *[Ketawa]* Saya suka berdebat dalam Parlimen ini. Akan tetapi dalam BN pun tak ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dalam Parlimen tidak berdebat Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mana dia Yang Berhormat Pengerang tidak ada. Rasa sunyi pula dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang tak ada Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang tak ada sunyilah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskanlah Yang Berhormat Tanjong Karang tak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tolonglah, tolonglah bahas kata apa yang Sepang kata tidak betul ni. Baru sedap sedikit. *[Ketawa]* Menteri Perumahan nak bangun boleh tak ada masalah. Jadi saya nak mencadangkan supaya kaji semula dan saya juga ingin minta supaya pihak kementerian supaya tololng buat pindaan juga. Cuba kaji, minta Peguam Negara kaji seksyen 49, Akta Penjara.

Seksyen 49 ini ia berkaitan dengan mereka yang dipenjarakan bukan kerana melakukan kegiatan jenayah. Saya hendak baca seksyen 49 dengan izin pihak Tuan Yang di-Pertua - Pengasingan banduan. “*Seorang banduan – (a) yang dikurung di bawah proses sivil; (b) yang ditahan secara reman... – yang tadi yang saya maksudkan tadi. (c) yang dikomitkan untuk dibicarakan; (d) yang dikurung kerana tiada penjamin; lazimnya tidak boleh dicampurkan dengan banduan yang menjalani hukuman penjara.*” Saya rasa ini satu seksyen yang perlu dipinda.

Oleh sebab bila kata “*lazimnya*” bermakna tidak ada satu kewajipan untuk mengasingkan mereka. Saya minta supaya pihak Menteri minta Peguam Negara pinda seksyen 49 ini kerana kategori banduan yang dinyatakan dalam (a) hingga (d) ini hakikatnya mereka bukan penjenayah. Akan tetapi bila kita meletak apabila kata, “*lazimnya tidak dikehendaki, tidak dicampurkan...*” bermakna tidak ada satu yang mandatori.

Saya ingin mencadangkan supaya seksyen 49 ini dipinda dengan meletakkan satu kewajipan, *obligation mandatory* apabila pesalah-pesalah banduan yang dikatakan banduan ini iaitu yang terlibat dalam kes sivil. Contoh dalam kes sivil dia tidak dapat bayar hutang, maka dia buat *execution* prosiding tindakan pelaksanaan, dia dikenakan hukuman penjara. Lepas itu di campur pula dengan mereka yang *hard core criminal*. Ini akan membahayakan mereka. Jadi saya ingin mencadangkan bukan ayat “*lazimnya*” – mesti, wajib diasingkan.

Begitu juga dalam seksyen 49 subseksyen (3), “*seorang banduan muda hendaklah setakat yang dibenarkan oleh keadaan tempatan, ditempatkan berasingan.*” Ini pun bukan satu seksyen yang mewajibkan banduan muda ini diasingkan. Dia kata “*setakat yang dibenarkan oleh keadaan tempatan...*” Maknanya ia masih lagi *conditional* dengan izin bersyarat. Saya minta supaya kerajaan banduan muda ini – banduan muda maksudnya banduan yang bawah umur 20 tahun. Maknanya banduan-banduan ini *very fragile*. Mereka ini seharusnya kalau boleh jangan dimasukkan penjara langsung. Akan tetapi bila mereka ini dimasukkan penjara, tiba-tiba tidak ada satu kewajipan pihak penjara harus asingkan mereka daripada penjenayah-penjenayah yang lain. Ini bermakna kita telah mendedahkan mereka pada risiko.

Bayangkan kalau anak-anak muda ini kita masukkan dengan penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam kes bunuh dan sebagainya. Jadi saya mohon supaya seksyen 49 – walaupun dalam pindaan ini tidak melibatkan seksyen 49, tetapi di peringkat dasar ini saya mohon supaya pihak kerajaan mengambil kira apa yang saya katakan itu sebab saya percaya seksyen 49 ini mesti dijadikan suatu yang mandatori pengasingan pada pesalah-pesalah ataupun banduan-banduan yang tertentu.

Mungkin istilah banduan itu juga patut dikaji semula. Bayangkan kalau orang yang di reman kadang-kadang dalam keadaan yang tidak bersalah pun dipanggil banduan, ini stigma ini. Stigma ini bukan benda yang mudah kita hendak buang. Kalau kita katakan tak bayar hutang kerana kita tak bayar hutang, kita dimasukkan penjara. Lepas itu orang panggil banduan sedangkan hakikatnya mereka bukanlah banduan. Akan tetapi, stigma banduan itu akan menghantui mereka. Jadi saya mohon jugalah kalau boleh ini juga satu perkara yang kita kena fikirkan.

Mungkin yang lebih elok lagi bagi kategori-kategori mereka ini mestilah dibuat satu sistem yang lain, bukan dimasukkan penjara. Tidak dimasukkan dalam mana-mana penjara dalam negara kita ini. Apa yang kita hendak namakan tempat lain itu, terpulang. Itu kementerian kena fikirkan. Akan tetapi, saya meminta supaya bagi pesalah-pesalah yang saya kata tadi antara yang dalam seksyen 49 itu mestilah diasingkan terus. Bukan diasingkan dalam erti kata masuk penjara lepas itu diasingkan dalam sel-sel lain. Itu mungkin peringkat pertama kita buat itu dahulu. Akan tetapi, yang lebih baik lagi kita buat satu *overhaul*. Mereka ini langsung tidak dibenarkan masuk penjara. Mereka ini mesti ada satu benda lain ataupun satu tempat lain yang perlu kita tempatkan mereka sementara mereka ini – saya rasa kerajaan boleh fikirkan benda itu.

Berkaitan dengan mereka yang masuk penjara di kalangan wanita. Kajian yang dibuat oleh Guardian menunjukkan sebenarnya hukuman penjara ke atas wanita adalah hukuman yang paling – dipanggil hukuman yang paling buruk dan tidak sepatutnya dikenakan. Oleh sebab wanita ini apabila dia dipenjarakan, bayangkan kalau dia ada seorang anak, ibu dipisahkan dengan anak yang kecil dan sebagainya, dia akan mengalami lagi masalah yang lebih besar.

Mungkin kita kata kalau dia tak nak itu, kenapa dia buat jenayah? Memang betullah dari satu segi kita boleh kata begitu. Akan tetapi, hakikatnya peranan kerajaan bukan setakat nak hukum rakyat. Bukan nak hukum tetapi juga nak membetulkan mereka, nak *reform* mereka. Oleh

sebab itu, teori *punishment* ini bukan setakat *deterrent* tetapi juga *reform*. Untuk *reform* manusia seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi. Malahan, *reform* ini lebih penting lagi.

Oleh sebab itulah dari segi – saya bercakap sebagai orang Islam, Ahli Parlimen Islam saya nak katakan dalam Islam, hukuman penjara dan kesalahan berat boleh dikatakan hampir tidak ada. Dalam kesalahan-kesalahan berat ini semua tidak ada hukuman penjara. Dalam hukuman yang berkaitan dengan hudud ini, satu pun tidak melibatkan penjara. *There must be a reason*. Sebab kami percaya hudud daripada Allah SWT dan mesti ada sebab kenapa Allah tidak kenakan hukuman penjara. *We must also ponder the wisdom of the Almighty God*. Sebab kita kena tahu kenapakah hukuman-hukuman ini tidak dikenakan hukuman itu.

Oleh sebab dalam Islam ia melihat jenayah ini bukan dari satu sudut sahaja, bukan dari segi hukuman tetapi daripada sudut yang lebih holistik. Oleh sebab jenayah ini dia berpunca daripada pelbagai – sebab itu hukuman ini mestilah ada kaitan dengan dia punya sosiologi, dari segi biologi semuanya diambil kira. Apabila kita hanya meletakkan hukuman satu sahaja, *imprisonment* sahaja kita menganggap bahawa semua pesalah melakukan kesalahan di atas satu faktor yang sama. Inilah yang saya rasa yang sepatutnya kita tidak boleh melakukan kesilapan yang begitu.

**Seorang Ahli:** Poin baru.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ah? Poin baru? Poin itu pun you tak faham lagi, nak poin baru apa? Yang seterusnya – saya dah banyak bagi poin dah. Yang Berhormat Menteri bangunlah minta izin tanya soalan. Ini mencelah saja. Semalam nak jawab fasal itu pun susah, nak sibuk fasal ini pula. Nak berlawan dengan...

Seterusnya saya juga ingin mengatakan tentang sistem parol ini. Memang ada satu – kita tahu Akta Penjara kita setelah lama didesak, akhirnya telah mengadakan *probation* tentang parol. Untuk makluman mereka yang mungkin tidak biasa dengan *parole system*, parol ini bukanlah satu bentuk penghentian hukuman tetapi ia lebih kepada usaha untuk *reform*. Ini adalah salah satu bentuk *reform* yang memang, yang ada di dalam *parole system*.

Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri. Sejauh manakah *parole system* ini telah berjaya menyelesaikan masalah jenayah ini dan berapakah jumlah banduan-banduan yang dipenjarakan setelah didapati bersalah oleh mahkamah dalam kes jenayah yang telah pun menerima parol ini, telah diberikan parol ini? Apabila mereka diberikan ini, berapa ramai pula yang telah melanggar parol itu? Ya, pihak Menteri.

Ketiganya, saya ingin bertanyakan adakah kerajaan bersedia untuk mungkin meminda tentang anggota Lembaga Parol ini? Ini kerana berdasarkan yang ada sekarang ini saya rasa jumlah itu terlalu minimum.

■1530

Saya ingin mencadangkan kalau boleh ada wakil dari Ahli-ahli Parlimen yang dibenarkan duduk dalam Lembaga Parol ini. Sebab apa saya katakan begitu adalah kerana apabila Ahli-ahli Parlimen ini dia terlibat dalam Lembaga Parol ini sekali gus dia dapat peluang secara orang kata

*first hand knowledge* berkaitan dengan apa yang berlaku dalam penjara. Saya difahamkan oleh rakan saya dari Subang bahawa sebelum ini ada peruntukan mana-mana Ahli Parlimen ini boleh pergi mana-mana *prison* atau penjara *in fact, without notice*, dahululah. Dahulu kita boleh pergi penjara tetapi sekarang kita pula yang hendak dimasukkan ke penjara. Ini masalah.

Dahulu kita pergi penjara bukan sebagai banduan, kita pergi penjara untuk hendak lihat apa berlaku dan kita boleh bawa input-input ke sini. Akan tetapi kerajaan sekarang ia pinda benda-benda itu dan tidak benarkan Ahli Parlimen suka-suka pergi penjara tetapi dia pinda dengan secara *subtle*, ia hendak Ahli-ahli Parlimen ini pergi ke penjara jadi banduan. Sebab itu ia dakwa Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Seputeh dan didakwa mereka ini. Ini sebenarnya ikut betul-betul cara Lee Kuan Yew lah di *Singapore*.

Apabila hendak berlawan dengan pembangkang ini, maka digunakan proses mahkamah. Dahulu gunakan ISA, sebab orang kata ISA zalim, dia kata, “*Oh, sekarang kurang zalim sedikit. Kita gunakan mahkamah. Kita gunakan akta-akta draconian ini untuk dakwa.*” Maknanya, ada dakwalah, sekurang-kurangnya ada pendakwaan dan bicara, sudah tidak zalim. Sebenarnya itu kezaliman. Apatah lagi mereka yang didakwa ini didakwa dalam keadaan kerajaan telah berjanji di depan rakyat. Seluruh dunia tahu bahawa kita akan hapuskan Akta Hasutan. Rakan saya dari Parit Buntar terlibat dalam mendraf rang undang-undang yang baru untuk menggantikan Akta Hasutan, telah siap.

Kami peguam-peguam daripada PAS, kita juga turut bantu, beri input-input. Ia tidak dibayar pun, kita beri input untuk supaya Akta Keharmonian Kaum ini digubal di dalam Parlimen ini untuk menggantikan Akta Hasutan. Tiba-tiba saya difahamkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar, ada desakan daripada UMNO tidak mahu buat akta ini, tetapi hendak Akta Hasutan. Ini menunjukkan kerajaan ini bukan sahaja pembohong tetapi kerajaan yang mungkir janji yang mahu orang-orang yang berlawannya dengan secara demokrasi dimasukkan ke penjara. Ini satu kaedah yang paling diktator. *[Disampuk] I am okay, you itu.*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Masuk hospital nanti. Yang Berhormat Batu Gajah bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu sahaja boleh cakap Menteri? Masuk hospital, *blood pressure*. Itu sahaja boleh cakap? Kalau setakat cakap macam itu baik duduk kedai kopilah.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: [Menyampuk]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *That is the only words you can say?* Okey Yang Berhormat Batu Gajah, ini baru nampak standard. Itu dua orang tidak ada standard langsunglah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tadi Yang Berhormat Sepang ada mengatakan bahawa dahulu Ahli-ahli Parlimen dibenarkan untuk masuk melawat penjara. Akan tetapi tiba-tiba sekarang kita tidak dibenarkan

untuk masuk, undang-undang telah dipinda dan tidak dibenarkan untuk masuk lagi ke penjara untuk melawat dan sebagainya. Apa kata Yang Berhormat Sepang, kalau kita semua Ahli-ahli Parlimen pinda semula undang-undang tersebut dan memberarkan Ahli-ahli Parlimen untuk melawat penjara bila-bila masa. Oleh sebab ini adalah penting sebab kita hendak tahu apa sebenarnya berlaku dalam penjara. Ada banyak masalah yang telah berlaku dalam penjara tetapi kenapa pula ada undang-undang yang menghalang Ahli-ahli Parlimen daripada masuk dan untuk mengetahui keadaan sebenar keadaan dalam penjara. Jadi, setuju atau tidak Yang Berhormat Sepang kalau semua Ahli-ahli Parlimen sama sekali menyuarakan supaya kita diberi hak untuk melawat penjara?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Untuk makluman kedua-dua Menteri itu, ini cara tanya soalan, cara bercakap dan bukan macam Menteri itu. *[Ketawa]* Jangan marah, relakslah. *Check blood pressure.* Saya hendak beritahu bahawa saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah itu dan saya rasa lebih baik peruntukan sebegini ada daripada kita dibenarkan dalam bentuk *ad hoc* pergi penjara. Maknanya, kita pergi itu dalam keadaan kita beri notis dahulu kepada penjara. Saya rasa kalau kita beri notis dahulu kepada pihak penjara untuk pergi, ia akan sempatlah untuk *repair* dan sebagainya. *The idea of having a surprise visit* itu sesuatu yang baik. Oleh sebab apabila kalau kita pergi dalam keadaan kata orang buat *spot check* itu dalam keadaan tidak rasa macam ada sesuatu yang tidak sempat untuk disembunyikan.

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya kalau— saya sebenarnya tidak berapa pasti seksyen berapa tetapi saya minta supaya *revise* balik benda itu sebab kalau kita ada— Ahli Parlimen ini dalam konteks dalam sebuah negara ini tanpa mengira di mana parti yang mereka *associate* diri mereka, kita semua sebenarnya berperanan untuk hendak baiki negara kita ini dengan supaya ke arah yang lebih baik. Sebab itulah saya percaya Ahli Parlimen pembangkangkah atau Ahli Parlimen kerajaan, mestilah diberikan beberapa *privilege* yang mungkin tidak dapat dirasai oleh sesetengah orang lain. *Privilege* itu bukan untuk kita gunakan suka-suka. Tujuannya untuk kita memperbaiki sistem dalam negara kita ini. Sebab itu saya minta supaya *privilege* itu dikembalikan kepada Ahli Parlimen supaya kita boleh pergi dan kita boleh membuat *surprise visit* ini untuk kita dapatkan input-input itu dan kita boleh gunakan di dalam ini. Itu yang pertama.

Seterusnya, saya juga minta supaya pihak kerajaan apabila— tadi dikatakan oleh Yang Berhormat Jerlun bahawa penjara sekarang pun telah mula ada kelas agama dan sebagainya. Memang di *England* pun semua agama dan semua orang yang terlibat— oleh kerana *prisoners* di sini terdiri daripada pelbagai agama. Memang saya difahamkan di sana imam pun dibenarkan, paderi dibenarkan, semua agama dibenarkan dan orang tokoh agama dibenarkan masuk. Itu memang ada. Menunjukkan bahawa mana-mana negara pun sedar bahawa mana-mana negara pun sedar bahawa peranan agama untuk *reform* manusia.

Jadi, agama ini tidak boleh hendak kita ketepikan dari segi peranannya untuk *reform* manusia. Akan tetapi yang lebih daripada itu, saya minta supaya kerajaan juga, kita mesti *train* dan

mesti ada satu proses untuk kita betul-betul mendidik mereka yang bekerja di penjara. Khususnya, apa yang dipanggil orang-orang yang terlibat dalam menjaga banduan ini. *What are they call?* Warden? Warden, ya.

Selama ini saya rasa di mana di dalam negara kita pengalaman saya menziarahi penjara-penjara dan jumpa dengan *client* ataupun anak guam di dalam penjara, saya lihat warden-warden ini dia lebih kepada menjadi macam *guard*. Maknanya, lebih kepada menjaga *behavior* orang itu atau banduan. Kadang-kadang ada sesetengah yang lebih nakal sedikit dan kadang-kadang dia bergurau dalam bentuk yang kita pun – dia panggil saja-saja suruh lap dan macam-macamlah. Akan tetapi apa yang saya rasa lebih penting lagi ialah warden-warden ini juga sepatutnya kita *upgrade* dari segi *knowledgenya*, dari kepakarannya.

Ini supaya mereka ini juga secara tidak langsung boleh terlibat dalam mendidik banduan itu. Maknanya, kalau kita boleh *train* warden-warden ini dengan ilmu-ilmu yang baru, ilmu agama dan sebagainya sehingga mereka ini bukan sahaja berperanan untuk setakat hendak hukum ataupun hendak kawal apa yang dipanggil *prisoners* sahaja. Akan tetapi yang lebih penting mereka ini diibaratkan macam kawan kepada banduan-banduan ini supaya mereka juga boleh membantu secara tidak langsung, *reform* ataupun membaiki pesalah ini.

Saya hendak tanya, adakah sudah ada satu usaha dibuat untuk hendak *train* warden-warden ini? Kalau sudah ada, apakah hasilnya? Kalau belum ada, saya harap supaya kerajaan cuba ataupun kena fikirkan soal ini. Oleh sebab apa, kalau kita boleh *train* mereka, hakikatnya kalau kita boleh jadikan *prison* ini ibarat sebagai satu tempat untuk mereka belajar dan *reform* diri, kita berjaya kurangkan kos. Ini kerana apabila jenayah dilakukan, hakikatnya kos ditanggung oleh masyarakat begitu tinggi. Jadi, saya harap supaya kerajaan dapat memikirkan kaedah ini ataupun proses untuk ini. Akhir sekali...

**Seorang Ahli:** Sudah ada ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau sudah ada, dipertingkatkan lagilah. Saya tidak tahu lah tetapi berdasarkan pengalaman saya, saya lihat kebanyakan mereka ini, mungkin tidak semualah. Kebanyakan mereka ini memainkan peranan yang begitu minimumlah, setakat menjaga banduan dan sebagainya.

#### ■1540

Seterusnya mungkin terakhir saya hendak nyatakan juga ini permintaan daripada warden-warden penjara ini, mereka juga minta supaya mereka juga diberikan kenaikan gaji. Saya ini antara Ahli Parlimen yang sering bercakap naik gaji orang lainlah. Saya bercakap tentang gaji hakim.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Yang Berhormat minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oh! Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini kerana Yang Berhormat cabar banyak orang saya tunggu dekat luar, saya terpaksa masuk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Alhamdulillah*, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, yang pertama kenapakah warden ini jumpa Yang Berhormat? Kenapa tidak jumpa kami? Kami di antara orang yang boleh mempertimbangkannya dengan lebih cepat lagi, nombor satu. Adakah mereka ini semua tidak berjumpa dengan Yang Berhormat pada anggapan Yang Berhormat sahaja?

Keduanya, Yang Berhormat tidak setujukah dengan kenaikan elauan, dengan perubahan elauan Ahli-ahli Parlimen? Kalau tidak setuju Yang Berhormat kena cakap tidak setuju, kalau setuju, cakap setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, you have to answer. Kalau hendak jawab boleh jawab.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak jawabkah? Saya jawab yang pertamalah tentang yang kedua tu saya tidak hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang kedua tidak mahu jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang pertama dia tanya adakah banduan ini kenapa jumpa dengan saya, tidak jumpa dengan sebelah sana. Kita kena tanyalah mesti ada sebab. Kenapa yang dia suka sangat dengan Pakatan Rakyat, dia tidak suka dengan sana? Itu kena tanya diri sendirilah. Mungkin ada keburukan-keburukan di sana yang orang rasa kami tidak percayalah pada orang atas itu. Mungkin juga saya tidak tahu. Kena tanya merekalah, tanya merekalah.

*The fact* yang mereka hendak jumpa kepada kita menunjukkan mereka tahu kita la yang boleh menjuarai masalah rakyat. Oleh sebab itulah mereka percaya kepada kita. *[Tepuk]*

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau mereka tahu kita tidak boleh membuat kerja, tidak boleh menjalankan tugas – Sebab kita berani menyatakan kebenaran dalam Parlimen ini. Kita tidak takut kepada sesiapa, tidak takut kepada Menterikah, tidak takut kepada sesiapa. Hendak dakwa kitakah, hendak apa kita silakan tetapi kita akan terus bercakap menjuarai masalah rakyat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya hendak dapat pandangan satu lagi pandangan Yang Berhormat Sepang, satu lagi *channel* atau saluran yang kita sering dapat dengar aduan dan input dari pegawai-pegawai penjara ialah di sebelah sini ramai kita duduk dalam penjara. Saya duduk sembang bukan satu jam, dua jam tetapi satu malam, satu hari. Mereka apa pun beritahu.

Saya hendak cadangkan di sebelah sana kalau boleh adalah beberapa pemimpin yang juga masuk, duduk bersama-sama supaya kita boleh dapat tahu dengan lebih mendalam dugaan

mereka, masalah mereka. Saya hendak ambil kesempatan ini yang kita duduk dalam penjara ini, kita hendak ambil kesempatan ini untuk sampaikan penghargaan kita kepada mereka yang pernah jaga dan memberi layanan yang baik kepada kita.

Biasanya yang jadi masalah bukannya dari pihak penjara. Penjara ini kebanyakannya profesional dan mereka meletakkan, mengutamakan kebijakan orang yang ditahan ini dan tetapi mereka ini lebih susah lagi kerana mereka seolah-olah orang banduan sudah keluar, dibebaskan, tetapi mereka masih duduk lagi dalam penjara. Itulah yang disebut oleh pegawai-pegawai penjara. Mereka yang seolah-olahnya mereka yang dikurung dalam penjara. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Jadi saya rasa saya dan Yang Berhormat Batu telah menjawab keluhan daripada...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh, boleh. Silakan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Duduk, duduk. Yang Berhormat sebenarnya kita kalau - Yang Berhormat pernah kena tahan dalam penjara. Walaupun saya tidak ditahan dalam penjara dan mintak simpang untuk ditahan tetapi saya dan juga kawan-kawan memberi perhatian kepada penjara. Kita kalau ada upacara-upacara Hari Merdeka, Hari Korban kita sentiasa berada di sana dan kita tahu kita mendapat maklumat dan malah penjara di Perlis dia bukan sebarang penjara, dia penjara untuk *correction* bagi banduan-banduan. Jadi kedudukan mereka berlainan.

Keduanya tentang bahawa banduan di bebas mereka masih dalam penjara. Yang Berhormat dalam keadaan tugas masing-masinglah, tugas masing-masing kita tahu bahawa semua sekali anggota penjara berada di kawasan awam dan juga kawasan sekuriti, jadi benda itu saya ingat masalah tugas. Walau bagaimanapun, mereka berpuas hati dengan kerajaan yang ada sekarang. Ini seorang dua yang mungkin adik-beradik atau kawan-kawan Yang Berhormat cakap kata ini mewakili penjara, tidak. *Majority of them* ialah penyokong kami dan sayang kepada kami.

Nombor dua, Yang Berhormat setuju tidak elau Ahli Parlimen dinaikkan, saya hendak rekod sekarang? Tidak setuju cakap tidak setuju.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa hendak buat inilah Yang Berhormat Menteri yang kita ada, sementara belum tukar kita kekallah Menteri dahulu. Okey saya hendak katakan beginilah. Sebenarnya apabila saya bercakap ini memang ini orang-orang kerja penjara ini, mereka berjumpa dengan kita mungkin mereka melihat apa yang berlaku dalam Parlimen.

Akan tetapi saya hendak katakan bahawa saya tidak katalah bahawa kerajaan langsung tidak buat apa-apa. Cuma saya katakan bahawa saya hendak sampaikan apa yang keluhan mereka. Keluhan mereka adalah antaranya gaji yang rendah dan mereka juga kata apabila mereka bekerja di situ mereka juga berhadapan dengan risiko.

Ada saya tidak tahu lah saya tidak ada detilnya tetapi ada yang beritahu kepada saya apabila ada banduan yang terlibat yang ada kena AIDS. *[Disampuk]* Sila bangun kalau hendak bercakap sila bangun. Jadi macam Yang Berhormat Menteri ini rajin bangun sebab dia ingat dia masih lagi dekat *backbencher*, tidak apalah. Kita raikan.

Akan tetapi saya hendak katakan bahawa ada di antara banduan ini yang mengatakan bahawa ada banduan yang terlibat dengan heroin dan sebagainya dihinggapi penyakit AIDS dan kesannya terkena juga kepada warden-warden. Saya tidak ada nama warden-warden itu tetapi saya difahamkan begitu. Jadi saya hendak dapatkan pengesahan.

Kalau ada bermakna menunjukkan warden-warden ini terdedah dengan risiko yang sebegini. Sudah tentulah *nature* kerja mereka itu, dalam keadaan begitu perlulah diberikan satu ganjaran yang agak sesuai dengan mereka itu. Saya juga difahamkan apabila berlakunya kes Sulu dahulu, mereka ini juga terpaksa ada di antara mereka warden itu yang diminta bertugas mungkin ada tahanan-tahanan yang dibawa itu untuk mereka terlibat dalam mengawal tahanan-tahanan itu.

Jadi mereka punya tugas ini ialah tugas yang agak mencabar. Jadi saya menyampaikan suara hati mereka melalui kami ataupun dengan izin, dia punya bebanan itu juga dapat diambil kira oleh pihak kerajaan. Jadi saya itu yang ingin mereka sampaikan. Seterusnya saya ingin nyatakan...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Sepang boleh saya mencelah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Silakan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya tengok tadi mendabik dada konon-konon juara rakyat tetapi cabaran daripada Yang Berhormat Arau untuk menjawab setuju tidak setuju untuk naik elauan tidak berani jawab. Nampaknya lebih pengecut daripada ayam yang ada di luar Dewan ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Adakah kita menentukan juara itu berdasarkan setuju tidak setuju? Apalah punya standard itu. *[Ketawa]* Standard juara tidak berani menjawab soalan Yang Berhormat Arau. Itukah, Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak saya tidak beri laluan, sekejap. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri peraturan mesyuarat...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, standard ini walaupun satu perkataan yang indah - *Unparliamentarily, unparliamentarily..*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, bagi Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Peraturan mesyuarat duduk, Yang Berhormat. Standard walaupun perkataan yang indah tetapi untuk sekarang ini Yang Berhormat cuba untuk menunjukkan penghinaan kepada Yang Berhormat Gerik seolah-olahnya Yang Berhormat ini ada standard, alah *lawyer* Yang Berhormat setakat *lawyer* Yang Berhormat itu tidak ada standard lagi kalau hendak kiralahkan ditarik balik perkataan tidak ada *standard* dengan *statement* tersebut. Jangan kata *standard*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah saya akan tarik saya kata tidak ada *standard*, tidak ada *class*lah.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tengok lagi *unparliamentarily*, ini *unparliamentarily*. Yang Berhormat..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Standard ini bukan perkataan *unparliamentarily*.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau Yang Berhormat seorang pejuang Islam, bolehkan orang Islam bercakap begitu kepada orang lain, merendahkan, Nabi sendiri sayangkan umat dan tidak pernah bezakan umat. Ini *lawyer Sepang* boleh kata orang ini ada 'class' tidak ada 'class'.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Batu, *you duduk* Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri yang menjaga hal-ehwal Parlimen ini tidak mengikut peraturan mesyuarat dan tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Batu, duduk. Ini saya dengan dialah. Saya dengan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, mana boleh macam itu. Tanya Tuan Yang di-Pertua kena tegurlah. Kalau kita buat peraturan kita salah Tidakkanlah Yang Berhormat Menteri *above the law*.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Duduklah *you duduk*. Bukan Yang Berhormat Menteri dia cabar tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang sudah bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bukan Menteri. Dia tidak sebut Yang Berhormat Menteri dia sebut sebelah sana. Cabaran belah sana termasuk saya. Belah sana juga...

■1550

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yalah, Menteri dalam hal ehwal Parlimen...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya tahu Menteri tidak boleh cakap.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Kena ikut peraturan Parlimen.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Peraturan mesyuarat, sila duduk. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Habiskan. Maknanya apa yang saya cakap tidak salahlah. Sebagai penggulungan... *[Disampuk]* Tetapi penggulungan saya makan masa juga sebab saya punya gulung ini ada stail sedikit. Jadi kena lambat sedikitlah. Jangan marah. *Relax, relax.* *[Dewan gamat seketika]*

Saya hendak kata bahawa kita bercakap tentang penjara ini, kita juga kena faham. Mungkin ramai daripada kita tidak masuk Penjara Kajang, tidak masuk Penjara Sungai Buloh. Akan tetapi hakikatnya, dalam negara di mana adanya akta-akta yang *draconian* di mana hak kebebasan bersuara, kita bercakap kita dikenakan *censured* dan sebagainya, hakikatnya kita juga berada dalam penjara. Hakikatnya ramai rakyat Malaysia juga berada di dalam penjara walaupun tidak dinamakan Penjara Sungai Buloh dan sebagainya, kita juga dipenjarakan. Terpenjara bermakna kebebasan kita disekat, kebebasan kita dihalang. Jadi apabila kita bercakap sedikit, sedikit-sedikit kena akta, sedikit-sedikit kena dengan undang-undang yang *draconian* ini, hakikatnya kita semua juga jadi banduan dalam negara kita ini.

Jadi sebab itulah bagi saya kita juga kena hapuskan segala akta yang zalim ini supaya rakyat kita juga tidak dipenjarakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi saya rasa itu sahaja dapat saya sampai untuk berbahas untuk akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

### 3.51 ptg.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih. *Insyah-Allah*, saya tidak akan berbahas lama seperti rakan sebelah sana bagi khutbah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk terlibat perbahasan meminda Akta 1995 yang dinamakan Akta Penjara.

Sememangnya kita mengetahui dan memahami bagi mereka yang melakukan kesalahan kecil atau besar melibatkan perlanggaran undang-undang negara, mereka perlu dihukum. Walau bagaimanapun, kita juga perlu mengakui ada antara mereka terpaksa menjalani hukuman penjara akibat kesempitan hidup dan pelbagai situasi lain termasuklah terpengaruh dengan keadaan persekitaran. Walau bagaimanapun, dalam apa juga situasi, matlamat tidak boleh menghalalkan cara. Setiap insan bertanggungjawab terhadap apa yang mereka lakukan. Begitu juga sesetengah banduan, ada antara mereka yang akan menjalani hukuman mati. Ada juga yang akan menghabiskan hayat dalam bilik kurungan. Ada yang akan melalui sisa-sisa kehidupan di sebalik tirai besi atau ada pula ibarat dikurung sementara kerana kesalahan yang kecil.

Bagi jenayah besar, kita akui tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan. Kalau mahkamah sudah mendapati mereka bersalah selepas diberi peluang membela diri, maka kita perlu akur. Biarlah kelompok ini terus dikurung atau menjalani hukuman mati berdasarkan kesalahan masing-masing.

Namun begitu, apa yang ingin saya perkatakan di sini ialah nasib pesalah atau banduan yang melakukan kesalahan kecil. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana melaksanakan

sistem parol yang sekali gus akan memberi peluang kepada banduan-banduan tersebut membaiki kesilapan dan menjalani kehidupan seperti insan-insan yang lain.

Akan tetapi, apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah kejayaan sistem parol banyak bergantung kepada penerimaan masyarakat terhadap bekas-bekas banduan. Kita acap kali mendengar bagaimana golongan ini dipandang serong oleh masyarakat sehingga akhirnya mereka kembali melakukan jenayah. Oleh itu, saya berharap pihak kerajaan melalui Jabatan Penjara akan benar-benar memastikan mereka yang menjalani sistem ini diterima masyarakat dan menjalani kehidupan seperti biasa.

Pada kesempatan ini juga saya berharap pihak kerajaan akan berusaha untuk memastikan lebih ramai pesalah-pesalah kecil seperti mencuri barang, makanan di pasar raya seperti kotak susu, sebotol nescafe ataupun tiada lesen memandu dikenakan perintah khidmat masyarakat. Saya mengemukakan pandangan ini kerana berpendapat penjara bukanlah, seperti yang dikatakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi, penjara bukanlah tempat yang sesuai untuk mereka yang terjebak secara tidak sengaja dalam jenayah. Pelbagai faktor perlu kita ambil kira yang memungkinkan mereka melakukan perbuatan tersebut.

Atas sebab itulah, kalau mereka perlu juga menghuni penjara, pastikan mereka tidak ditempatkan dengan penjenayah-penjenayah tegar kerana kita tidak mahu melakukan tindakan yang diibaratkan mengurung sambil melahirkan. Maksudnya, sementara kita mengurung pesalah-pesalah tegar tetapi dalam masa yang sama, pesalah yang melakukan kesalahan ringan apabila selesai menjalani hukuman tersebut akan mengambil alih tugas pesalah tegar. Bererti, kita tidak mahu pesalah yang ringan dikurung sama dengan pesalah yang berat.

Justeru itu, adalah wajar Jabatan Penjara memastikan pesalah-pesalah yang dilepaskan melalui sistem parol sentiasa diperhatikan dari semasa ke semasa. Perkembangan diri mereka perlu kita ketahui termasuklah apa yang mereka lakukan bagi menyara kehidupan.

Mungkin juga kerajaan boleh memikirkan untuk mewujudkan pusat mewajibkan hadir ataupun CAC sepetimana yang diamalkan di Jepun, England, Australia, Amerika, Kanada dan beberapa negara Eropah dan ia pernah dilaksanakan di Penjara Pulau Pinang pada tahun 1969. Saya tidak pasti sama ada pusat ini ada atau tidak kerana tidak ada publisiti mengenainya. Akan tetapi jika ada, saya berharap pihak kerajaan boleh menyatakan kepada Dewan yang mulia ini apakah perkembangan pusat tersebut.

Saya juga berhasrat untuk menyentuh Bahagian IVB mengenai pemindahan antarabangsa banduan. Saya ingin mengimbas kembali kepada Dewan yang mulia ini mengenai nasib Khairil Azuan Abu Hassan, 32 tahun, dari Perak; Pak Tam atau nama sebenarnya Sheikh Faizan, 24 tahun, dari Johor; dan Umi Azlin Mohd Lazim, 24 tahun, dari negeri saya, Kelantan. Ketiga-tiga mereka ini sedang menjalani hukuman penjara seumur hidup di Taiwan dan China atas kesalahan membawa dadah.

Umi Azlin yang merupakan bekas pelajar Universiti Malaysia Sabah ditahan ketika melalui imigresen di Lapangan Terbang Shantou, Guangzhou kerana didapati menyeludup heroin seberat 2.98 kilogram pada Januari 2007.

Pada 24 Mac 2007, Sheikh Faizan atau Pak Tam yang ketika itu berusia 19 tahun ditahan di Taipei kerana disyaki membawa heroin seberat 2.141 gram dalam sebuah beg miliknya ketika hendak berlepas pulang ke Malaysia sebelum hukuman penjara seumur hidup tiga bulan kemudiannya.

Khairil Azuan ditangkap pihak berkuasa Taiwan pada 14 Jun 2006 di Lapangan Terbang Chiang Kai Shek sejurus tiba dari Bangkok, Thailand melalui penerbangan China Airlines CI068 atas kesalahan cuba menyeludup dadah jenis heroin seberat 1,536 gram.

Saya ingin bertanya, apakah nasib mereka? Tidakkah ada usaha dilakukan bagi membolehkan ketiga-tiga rakyat Malaysia ini untuk mereka menjalani hukuman penjara di negara kita? Berdasarkan kes mereka ini, adalah jelas mereka ini mungkin terperangkap dengan sindiket dadah. Mereka bukannya pengedar dadah tulen tetapi terperangkap akibat desakan hidup dan terperdaya dengan sindiket.

Oleh itu, saya merayu kepada kerajaan untuk memikirkan jalan diplomatik bagi membolehkan mereka ini dibawa pulang dan menjalani hukuman penjara di negara kita. Saya percaya mereka ini sudah benar-benar insaf dengan apa yang berlaku. Oleh itu, usaha berterusan perlu dilakukan kerana sebagai kerajaan yang prihatin, nasib banduan atau pesalah ini harus kita bela.

Saya juga tidak menafikan mereka sememangnya perlu bertanggungjawab terhadap apa yang mereka lakukan. Akan tetapi, kalaularah mereka dibawa pulang untuk menjalani hukuman penjara di negara ini, ia lebih baik khususnya sebagai orang Islam, kita mahu memastikan hak-hak mereka terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap pendek sahaja kerana kita sudah dengar lama daripada Yang Berhormat Sepang tadi. Saya ingin menggulung perbahasan ini dengan menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap sistem parol yang sedang dilaksanakan dan dalam masa yang sama amat mengharapkan masyarakat akan turut memainkan peranan menjayakan sistem ini. Sesungguhnya dalam kehidupan ini setiap insan perlu diberi peluang kedua ataupun, dengan izin, *second chance* untuk meneruskan kehidupan khususnya dalam kalangan mereka yang lemas dalam tekanan kehidupan dan persekitaran.

Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang.

### **3.59 ptg.**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan satu rang undang-undang untuk meminda Akta Penjara 1995.

### **■1600**

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mula dengan mukadimah daripada Peraturan Penjara 2000 yang digubal oleh Menteri yang berkenaan di bawah kuasa yang diberi di dalam akta ibu. Perenggan yang saya baca adalah perenggan tiga yang bertajuk, “*Prinsip-prinsip Am Pentadbiran*

*Penjara dan Pemakaian Peraturan-peraturan.” Saya nampak kandungan peraturan ini amat berguna untuk membantu kita dalam perbahasan kita pada hari ini. Dengan izin saya baca, “Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai dengan memberikan kelonggaran wajar kerana perbezaan watak dan cara tata tertib yang dipatuhi oleh berbagai-bagai jenis banduan mengikut prinsip-prinsip yang berikut.” Ada tiga perenggan yang penting.*

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

Perenggan pertama, tata tertib dan ketenteraman hendaklah dikenalkan dengan adil tetapi tegas tanpa mengenakan sekatan yang melebihi daripada yang dikehendaki. Bagi jagaan selamat dan bagi memastikan kehidupan masyarakat yang teratur. Jadi saya nampak di sini apa yang penting ialah perkataan adil, tegas tetapi jangan melebihi yang dikehendaki.

Perenggan kedua, dalam mengawal banduan-banduan Pegawai Penjara hendaklah berusaha untuk mempengaruhi banduan-banduan itu melalui contoh teladan dan kepimpinan mereka sendiri dan untuk mendapat kerjasama secara sukarela daripada mereka. Jadi di sini, ini peraturan yang kita buat diingatkan pentadbiran penjara bahawa Pegawai Penjara mesti jadi teladan daripada kepimpinan mereka sendiri.

Perenggan ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan yang saya baca. Pada setiap masa pemerlakuan terhadap banduan-banduan itu hendaklah dibuat sedemikian untuk menggalakkan mereka menghormati kendiri. Juga mempunyai perasaan tanggungjawab ke atas diri sendiri supaya semangat mereka dapat dibina semula untuk menyemai dalam diri mereka tabiat kewarganegaraan yang baik dan bekerja dengan tekun. Untuk menggalakkan mereka supaya hidup dengan baik dan berguna setelah dibebaskan dan untuk menyesuaikan mereka untuk berbuat demikian. Jadi inilah satu peringatan apa yang disebut di peraturan tiga ini yang penting untuk pentadbiran penjara yang sekarang kita cuba memperbaiki dan mempertingkatkan melalui pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran penjara-penjara kita. Saya harap dapat penjelasan untuk beberapa perkara itu. Untuk perkara yang mungkin tidak dapat jawab pada hari ini saya harap dapat satu penjelasan bertulis yang terperinci. Saya ingin mula dengan satu isu yang cukup serius iaitu berkaitan dengan hak yang amat penting untuk banduan atau orang yang ditahan dalam penjara ialah hidup mereka ataupun dengan izin *their life*. Isu yang saya bangkitkan ialah kematian dalam tahanan. Saya tidak ada statistik yang lengkap untuk semua kematian yang sudah berlaku tetapi saya dapat kesan beberapa kes-kes. Kes-kes ini saya minta rasa adalah penting untuk dibangkitkan supaya – Sebab kes-kes ini memberi gambaran bahawa ada masalah yang serius dalam pentadbiran penjara. Undang-undang negara kita sendiri mewajibkan penjelasan diberikan kepada awam.

Contoh pertama. Kes ini berlaku pada 23 Oktober 2011 banduan yang berkenaan bernama R. Moganasundram. Apa yang dilaporkan ialah beliau telah gantung diri di dalam Penjara Taiping pada hari itu tetapi keluarga mendiang mendakwa bahawa mayat dia ada lebam-lebam dan ada keadaan yang mencurigai apabila pihak berkuasa mempercepatkan proses mayat, istiadat pengebumian dan sebagainya, mayat itu dibakar, *cremation* dengan izin. Walaupun versi daripada pihak penjara ialah inilah kes bunuh diri tetapi keluarga buat dakwaan yang berlainan. Ini satu kes. Saya ada beberapa contoh lagi.

Undang-undang negara kita di bawah Kanun Acara Jenayah (*Criminal Procedure Code*) di dalam seksyen 334 mewajibkan di dalam semua kes kematian dalam tahanan wajib mesti ada satu inkues serta-merta. Jadi persoalan saya Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Menteri ialah untuk kes ini sebagai satu contoh sahaja. Apakah hasil inkues yang wajib dilakukan di bawah undang-undang? Inilah perlu diberitahu kepada keluarga dan kepada awam. Ini sebab apabila seorang banduan mati dalam penjara dalam keadaan di mana keluarga sendiri tidak terima dan membangkitkan beberapa tuduhan yang serius ini mesti, perlu dijawab dengan serta-merta supaya menjaga imej institusi penjara sendiri. Ini satu contoh sahaja.

Contoh yang kedua saya ingin bangkitkan berlaku pada tahun 2012. Tarikhnya 29 Oktober 2012 nama banduan yang berkenaan ialah R. Kumar Raja. Kes ini R. Kumar Raja berumur 27 tahun dipenjarakan sebab sabitan curi motosikal. Masa itu dia buat aduan kepada doktor di penjara bahawa ada sakit perut dan tiga atau empat hari selepas itu. Kes ini berkaitan dengan Penjara Kajang. Dibawa kepada hospital di sana dalam keadaan mati. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, aduan kepada doktor sakit perut ini umur 27 tahun sahaja orang muda beberapa hari selepas itu mati, dalam keadaan itu. Ada tuduhan yang serius daripada keluarga macam kes yang saya sebut tadi. Keluarga kata ini kes kecuaian daripada pihak penjara. Setakat ini mereka belum dapat jawapan yang memuaskan.

Bagi saya kes ini pun juga di bawah seksyen 334 di mana wajib dilakukan satu inkues secepat mungkin. Inilah keperluan undang-undang dan saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk penjara-penjara kita. Adakah inkues ini dilakukan dan apakah hasilnya? Apa yang saya faham tanggungjawab akhirnya inkues ini di bawah Peguam Negara, betul memang di bahagian lain. Akan tetapi badan penjara tidak boleh cuci tangan begitu senang juga sebab kematian itu berlaku di dalam kawalan mereka. Mereka perlu bertindak secara bertanggungjawab untuk menjaga imej dan reputasi institusi itu juga. Bagi saya tindakan dan proaktif atau keprihatinan dari penjara adalah penting. Mereka perlu membersihkan pencemaran imej institusi itu yang berlaku dengan kes-kes sedemikian.

Contoh yang ketiga berlaku pada tahun ini. Nama banduan yang berkenaan Kamarulnizam Ismail, umur 39 tahun. Apa yang berlaku dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, dilaporkan dalam beberapa media. Arwah Kamarulnizam Ismail ditangkap oleh pihak polis pada 8 Mac tahun ini. Dituduh di mahkamah dia mengaku salah kepada kesalahan yang nampak tidak begitu serius sebab hukuman yang diberi oleh mahkamah ialah denda RM800 atau penjara tiga minggu.

**■1610**

Dia tidak ada duit sebab keluarga beliau telah belanja banyak duit untuk bayar duit jaminan, duit peguam dan sebagainya. Tidak mampu membayar duit itu, dia masuk ke penjara. Dia dimasukkan ke Penjara Tapah pada 8 Mac beberapa hari selepas itu. Sorry, saya sebut salah tarikh tadi. Dia masuk pada 6 Mac, Tuan Yang di-Pertua tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang, kes-kes yang dirujuk adakah masih lagi dirujuk untuk pertimbangan mahkamah yang lebih tinggi?

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** Tidak, memang tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Untuk saya mendapatkan pengesahan.

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** Kalau kes itu *pending*, saya tak akan bangkit di sini. Memang kita faham itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Alright, sila.*

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi apa yang berlaku, yang relevan untuk perbahasan kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua ialah 8 Mac, lelaki Melayu ini, arwah ini yang berumur 39 tahun yang masuk penjara sebagai seorang yang sihat, didapati di dalam keadaan mati. Ini yang berlaku. Apa yang keluarga perhatikan, ini saya serius. Didapati dengan lebam-lebam di muka dia, bahagian kanan di leher dan atas badan. Itulah tuduhan daripada abang dia yang bernama Kamaruzaman Ismail, semua ini dilaporkan. Jadi, kejadian-kejadian macam ini adalah sangat serius.

Apabila tadi disebut memang kita ada penjara untuk memastikan orang yang dihukum di mahkamah, mereka dikurung untuk kesalahan mereka, kita terima tetapi apabila kita kurung seseorang walaupun apa-apa kesalahan mereka, pengurusan penjara adalah bertanggungjawab untuk keselamatan mereka. Kalau mereka sakit, kita bertanggungjawab bawa mereka untuk mendapatkan rawatan yang sewajarnya tetapi dalam kes-kes ini, orang muda ini 27 tahun, 39 tahun mati dalam tahanan. Isu yang saya ingin bangkitkan di sini ialah apakah tindak balas daripada pihak kementerian yang bertanggungjawab untuk penjara-penjara mengikut undang-undang seperti saya sebut tadi, inkues adalah wajib dan ini perlu di *follow-up* dengan izin oleh kementerian. Soalan yang saya bangkitkan di sini ialah adakah inkues-inkues dijalankan untuk semua kes ini dan apakah hasil inkues ini?

Ini sangat penting dilakukan oleh pihak kementerian dan saya ingin sebut satu kes lagi sebab saya difahamkan ada berpuluh kes macam ini. Saya hanya bangkit beberapa contoh sahaja di sini Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sebut satu nama lagi, ini lelaki Cina bernama Koay Soon Guan, umur 41 tahun. Mendiang ini mati di Penjara Pulau Pinang pada 6 April dan di sana pun ada dibangkitkan keraguan tentang punca kematian beliau. Jadi saya ingin tahu daripada pihak kementerian dan kalau statistik itu tidak boleh diberi pada hari ini, saya boleh menerima satu jawapan bertulis. Berapakah kes-kes macam ini yang berlaku dalam penjara-penjara di Malaysia

dan dalam semua kes ini yang di mana kematian berlaku dalam tahanan, adakah inkues-inkues dilakukan dan apakah status inkues ini?

Ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua sebab pada pandangan awam, mereka tidak harap dapat jawapan daripada pihak penjara sebab bagi mereka, pihak penjara yang bertanggungjawab. Jadi, hasil inkues yang dibuat oleh mahkamah di luar sebagai satu badan yang luar daripada penjara adalah penting dan ini perlu diberitahu kepada rakyat dan khususnya kepada keluarga-keluarga yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk perhatian Yang Berhormat Menteri yang akan menggulung atau Timbalan Menteri yang akan menggulung selepas ini, aduan-aduan yang telah dibawa kepada perhatian SUHAKAM tentang beberapa amalan di Penjara Kajang. Ini khusus kepada Penjara Kajang. Orang yang saya maksudkan ialah seorang aktivis bernama P. Uthayakumar. Dipenjarakan di Penjara Kajang pada 5 Jun 2013 dan baru dibebaskan pada 3 Oktober tahun ini dan menurut memorandum yang beliau beri kepada SUHAKAM pada 13 Ogos 2013 dalam satu lawatan oleh Pesuruhjaya SUHAKAM sendiri yang pergi ke Kajang untuk berjumpa dengan beliau, dalam memorandum itu P. Uthayakumar telah membangkitkan beberapa isu yang nampaknya serius tentang pentadbiran Penjara Kajang.

Saya pun terkejut apabila saya membaca beberapa tuduhan yang beliau buat dalam memorandum tetapi saya berpandangan bahawa kita mesti ambil berat tuduhan-tuduhan yang beliau bangkitkan sebab ini disebut secara bertulis dalam memorandum kepada SUHAKAM. Ada banyak perkara di sini yang menurut beliau, beliau saksikan dengan mata beliau sendiri, *is direct observation*, pengalaman beliau. Ini bukan cerita dengar cakap atau *hearsay*. Inilah perkara yang sangat serius. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perhatikan, aduan beliau sekiranya benar dan di sana kita perlu satu siasatan dibuat dan hasil siasatan ini saya rasa elok dibuat oleh badan yang bebas daripada pentadbiran penjara dan diumumkan kepada awam juga untuk membersihkan nama penjara itu sebab kandungan memorandum ini diketahui awam.

Beliau menceritakan apa yang berlaku kepada beliau sejak tarikh dia masuk penjara iaitu 5 Jun 2013 sehingga dalam beberapa bulan yang pertama di mana ada banyak perkara dia perhatikan. Saya tak mahu ambil masa yang panjang untuk sebut semua perkara sebab ada banyak perkara tetapi saya ingin *highlight* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tiga ke empat perkara yang nampak jelas. Inilah bukan amalan yang diharapkan dalam peraturan penjara seperti yang saya sebut tadi, amalan di mana kita mesti mendidik banduan ini, menyemai dalam diri mereka tabiat kewarganegaraan yang baik dan sebagainya. Malah saya dapati apa yang dituduh oleh P. Uthayakumar ini melanggar sama sekali apa yang ada dalam peraturan.

Contoh, inilah layanan yang dikatakan diberikan kepada semua banduan termasuk beliau dan ini kita kena fikir sedikit. Saya baca dengan bahasa Inggeris dengan izin, perenggan lapan dalam memorandum. “*The infamous four in one gayung*”. Gayung ini deeper yang kita pakai untuk air. “*The infamous four in one gayung atau deeper example for washing backside at one time by 20 to 30 prisoner a day. For washing clothes, mopping the floor and to bath is where my breakfast rice porridge is served in the morning and lunch and dinner eaten from it*”.

Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut. Gayung yang kita pakai untuk cuci badan semua, cuci lantai, digunakan untuk memberi makanan dia setiap hari. Itu dia sebut dan gayung ini ditunjuk kepada Pesuruhjaya SUHAKAM yang datang. Pesuruhjaya SUHAKAM pun dia geleng kepala bila dengar cerita ini. Macam mana ia berlaku. So, kalau ini betul, Yang Berhormat Menteri, saya minta penjelasan kita dapat daripada semua pihak yang bertanggungjawab untuk pengurusan Penjara Kajang dan kalau ini betul, saya rasa pegawai-pegawai yang membenarkan ini berlaku mesti mengambil tanggungjawab. Saya tidak tuduh di sini semua cuai atau semua salah, tidak! Akan tetapi kalau ini betul, ini mesti diberhentikan serta-merta.

#### ■1620

Contoh yang kedua, ini pun, ini ingatkan saya tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh pada beberapa tahun dahulu. P. Uthayakumar kata Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku kepada banduan yang baru masuk dalam Penjara Kajang. Semua ini hanya di Kajang, ini tidak dituduh kepada penjara-penjara lain. Saya baca sekali lagi perenggan 9 dalam bahasa Inggeris yang asal itu, “*New prisoners are told to strip naked, bend down and open up and show their anus to the wardens to see if drugs or tobacco is hidden. They are then forced to do nude squad and cough loudly at the same time all of which I have personally witness*”.

Untuk menilai ini, kita kena merujuk balik kepada peraturan sendiri. Peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah kuasa undang-undang. Peraturan 11 berkata Tuan Yang di-Pertua, 11(3), “*No prisoners shall be stripped and searched in the present of another prisoner*”. Ini jelas. Memang boleh di *search* tetapi dengan pegawai di dalam bilik yang dikurung. Tidak boleh dilihat oleh ramai tetapi apa yang dituduh di sini ialah dan saya sambung dalam perenggan 9 itu oleh P. Uthayakumar. Dia kata, “*Yesterday morning, 12 August 2013, some 250 prisoners was forced to strip naked in the open courtyard to check for a new tattoos on their bodies*”. Ini pun melanggar peraturan 11 di dalam Peraturan-peraturan Penjara 2000. Macam ini boleh berlaku kalau betul. Jadi ini pun saya minta penjelasan kalau ada daripada Yang Berhormat Menteri. Sekurang-kurangnya saya rasa satu penjelasan awam perlu diberikan untuk membersihkan reputasi atau imej Penjara Kajang.

Di perenggan 10, beliau bangkitkan dua ke tiga kes yang ini relevan pada kes-kes yang saya sebut tadi di mana orang mati dalam tahanan tetapi contoh yang diberikan oleh P. Uthayakumar adalah lebih kepada salah guna kuasa. Contoh satu kes ini, saya baca dalam perenggan 10, “*Mohanar Sundram became paralyzed waist downwards after being given seven strokes of the rotan*”. Saya buat anggapan bahawa tujuan sebatan rotan ini adalah hukuman mahkamah. Itu memang sah, okey kalau dibuat oleh mahkamah tetapi cara dilaksanakan kalau akibatnya ialah Mohanar Sundram sudah jadi *paralyzed waist downwards*, memang itu dengan jelas melanggar undang-undang dan satu kes yang cukup serius. Kalau kita melaksanakan sebatan itu dalam cara akibat itu berlaku. Ini memang perlu disiasat.

Kes yang kedua disebut, “*Amin Rashid became paralyzed waist downwards after a viral infection in prison*”. Memang dalam penjara mungkin beberapa banduan akan jadi sakit. Kalau sakit, mereka perlu dirawat dengan doktor. Kalau *viral infection* boleh dibenarkan berterusan

sehingga banduan Amin Rashid ini boleh jadi *paralyzed waist downwards*, itu ada implikasi yang cukup serius, ini pun perlu disiasat.

Beliau teruskan di Perenggan 11 dan P. Uthayakumar berkata di Penjara Kajang dan ini ada implikasi untuk matlamat kita. Tuduhan beliau ialah "*Juvenile offenders are in the same prison sharing the same canteen, same family visiting area, hospital and dental clinic even though they stay in the separate block*". Ini ada implikasi juga sebab kita tahu di penjara ada macam-macam banduan.

Ada yang memang melakukan jenayah yang paling serius dengan hukuman yang panjang, ada yang buat kesalahan yang ringan dan sebagainya tetapi prinsip yang pokok ialah banduan-banduan yang muda atau *juvenile* mesti diasingkan daripada banduan lain. Ini prinsip asas. Kita tahu matlamat itu juga sebab kita tidak mahu rehabilitasi banduan-banduan yang muda ini dipengaruhi oleh apa yang boleh dikatakan adalah mungkin *harden criminals* dengan izin tetapi ini juga diperhatikan. Ini pun kalau betul ini berlaku di Kajang, saya minta Yang Berhormat Menteri siasat dan membetulkan itu secepat mungkin.

Satu lagi tuduhan dibuat yang nampak ada implikasi yang sangat serius ialah di perenggan 20. "*A group of six Malay gangsters called JL allowed to terrorize the prisoners, punish them by ordering them to roll on the cement floor to their vomit, do sit ups and pumping. They threaten the prisoners and get the wardens to cane them. They extort the provision on the family of the prisoners which abort from them on someone to visit. All these are silently watched by the wardens and officers in the name of expediency*". Ini pun ada implikasi yang serius bermaksud pegawai-pegawai atasan atau warden yang menguruskan pentadbiran penjara tidak dapat mengawal satu kumpulan banduan yang buat peraturan-peraturan mereka sendiri.

Jadi satu lagi saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri sebab ini berkaitan dengan kemudahan di Penjara Kajang. Ada dua perkara saya hendak bangkitkan. Tadi saya sebut macam mana gayung yang digunakan untuk cuci punggung digunakan juga untuk makan. Satu lagi saya hendak sebutkan di sini, perenggan 30, ini dakwaan daripada beliau, P. Uthayakumar. Ini berkaitan dengan keadaan dalam sel di mana mereka dikurung. Dia kata lima orang banduan dikurung dalam sel yang berukuran 12 kaki x 10 kaki.

Daripada segi kemudahan dalam sel, "*No broom, dustbin, toilet brush or mop is provided to clean ourselves. We are expected to kneel down on the floor and clean it and use our hands to wash the toilet bowl. On every Friday during cell inspection most of the cells are deem dirty and prisoners are made to carry their form mattress, blanket and deeper on their heads and run around a 100 meters centre court for ten to twenty rounds as punishment*".

Saya terkejut Tuan Yang di-Pertua bila saya baca mereka menggunakan tangan mereka sendiri untuk mencuci *toilet bowl*. Ini kita buat di Penjara Kajang kalau betul. Kalau tidak betul saya rasa Yang Berhormat Menteri kena dapat maklumat secepat mungkin daripada pegawai atasan di Penjara Kajang dan buat jawapan secara terbuka kepada pihak awam dan mungkin P. Uthayakumar pun boleh menjawab selepas mendapat tahu apakah jawab balas itu. Ini berkaitan

dengan kesihatan sebab tanggungjawab pentadbiran Penjara Kajang adalah untuk memastikan bahawa kesihatan dijaga di kawasan itu.

Tuduhan daripada P. Uthayakumar ialah sebab dia dikurung di Penjara Kajang, dia dijangkiti oleh penyakit *scabies* yang berterusan sehingga dia dibebaskan. Dia kata antara sebab *scabies* ini merebak dan dialami oleh ramai banduan di sana ialah ini, perenggan 13, dengan izin saya baca. “*One nail flippers is shared among the 506 prisoners in Block K.* Blok K ini adalah blok tempat dia dikurung. “*Scabies from scratching to this nail flippers and not properly wash trace that are merely deep into big tubs spread scabies because prisoners use their hands to eat*”.

#### ■1630

“*I showed the Commissioner*”. Ini adalah *Commissioner* daripada SUHAKAM, “...*my white bed sheet that is full of the blood stains from some other scabies patients that is now given to me.*”

Jadi, kalau inilah kemudahan yang diamalkan ataupun diberikan kepada banduan-banduan di Penjara Kajang, saya ingin cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini memang tidak mematuhi Peraturan-peraturan Penjara 2000 dan boleh dianggap sebagai pelanggaran peraturan-peraturan kita sendiri. Undang-undang negara tidak dipedulikan kalau ini semua betul. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh siasat perkara-perkara yang didakwa di sini dan dapat sama ada betul atau tidak. Bagi saya elok jika ini dibuat oleh badan yang bebas daripada institusi penjara. Badan yang *credible*, yang boleh dipercayai macam satu suruhanjaya yang bebas. Badan yang bebas diminta masuk ke dalam kawasan itu dan buat siasatan yang perlu dan buat laporan kepada awam.

P. Uthayakumar bukan sahaja buat kritikan sahaja. Saya nampak di akhir memorandum beliau, dia buat 20 cadangan untuk menaik taraf pentadbiran di sana di bawah tajuk *Proposals for Prison Reform Nationwide*. Ini bukan sahaja untuk Kajang tetapi ini berdasarkan pengalaman beliau di Kajang. Dia mengaku di sini. Dia nampak gaji pegawai mesti dipertingkatkan. Dia cadang di perenggan 13.

*Implement immediately a 30% salary increase for all prison wardens and officers* yang disebut tadi oleh Yang Berhormat yang lain daripada Sepang dan beberapa rakan lain. Beliau juga cadangkan bahawa mesti ada program latihan yang cukup baik dan bertaraf tinggi untuk pegawai-pegawai daripada penjara. Dia cadangkan *there should be a prison wardens and officers university setup* dengan diploma dan degree programs untuk *wardens and officers*. Bukan sahaja sekarang mereka hanya melalui satu program selama enam bulan sahaja.

Jadi, cadangan-cadangan beliau saya nampak ialah cadangan yang munasabah, yang baik. Antaranya lah. Bukan semua tetapi motifnya nampaknya ialah memang untuk kebaikan sistem ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri tidak akan *dismiss* apa yang disebut oleh P. Uthayakumar macam satu dokumen yang tidak penting ataupun tuduhan-tuduhan yang liar yang tidak perlu diambil serius. Kalau kita baca memorandum beliau secara menyeluruh, walaupun ada banyak perkara yang cukup serius, dia buat dalam semangat untuk memperbaiki sistem itu. Hasrat beliau ialah pengalaman pahit beliau yang telah berlaku di sana tidak seharusnya

diteruskan terhadap banduan-banduan yang masih ada di sana yang akan masuk di dalam kawasan sana.

Isu-isu yang saya sebut tadi macam amalan di mana peralatan digunakan untuk cuci sama yang dipakai untuk makan, tidak ada peralatan untuk cuci tandas, semua ini mesti dibetulkan dalam Malaysia yang kita uar-uarkan atau kita hebohkan sebagai negara yang akan sampai ke status negara maju dalam tahun 2020. Kalau dunia dengar tentang amalan ini di penjara kita, mereka akan pandang rendah kepada kita. Oleh sebab memang ini tidak berlaku dalam negara-negara yang bertamadun dan perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku dalam satu negara bertamadun.

Contoh juga macam *roll call* yang dibuat. Saya terkejut bila baca cara *roll call* dibuat setiap hari. Ini macam cara penjajah pun ada dulu. Cara banduan-banduan diminta duduk, tunduk kepala, tidak boleh nampak pada pegawai. Ini yang disebut. Bila banduan cakap kepada pegawai, pegawai akan duduk pada kerusi dan banduan mesti duduk atas lantai dan tunduk kepala dan pegang lutut semua. Ini berlaku. Ini bukan negara yang bertamadun. Kalau *roll call* dibuat dalam penjara di Singapura, dibuat dalam sel. Akan tetapi ini semua disebut di sini dan secara *detail*.

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sudah terima. Ramai kita terima buku merah ini. Tajuknya *Torture in Malaysian Prisons*. Mungkin tajuknya *sensational* sedikit tetapi perkara yang dibangkit ini sangat serius. Banyak perkara ini perlu disiasat. Kalau ini betul, saya harap diberhentikan serta-merta dan cadangan-cadangan yang dibuat pun saya rasa boleh diambil kira.

Khususnya, ditegaskan di perenggan 22 dan 23. Program Rehabilitasi untuk banduan-banduan yang layak untuk parol. Saya terkejut bila baca. Dia sebut di sini, program rehabilitasi untuk mereka yang akan layak untuk parol dikendalikan oleh banduan lain dan bukan oleh pegawai penjara ataupun orang daripada luar yang dibawa untuk bantu banduan-banduan ini. Macam mana banduan lain boleh membuat program rehabilitasi. Ini saya pelik bila baca itu. Kursus-kursus kemahiran ataupun pengetahuan untuk banduan-banduan supaya mereka dapat peluang kerja yang baik bila dibebaskan, semua ini P. Uthayakumar kata memang tidak cukup. Melihat apa yang beliau sendiri melihat apa yang dilakukan sekarang di Penjara Kajang. Saya tidak mahu sebut di sini apa yang berlaku di tempat-tempat lain. Bukan. Ini hanya tumpu pada Kajang tetapi kalau betul, kita kena buat sesuatu secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya alih kepada satu isu lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, panjang lagi?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak, tidak. Sekejap lagi ya.

**Seorang Ahli:** Subang, Subang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang, panjang lagi?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak panjang. Saya akan habis dalam lebih kurang lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima minit?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Maksimum sepuluh minit. Terima kasih. *[Ketawa]*

Baik, saya alih kepada— sebab saya perhatikan dalam pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan untuk Akta Penjara, ada peruntukan tentang *transferability of prisoners* dan sebagainya, dengan izin. Kita bawa peruntukan baru untuk *International Transfer of Prisoners*. Bagi saya itu bukan satu masalah. Ini kita memperbaiki dan kita naik taraf undang-undang kita. Akan tetapi berkaitan dengan isu ini, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada kerajaan, apakah yang akan dibuat oleh seorang banduan bernama Amalilio yang sekarang dipenjarakan di Sabah?

Kes ini memang sudah— fakta ini sudah banyak kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Rakan saya daripada Batu dan beberapa rakan-rakan lain telah bawa kes itu tetapi secara ringkas, saya tidak mahu ulang semua fakta yang telah disebut dulu. Amalilio ialah seorang yang dikatakan ada kewarganegaraan daripada Filipina tetapi dikatakan juga ada pasport Malaysia. Itulah yang diperkatakanlah. Akan tetapi apa yang tidak dapat dinafikan di Filipina, beliau dicari oleh pemerintahan Filipina atau *Philippine Government*, dengan izin, sebab ada banyak laporan polis.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Didakwa? Oh, sudah didakwa. Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu. Beliau telah didakwa di Filipina kerana melakukan jenayah penipuan yang besar terhadap ribuan rakyat di sana, khususnya di Filipina Selatan, di Mindanao.

#### ■ 1640

Jumlah wang yang terlibat bukan satu dua ribu, bukan satu dua juta tetapi melibatkan ratusan USD, itulah jumlah yang terlibat oleh penipuan yang dituduh oleh Amalilio. Tetapi Amalilio semasa ditangkap di Sabah oleh polis kita tidak dihantar ke Filipina untuk dibicarakan di sana, tetapi dituduh di mahkamah di Sabah atas kononnya atas kesalahan memegang pasport palsu dan dipenjarakan dua tahun. Itulah yang telah berlaku. Akan tetapi apa yang kita tahu ialah Kerajaan Filipina sudah membuat permohonan untuk insan yang bernama Amalilio untuk dihantar balik ke negara mereka untuk didakwa dan untuk dibicarakan. Jadi saya ingin tahu dari pihak kerajaan apakah yang akan berlaku kepada Amalilio dan kalau kita ada peruntukan untuk memindahkan banduan-banduan adakah kerajaan kita akan mempertimbangkan permohonan daripada Kerajaan Filipina untuk serahkan Amalilio kepada mereka secepat mungkin.

Saya dapat gambaran bahawa rakyat Filipina ada perasaan marah khususnya di Filipina Selatan sebab mereka berpendapat negara Malaysia tidak bertindak secara wajar dalam kes ini. Kesalahan yang dibuat di sana memang berat dan mereka harapkan Amalilio dihantar balik serta-merta untuk dihadapkan di mahkamah di sana dan dibicarakan dan kalau didapati bersalah dihukum. Akan tetapi mereka melihat kerajaan Malaysia atas alasan-alasan yang kita belum tahu lagi dengan sengaja menghalang penghantaran balik Amalilio ke negara mereka. Jadi ini pun

sudah menjelaskan imej negara kita di kalangan masyarakat Filipina dan saya harap kita dapat penjelasan daripada pihak kerajaan dan apakah rancangan mereka untuk Amalilio ini dan berkaitan dengan pemindahan beliau balik ke negara Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin sentuh sedikit tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang dan disambung oleh Yang Berhormat Batu Gajah iaitu, ini ingatan saya dan saya akan cari peruntukan itu dalam undang-undang dahulu, versi akta penjara yang asal di negara kita. Seingat saya ialah akta asal itu ada satu seksyen atau peruntukan di mana hak untuk melawat sesuatu penjara itu diberi kepada ahli Parlimen dan hak itu penting sebab hak itu untuk melawat adalah tanpa notis dan ini penting untuk menyiasat apa-apa dakwaan atau kompelin tentang amalan di dalam penjara itu.

Akan tetapi malangnya apabila akta ini digubal sekali lagi peruntukan itu dikeluarkan sekali lagi. Jadi, saya ingin tahu daripada pihak kerajaan sama ada pihak kerajaan boleh mempertimbangkan kemasukan semula peruntukan itu dan memberi hak itu kembali kepada wakil rakyat ataupun khususnya Ahli Parlimen supaya kalau sekiranya dapat apa-apa aduan daripada kawasan mereka ataupun kawasan lain mereka boleh menggunakan hak itu dan menyiasat ataupun membantu pihak berkuasa tentang apa-apa isu yang diadu kepada mereka. Jadi itulah cadangan saya dan kita harap mendapat jawapan daripada pihak kerajaan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya akhiri ucapan saya dan terima kasih atas peluang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai lagi, ada 13 orang. Nampaknya tidak boleh habis hari ini. Ya, Yang Berhormat Gerik.

#### **4.45 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya sama juga turut membahaskan pembentangan Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014. Pertama kita melihat pandangan masyarakat tentang penjara. Penjara pada masyarakat menganggap tempat di mana mereka yang telah dijatuhkan hukuman maka mereka ditempatkan di penjara.

Manakala satu lagi masyarakat melihat ialah lokap. Lokap di mana orang yang dituduh sama ada pertuduhannya benar ataupun tidak ditahan di lokap balai polis. Bilamana, rang undang-undang ini dibentangkan kita berpeluang bercakap soal penjara dan saya mendapat maklumat mengikut perangkaan daripada Jabatan Penjara, tahanan ataupun banduan yang ada di seluruh Malaysia berjumlah 48,392, begitu ramai. Kalau kira-kira dalam Parlimen saya pun baru ada 33,000.

Akan tetapi banduan ini lebih daripada 33,000. Banduan Malaysia 33,492 manakala warga asing ada lebih kurang 14,900 ramai. Bermakna kita boleh jangkakan kerajaan membelanjakan untuk menangani banduan ini agak tinggi. Persepsi masyarakat melihat penjara yang diwujudkan ini untuk menghukum pesalah-pesalah yang telah diputuskan oleh mahkamah. Pada masyarakat di bawah terutamanya di kampung-kampung menganggapkan kalau mereka

yang berada di penjara mereka menerima hukuman. Maka kita dengarlah pelbagai cerita hukuman sebat, ditakut-takutkan kepada anak-anak jangan melakukan kesalahan, kalau kita dijatuhkan hukuman kita akan masuk penjara. Dalam masyarakat tidak nampak benda yang positif tentang penjara. Kalau di daerah-daerah mengadakan pameran kerajaan misalnya, kita menjemput Jabatan Penjara menunjukkan pameran tentang penjara.

Selalunya bahagian penjara akan menunjuk tempat yang kena rotan, rotan dan lain-lain peralatan yang menyebabkan di harapkan pada masa itu pada pandangan masyarakat ialah apabila di penjara orang yang bersalah mesti rasa takut, jangan buat salah kerana itu minta pihak kementerian melihat semula perkara-perkara tersebut supaya persepsi negatif tentang penjara tidak berada dalam kepala masyarakat.

Walau bagaimanapun, kita mengetahui kerajaan telah berusaha untuk penjara ini membuat pemulihan sama ada banduan-banduan yang berada dalam penjara dan juga banduan-banduan yang konon kata kena istilah parol yang kata enam bulan boleh keluar dari penjara, tetapi di bawah pemerhatian warden dan melakukan kerja-kerja kebaikan. Kita boleh lihat tadi Yang Berhormat daripada Jerlun telah menceritakan ada beberapa perkara yang sebenarnya masyarakat di bawah tidak tahu bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh penjara pada hari ini tidak sama seperti yang kita bayangkan apabila melihat televisyen cerita-cerita penjara di Amerika, di mana-mana yang melihat seolah-olah orang yang di penjara ini dilayan dengan teruk, ada kumpulan gengster dan pelbagai lagi yang menyebabkan kita merasa gerun apabila berada di penjara.

Kemudiannya yang kita tengok antaranya perintah kehadiran wajib yang mana mula dilaksanakan baru sahaja pada tahun 2010 seramai 1,887 terlibat. Ekoran daripada buat perintah kehadiran wajib, sudah tidak ada kes yang berulang berlaku. Itu satu yang sambung daripada Yang Berhormat Jerlun tadi.

#### ■1650

Satu lagi penjara telah buat, dimaklumkan, rumah pengantara. Mula laksana sama juga pada tahun 2010 dan ada 1,157 bekas penghuni terlibat dan semua memperoleh peluang pekerjaan. Tiada kes berulang masuk semula ke dalam penjara. Bermakna, pihak penjara telah membuat pelbagai perkara usaha pemulihan.

Dalam masa yang sama juga, dibuat juga pusat pemulihan masyarakat. Seramai 7,485 orang banduan terlibat buat pusat pemulihan masyarakat, dengan 95% memperoleh peluang pekerjaan setelah dibebaskan. Satu jumlah yang besar. Bermakna, bukanlah banduan-banduan yang duduk di dalam penjara apabila mereka keluar, mereka telah diberi kemahiran, latihan dan kalau tunjuk contoh pusat pemulihan masyarakat tadi, daripada 7,485 orang banduan, 95% telah mendapat kerja.

Begitu juga diadakan juga pembebasan berlesen. Ini tidak ramai. Seramai 15 orang terlibat, tiada pelanggaran sebagai persiapan semasa bebas untuk penyesuaian ke dalam masyarakat dan mencari peluang pekerjaan.

Dalam masa yang sama, difahami banduan-banduan ini mungkin terdiri daripada juvana, murid-murid, mereka yang berumur di peringkat persekolahan sehingga ke dewasa, penjara telah menjalankan satu perkara untuk meningkatkan pendidikan yang dinamakan sekolah integriti dan pembelajaran akademik. Sebanyak 11 buah sekolah integriti dalam penjara. Mulai tahun 2001, seramai 600 orang murid dalam mengambil PMR, SPM, STPM, 45 daripada mereka mengambil diploma dan ada juga yang mengambil ijazah dan *master*.

Bermakna perkara-perkara seperti ini masyarakat luar tidak ketahui. Yang ada dalam kepala masyarakat di luar, penjara tempat dihukum sahaja tetapi kita nampak pihak penjara telah menjalankan amanah melakukan program-program pemulihan bagi memastikan mereka yang bersalah mengikut tuduhan mahkamah yang diputuskan oleh pihak mahkamah tetapi kita memulihkan semula menjadi masyarakat yang boleh diterima oleh anggota biasa.

Dalam masa yang sama, dibuat juga pelaksanaan pengeluaran produk secara berskala besar bidang pengeluaran makanan, tekstil, kraf tangan dan hasil jualan. Jumlahnya cukup besar kalau kita tengok yang dilatih oleh pihak penjara, di mana pada tahun 2013, hampir mencapai RM21 juta yang melibatkan pengeluaran makanan, tekstil, kraf tangan dan hasil jualan.

Saya ingin mencadangkan juga bila melihat pada tahun ini lembu-lembu atau kerbau korban yang meningkat berganda-ganda, minta pihak penjara juga melatih banduan-banduan untuk membela lembu, buat macam padang ragut. Kawasan penjara cukup luas, kita boleh tanam rumput dan pelbagai lagi. Kita boleh bela lembu, beli yang umur setahun setengah, kita bela setahun. Tiba mari hari raya korban, mungkin dengan kaedah itu, harga untuk lembu yang dikorbankan lebih rendah kerana kita faham lembu yang dibekalkan dalam negara hari ini cuma mampu untuk memenuhi 30% dari dalam negara, manakala yang lain-lain kita terpaksa import dari luar negara.

Difahamkan banduan-banduan yang terlibat dalam kraf tangan dapat menghasilkan barang kraf tangan yang berkualiti sehingga saya dimaklumkan oleh pihak wakil rakyat dari negeri Pahang, ada barang kraf tangan yang telah dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Dalam masa yang sama juga, kita melihat penjara, pelaksanaan pengeluaran produk secara skala besar, keluar makanan untuk kegunaan penghuninya iaitu sayur, ikan air tawar dan roti. Jimat belanja kerajaan lebih daripada RM5 juta pada tahun 2013 serta memberi latihan kemahiran kepada penghuni.

Usaha-usaha seperti ini patut kita beritahu kepada masyarakat agar setiap anggota masyarakat yang di luar dari penjara mempunyai satu pandangan kepada penjara. Diharapkan Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu secara lebih jelas kepada rakyat di bawah, carilah apa kaedah, supaya maklumat tersebut dapat disampaikan kepada orang ramai bagi memastikan usaha pemulihan oleh pihak penjara ini mendapat kejayaan yang lebih besar dan tidaklah sentiasa kita mencari kesalahan-kesalahan kecil.

Kalau kita lihat tadi, dengan jumlah 48,000 banduan, mungkin ada kesalahan satu dua kes terpencil yang mungkin kesilapan dilakukan. Kadang-kadang kita nampak benda yang kecil

tetapi benda yang besar yang telah dibuat oleh pihak penjara kita tidak memberi penghargaan yang sebaik mungkin.

Dalam masa yang sama, ada satu yang kita boleh banggakan. Pihak penjara telah menubuhkan *Malaysia Technical Corporation Program* di mana bukan sekadar dalam negara ini sahaja, tetapi Solomon Island menggunakan modul pemulihan Jabatan Penjara Malaysia, manakala Singapura mempelajari program bagaimana program Halaqah ini dijalankan, begitu juga Jabatan Penjara Indonesia dan Thailand pun sama juga.

Bermakna, hari ini di bawah transformasi, kita berterima kasih kepada pihak kerajaan, sudah mula melakukan usaha-usaha pemulihan yang perlu diketahui oleh rakyat bahawa penjara bukan sekadar untuk menghukum tetapi adalah untuk pemulihan di mana boleh memberi mereka sebagai modal insan yang baik bila keluar daripada hukuman.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati ucapan Yang Berhormat Gerik itu seolah-olah macam ucapan penggulungan Yang Berhormat Menteri. Jadi, adakah ini ucapan bocor daripada pihak kementerian?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya rasa bukan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Satu pertanyaan lagi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ha, tanyalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sekarang banyak pindaan yang kita luluskan di Dewan ini selalunya menambahkan pemenjaraan, tambahkan lagi denda. Maksudnya, hendak masukkan lebih orang masuk dalam penjara.

Kita tahu kerajaan menggunakan begitu banyak wang untuk menyara banduan. Seorang lebih kurang RM33 satu hari. Jadi, dengan meluluskan undang-undang yang mengetarkan lagi, menambahkan lagi tahun pemenjaraan ini, adakah ini akan membantu negara kita untuk menyelesaikan masalah sosial dan kerana memasukkan seorang dalam penjara juga bermaksud memecahkan satu keluarga? Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Ini bukan saya jawab penggulungan ya. Saya pun tidak tahu tetapi setelah kita semak dengan pihak penjara, rupanya program-program yang baik untuk masyarakat ini kita tidak tahu. Itu yang pertama lagi menjawab kepada soalan Yang Berhormat Seputeh.

Persoalan yang kedua, saya rasa kita cuma mempunyai satu pandangan, setiap rang undang-undang untuk soal penjara tetapi ada banyak lagi yang kita kata kena denda untuk kemasyarakatan. Ada juga undang-undang yang masih berjalan sehingga hari ini. Apakah kita apabila tidak ikut selera kita, kita menuju kerajaan di bawah rang undang-undang ini semata-mata untuk penjara, sedangkan yang kita berbahas pada hari ini pun bukan cerita pasal hendak penjara.

**■1700**

Kita hendak memperkemaskan pentadbiran penjara. Kita hendakkan ada pegawai penjara di peringkat negeri. Kita hendak wujudkan rang undang-undang boleh pertukaran jenayah di antara negara-negara. Bukan cerita kita kata hendak tambah orang kena masuk dalam penjara. Saya tidak tahuolah Yang Berhormat Seputeh. Dia lebih bijak daripada saya. Saya bukan dalam bidang undang-undang. Akan tetapi yang saya faham begitulah kalau kita baca balik, tengok balik kepada rang undang-undang yang dibentangkan ini tidak ada cerita kita hendak cari bagi orang masuk penjara setiap hari. Tidak ada. Kita cerita tadi hendak memperkemaskan seksyen, hendak ada pengarah penjara negeri. Selepas itu yang ada pula tadi undang-undang baru soal boleh pertukaran banduan antara negara-negara. Itulah jawapan saya, terima kasih. Bukannya susah sangat.

Dalam masa yang sama, saya menyokong pihak kerajaan supaya undang-undang (International Transfer of Prisoners Act (TOP) iaitu persediaan pelaksanaan Skim Pemindahan Antarabangsa Banduan. Parlimen saya berada di Gerik berhampiran dengan Thailand. Saya cukup tahu penjara di sana lagilah teruk kena bongkok. Di Bentong itu kalau kereta Malaysia langgar kereta Thailand, mereka tidak kira siapa salah duduk dalam penjara. Penjara di sana seksa. Selepas itu kita kena *adjust* kalau hendak keluar benda ini hendak kena bayar macam-macam.

Jadi sekurang-kurangnya penjara kita besar, cantik tetapi kita tidak puas hati juga. Akan tetapi saya percaya Yang Berhormat Menteri dalam penggulungan akan menghighlightkan apa penjara telah buat, di mana biar masyarakat tahu bahawa penjara sebenarnya yang ada satu-satunya di Malaysia ini tugas utama mereka ialah untuk melakukan pemulihan kepada banduan-banduan. Mungkin ada sedikit kes berlaku. Jadi pihak NGO, SUHAKAM, kita sendiri daripada belah pembangkang yang selalu menegur kerajaan. Pihak kerajaan pun tengok juga.

Jadi maknanya masih ada yang boleh ada ruang untuk memantau, melihat dan memberi komelin kenapa hari ini kita beria-ia hendakkan balik undang-undang untuk masuk ke penjara untuk Ahli Parlimen? Apakah kita sudah ada suatu keimbangan penasihat Pakatan Rakyat akan masuk penjara? Minta maaflah saya cakap itukan.

Jadi kadang-kadang kita bercakap ada udang di sebalik batu. Sebenarnya kalau kita cakap dahulu tidaklah dilihat benda-benda tersebut. Akan tetapi kalau pada hari ini soal penjara kita ambil kesempatan cerita benda-benda tersebut, kita melihat perkara-perkara dalam pemikiran ada agenda-agenda tertentu apabila kita cuba hendak membuka perkara yang tersebut.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencelahan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya Yang Berhormat Kapar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya Yang Berhormat Gerik terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu tentang Ahli Parlimen melawat penjara ini tidak boleh dikaitkan dengan isu politik. Ahli Parlimen kita hendak melawat penjara supaya hendak menaik taraf apa-apa kesilapan dan kekurangan yang sedang berlaku di Parlimen. Janganlah itu dijadikan

isu politik dan disarankan dengan isu-isu dan kes-kes yang akan datang. Itu tidak ada kena mengena. Jangan mengelirukan Dewan.

Kita sedang hendak menetapkan suatu ketetapan ini telah ada dalam undang-undang sebelum ini. Undang-undang itu telah digubal dan sekarang disebabkan ada banyak kematian, ada banyak kecuaian, ada banyak kekurangan dalam sistem penjara kita hendak gubal balik dan hendak masukkan balik. Itu sahaja. Hendak pesongkan Dewan yang mulia ini kenapa? Tidak payah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Hebat Yang Berhormat Kapar hendak memesongkan Dewan konon...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh celah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu bangun.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila. Ini pasal Yang Berhormat Gerik bertaraf menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Ketawa] Terima kasih. Saya dengar dengan tekun tadi. Saya memang amat setuju dengan ucapan tadi tentang ada banyak kebaikan dan juga falsafah penjara ini. Bukan saja-saja hendak menghukum tetapi untuk memulihkan seseorang itu yang telah melakukan kesalahan dan menjadikan seseorang itu boleh menjadi seorang warganegara yang menyumbang balik kepada masyarakat. Itu saya amat setuju.

Baik, saya hendak kaitkan kembali tadi kita dengar ramai di antara yang dikatakan ramai di kalangan kita tidak tahu tentang kebenaran ini. Bukankah ini lebih baik Yang Berhormat kalau Ahli Parlimen diberi akses ke penjara supaya yang kebaikan ini juga dapat diketahui. Saya bukan hendak sebut yang buruk sahaja tetapi sebagai Ahli Parlimen bukankah ini adalah sebahagian daripada keutamaan tugas kita supaya kita dapat menziarahi dan mengunjungi mana-mana tempat yang dianggap sebagai sebahagian daripada kita yang berfungsi masyarakat baik untuk memulihkan atau menghukum. Itulah sebab saya katakan kalau boleh kita setuju, jangan kita kaitkan isu Ketua Pembangkangkah atau apa tetapi sebagai Ahli Parlimen alangkah baik kita semua mendapatkan keutamaan itu. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya menghormati pandangan Yang Berhormat Batu. Kita serahkanlah kepada kerajaan untuk memberi jawapan.

Dalam masa yang sama, soal kuasa kita berikan dalam Pindaan Akta Penjara ini untuk pengarah negeri menyelia, mengawal pegawai yang menjaga pusat latihan pegawai, parol dan perkhidmatan komuniti serta pengurusan perkara-perkara yang berhubungan dengan pengampunan banduan, pengawal seliaan apa-apa urusan yang berhubung dengan Lembaga Hakim Pelawat, pemindahan banduan dan pelbagai lagi. Nampaknya untuk memperkasakan pihak penjara pada kita ini satu langkah yang paling baik.

Saya tidak hendak berbahas lebih panjang kerana ramai lagi rakan-rakan kita. Dengan ini saya menyokong untuk Rang Undang-undang Penjara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, daripada DAP belum ada lagi. Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** [Bangun]

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** [Bangun]

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

### 5.07 ptg.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Pindaan Akta Penjara 1995. Saya ingin mendapatkan maklumat berkenaan penjara di Sabah. Berapakah jumlah banduan yang ada sekarang di Sabah? Apakah kapasiti penjara yang ada sekarang di Sabah? Saya juga ingin mendapatkan pecahan banduan di Sabah mengikut warganegara dan bangsa.

Saya difahamkan bahawa terdapat 6,000 orang banduan di enam buah penjara di Sabah dan 53% ialah rakyat asing. Beri juga jumlah kakitangan penjara mengikut pecahan angka di Sabah. Berapakah peruntukan yang telah diterima oleh Jabatan Penjara di Sabah dari tahun 2008 hingga kini? Jawapan daripada kementerian akan memberi gambaran yang lebih jelas keadaan penjara di Sabah. Rakyat juga mempunyai hak untuk mengetahui sama ada Malaysia mematuhi hak asasi manusia termasuk hak banduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya adakah kematian dalam tahanan atau penjara di Sabah? Jika ada, ada berapa kes kematian? Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kementerian menerangkan perancangan yang sedang dan akan dijalankan sama ada menaik taraf atau membaik pulih bangunan penjara di Sabah?

### ■1710

Adakah sistem kumbahan di Penjara Kepayan akan dibaiki kerana saya mendapat maklumat bahawa belum ada peruntukan untuk membaiki sistem kumbahan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, ini menyebabkan penjara berbau busuk dan boleh menyebabkan masalah kesihatan bukan lagi dalam penjara tetapi masyarakat sekeliling juga ada buat aduan kepada saya. Ini adalah satu *serious negligence* oleh kementerian. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya di sini, benar kah kitab *Bible* yang ditulis dalam bahasa Melayu digunakan dalam penjara telah dirampas oleh pihak Jabatan Penjara Kajang? Ini saya hendak penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya harap isu-isu yang dibangkitkan tadi boleh dijawab oleh pihak kementerian.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta lalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Kota Kinabalu ada membangkitkan satu isu iaitu berkaitan dengan kitab Injil dalam bahasa Melayu yang telah

dirampas di Penjara Kajang. Perkara ini telah berlaku beberapa bulan yang lepas. Saya juga ada terima beberapa maklumat berkaitan dengan perkara ini.

Saya hendak kepastian sama ada benda ini memang berlaku ataupun tidak sebab pada pandangan saya, penjara bukan sahaja tempat kita menghukum tetapi kita memulihkan. Jadi, ajaran agama adalah sangat-sangat penting. Tujuan orang-orang ataupun NGO atau mana-mana badan yang masuk ke dalam penjara dengan niat baik untuk memberi pengajaran terutamanya pengajaran agama ini adalah penting. Kenapa pula kitab Injil berbahasa Melayu dan juga bahan-bahan cetak lain daripada agama Kristian yang dibawa masuk ke dalam Penjara Kajang ini dirampas? Saya tidak faham sebab benda-benda ini bukan diberikan kepada orang-orang yang bukan beragama Kristian. Kitab Injil ini dan juga bahan cetak ini hanya digunakan untuk diajar kepada mereka yang beragama Kristian. Saya hendak tanya pandangan daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu, apakah pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkara ini?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Ya, saya punya pandangan ini betul sesuatu kes yang serius, kalau betul. Jadi, ini adalah sesuatu yang melanggar kita punya *constitution, freedom to practice one religion* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mintalah pihak kementerian ambil tindakan dan *investigation into this case and tell the true to all Malaysians particularly to the none Muslim*. Dengan ini, saya harap isu-isu yang dibangkitkan tadi boleh dijawab oleh pihak kementerian. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

#### **5.14 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014.

Seperti yang kita tahu, penjara merupakan tempat orang-orang yang telah ditentukan kesalahan mendapat tahanan. Penjara juga boleh dikatakan sebagai satu tempat pemulihan bagi pesalah jenayah untuk menilai semula diri dia. Jadi satu ketika dahulu, penjara ini dianggap sungguh menggerunkan tetapi stigma kerana sudah tidak relevan lagi pada hari ini setelah Jabatan Penjara Malaysia merentasi aras transformasi yang banyak membawa perubahan dalam sistem pemulihan *inside*.

Saya mendapat maklumat, kerajaan membelanjakan RM35 seorang untuk seseorang yang berada di dalam penjara. Saya mendapat maklumat bahawa orang dalam penjara ini makan enam kali satu hari. Enam kali satu hari ini, maknanya dia keluar, badan dia pun gemuk, badan dia pun naik. Kita tidak pernah tengok orang keluar penjara, badan tinggal kurus kering, tinggal tulang. Jadi ini satu perkara yang jelas. Baik...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nampak Yang Berhormat Kapar hendak bertanya, mencelah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Nanti dulu, kita masa...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya pendek sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tak apa, saya baru mula.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak tahu...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sila duduk dahulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dua Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Batu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sila duduk dahulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak tahu sumber dari mana? Itu sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sumber dari sumber yang jelaslah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang dipercayai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang dipercayai, sumber. *[Ketawa] Yes!* Tak apa, duduk dahulu, duduk dahulu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Sumber yang dipercayailah! *[Ketawa]* Sumber yang dipercayai Kuala Selangor.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Eh! ‘Tambi, wokar! Wokar!’

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ‘Anne’ Cerita baik-baiklah, sumber yang dipercayai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Duduklah!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa cerita? *[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Eh! Betull!

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bagan Serai boleh bagi saya?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai. Bagi sedikit sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Malah tindakan proaktif diambil oleh Jabatan Penjara melalui pendekatan mesej dari penjara kepada masyarakat bagi mencegah kegiatan jenayah dan kemasukan semula ke penjara. Sebanyak 38 institusi penjara telah dibina di setiap negeri bagi pesalah-pesalah jenayah. Contohnya, program-program yang diadakan seperti sistem parol mula dilaksanakan pada tahun 2008, seramai 8,470 terlibat dan kadar kejadiannya adalah 98% melebihi. Bermakna dia lebih tinggi dari USA, Kanada dan Australia. Program yang kedua, perintah kehadiran wajib bagi kes-kes yang agak tidak besar dan kes-kes yang telah diadili

oleh hakim dengan sebijaksananya mula dilaksanakan pada tahun 2010. Seramai 1,887 terlibat dan tiada kes berulang. Ini bagus.

Saya diberitahu yang perintah kehadiran wajib ini, ada yang diperintahkan dua jam, empat jam, enam jam, contohnya. Bagi yang bekerja pula, selepas bekerja dia datang buat *report*. Pegawai dari penjara akan bawa dia ke satu tempat, contohnya pergi ke masjid, buat gotong-royong cuci masjid ataupun pergi ke kuil. Macam dekat sana itu, dia boleh bawa pergi ke kuil kan? Cuci kuil. Empat jam dia habiskan masa dekat sana, buat kerja kebajikan dan diperhatikan oleh pegawai penjara. Kalau mereka dapat buat ini mengikut dua bulan ataupun tiga bulan, mereka dilepaskan.

Program ini sangat-sangat baik dan mencerminkan kebijaksanaan sebab orang-orang ini tidak payah masuk jel. Orang-orang ini tidak tinggalkan keluarga dia. Emosi dia tidak terganggu. Dia buat kesalahan, mungkin sebab terlampau susah. Mungkin ada sebab-sebab yang tertentu. Perkara ketiga yang saya hendak sebut ialah tentang pusat pemulihan masyarakat. Ini pun 95% memperoleh peluang pekerjaan setelah dibebaskan. Ya, peluang pekerjaan. Ini satu perkara yang sangat penting kerana apabila duduk penjara, kalau keluar, distigmakan maka susah hendak dapat kerja. Jadi ini satu program yang sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, satu program lagi ialah sekolah agama. Dilaksanakan di Penjara Kluang, Johor. Yang pertama di dunia, *the first in the world* dengan izin.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Fuh!

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yes! Sedang diperluaskan di beberapa penjara yang lain. Ini bagus, bukan? Dia keluar dia belajar agama, dia dapat amal agama. Jadi ustazlah, jadi ustaz ataupun dia keluar dia boleh jadi imam. Dia boleh baca khutbah. Keluar boleh! Boleh bertanding pun jadi wakil rakyat. Ada yang jadi Ahli Parlimen pun boleh. [Ketawa] Keluar penjara, dia pandai. Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kadar *recidivist* 7.6% pada tahun 2013. Satu peratus yang sangat rendah. Tak nampak pula. [Ketawa]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat, cara Yang Berhormat menyifatkan berkenaan penjara sama...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Berkenaan dengan beberapa seksyen yang akan dipindah...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Sama *holiday*, semua boleh pergi makan dalam satu hari dan seronok boleh baca, keluar jadi imam dan sebagainya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Eh! *What happen to you?*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *What happen to you?*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Duduk! Duduk! Duduk! Sudah, sudah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *Crazy this kind of statement.*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya tak... [Dewan riuh]

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Bagan Serai cakap seorang-seorang sahajalah! [Ketawa]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, mereka ini banyak mengelirukan. Mereka mengelirukan orang-orang dekat luar, sekarang mereka cuba mengelirukan saya. [Ketawa]

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bagan Serai, boleh?

■1720

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sudah terkeliru kah?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya lihat pengurusan pentadbiran penjara bahkan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Memang terkeliru itu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Berlaku sedikit perubahan di mana ianya mampu menumpukan gerak kerja pentadbiran dengan memasukkan Timbalan Komisioner Jeneral Penjara. Ini kerana jika berlakunya waktu-waktu kecemasan semasa ketiadaan atau ketidakupayaan Komisioner Jeneral, Timbalan dapat menggantinya. Dengan meminda akta ini, dengan memasukkan Bahagian baru IVB yang mengenai seksyen baru 46P, 46Q, 46R, 46S, 46T dan 46U. Bahagian baru ini memperkatakan tentang banduan yang dipindahkan di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012. Saya lihat dengan adanya pindaan sedemikian rupa ianya memudahkan proses pemindahan.

Banduan warga negara yang ditahan di luar negara untuk menjalani baki hukuman di negara sendiri. Kementerian kena biarlah kita menjalankan hukuman ke atas banduan warga negara yang ditahan di negara asing daripada membiarkan mereka ini terus berada di negara orang. Jadi ini kita dapat lihat menjimatkan belanja dan juga mereka yang menjalani hukuman ini dapat menjalani baki hukuman di negara masing-masing. Jadi masalah emosi, dapat jumpa keluarga dan sebagainya tidak menjadi masalah. Kita lihat hari ini...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebentarlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sikit saja. Minta pandangan saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Tadi Yang Berhormat Bagan Serai ada menyentuh tentang sekolah agama di penjara Johor. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Bagan Serai, adakah perlu untuk semua penjara ini juga mempunyai didikan agama-agama yang lain khususnya macam agama Kristian, agama Hindu, agama Buddha dan sebagainya juga diadakan ke sekolah-sekolah tertentu ataupun sekurang-kurangnya kita ada kaunselor tetap yang diberi tanggungjawab untuk memberi didikan agama kepada mereka yang bukan beragama Islam. Saya rasa pada masa ini memang ada

NGO-NGO tertentu yang masuk ke penjara untuk mengendalikan ceramah-ceramah agama tetapi itu bukan secara berkala. Mereka masuk bila-bila mereka suka. Jadi saya rasa kita perlu ada satu program yang dirancang khas oleh kerajaan supaya mereka ada kelas-kelas agama dalam satu jadual tertentu. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai mengenai pandangan saya ini?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yalah, pendapat Yang Berhormat Batu Gajah itu bagus sebab apa kalau orang Islam, biarlah dia mendalami agamanya. Kalau agama yang lain, mungkin agamanya dia perlu mendalami kerana agama semua tentulah mengajak kepada kebaikan. Walau bagaimanapun saya ingat Datuk Menteri akan jawab dengan lebih baik lagi.

Statistik Jabatan Penjara pada hari ini menunjukkan ada 48,390 penjara dan angka ini termasuklah dengan banduan warga asing di mana kebanyakannya daripada mereka menghuni penjara di dalam negara atas pelbagai kesalahan. Kadar banduan yang mempunyai kes berulang atau disebut *arrest list* ini masih berada di penjara yang telah ditetapkan oleh kementerian iaitu 9%.

Pada tahun 2013, kadar ini ialah 7.61%. Ini membuktikan bahawa transformasi yang telah dijalankan oleh institusi penjara berkesan dan memulihkan akhlak sesetengah pesalah jenayah kerana pada tahun 2012 kadar *arrest list* adalah 7.97% dan angka ini berkurangan pada tahun berikutnya. Jadi saya percaya jika mereka yang keluar daripada penjara ini tidak distigmakan, tidak didiskriminasikan dan diberi peluang pekerjaan dan dibantu. Contohnya dengan program-program pengurangan kemudaratian, *harm reduction* dengan izin untuk mereka-mereka contohnya yang mengambil dadah, yang mengambil heroin, yang ada masalah penyakit HIV dan sebagainya. Jadi mereka ini akan dibantu.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Jabatan Penjara berjaya mengekalkan *arrest list* atau kes banduan berulang masuk penjara yang rendah iaitu kurang 1% bagi banduan yang menjalani sistem parol ataupun dikenali sebagai orang di parol (ODP). Sistem ini adalah pelepasan secara perintah parol bagi banduan yang berkelayakan untuk menjalani hukuman di luar penjara di bawah pengawasan pegawai parol.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang memberi saya kesan. Baru-baru ini saya telah melawat penjara, lokap di Zurich, di Switzerland, iaitu satu negara maju yang mana melihat keadaan bagaimana mereka melayani dan menjaga pesalah-pesalah dalam penjara. Mereka ini telah mendapat satu sistem contohnya perkhidmatan kesihatan di bawah satu bumbung.

Di negara maju seperti ini kerana Zurich pun tidak besar. Di sini ada doktor, ada *nurses*, ada *social workers* dengan izin, ada farmasi dengan ubatnya dan mereka dalam penjara ini telah mendapat perkhidmatan yang baik dan kurang berlaku kematian, sakit yang berat dan sebagainya. Jadi yang ini cadangan juga bagi saya kerana kita melihat hari ini di penjara, kalau kita lihat yang masuk penjara pun sudah tidak dapat jaga diri dia. Yang masuk penjara pun sudah tidak ada disiplin diri dia dan mungkin di penjara inilah tempat merebaknya penyakit.

Contoh HIV, contohnya tibi dan satu kajian menunjukkan pegawai-pegawai di penjara pun boleh kena tibi dan kalau orang yang kena tibi tidak diberi rawatan yang betul, maka apabila mereka keluar penjara, mereka membawa penyakit ini keluar dan juga kalau pegawai-pegawai di

penjara mendapat tibi dan tidak mendapat rawatan yang betul, maka mereka juga bawa kepada keluarga dan ini akan disebarluaskan keluar.

Jadi perlu juga ada dalam penjara ialah sistem farmasi yang baik. bermakna ada ubat-ubatan. Ada *nurse* yang jaga, jururawat yang jaga. Ada ubat yang cukup dan ada juga perkhidmatan OST (*opioid substitution therapy*) dengan izin iaitu rawatan *metadone* dan juga staf yang cukup untuk memberi rawatan ini dan juga ubat-ubatan untuk HIV kerana penyakit-penyakit ini contohnya HIV, jika mereka tidak mendapat ubat-ubatnya pada waktu yang sesuai daripada masa yang sesuai, maka rintangan akan berlaku. Maka orangnya akan jatuh sakit dan kita bimbang banyak benda lain akan berlaku.

Contohnya kematian ataupun kalau tuberkulosis tibi, maka akan menjangkit kepada kawan-kawannya atau orang-orang di sekelilingnya itu. Tuan Yang di-Pertua, di negara maju ada doktor-doktor, ada pakar-pakarlah, ada internis ya, pakar perubatan dalaman, ada pakar psikiatri dan ada *addiction psychiatrist*, pakar yang terlibat dalam *addiction* ini dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya berfikir, saya mencadangkan supaya di Malaysia ini kalau lah dapat diwujudkan satu kombinasi untuk membentuk bagaimana kesihatan orang-orang di penjara ini dapat dijaga. Contohnya dengan penglibatan yang lebih serius daripada Kementerian Kesihatan, penglibatan yang lebih serius daripada KDN dan juga daripada universiti-universiti tempatan untuk buat kajian dan rawatan kepada orang-orang ini. Juga perlu diadakan satu sistem yang lebih mantap untuk *screening*, untuk *check* orang ini masuk ini ada tibi ke tidak ada. Untuk ini masuk ada penyakit ke atau tidak ada, dibuat pemantauan yang betul supaya kadar kematian, kadar kesakitan akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Mas boleh habis dalam sepuluh minit?

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk terus membahaskan Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perbincangan kita banyak merujuk kepada penjara sebagai satu bebanan. Jenayah negara kita telah bertambah dan bilangan banduan juga bertambah. Tinggal lagi kita mengharapkan pihak kerajaan melihat satu tuntutan yang telah kita sebut acap kali, kita jadikan penjara ini bukan lagi satu tempat untuk menambahkan beban kita dan negara kita, bahkan kita akan jadikannya sebagai satu aset. Banduan itu menjadi satu aset untuk memajukan negara selepas mereka keluar daripada penjara. Dari situ kita akan ganti kerugian kita itu dengan aset yang berjaya.

Jadi harapan saya, penjara ini walaupun zahirnya dia bersifat hukuman, tetapi isinya hendaklah adalah satu didikan kepada mereka dan beberapa pendedahan yang telah dibuat

termasuk Yang Berhormat Subang tadi siap dengan buku yang mendedahkan beberapa kelemahan-kelemahan yang harus ditangani oleh pihak kerajaan untuk membaiki penjara. Saya harap dapat perhatian yang serius. Hendaklah kita jadikan penjara negara kita ini. Jangan kita bandingkan dengan negara yang lebih buruk daripada kita, bahkan kita kena bandingkan dengan negara membangun kerana negara maju kerana kita sedang menuju ke arah sebuah negara maju, *insya-Allah*.

■1730

Kalau boleh saya sebut, zaman Rasulullah SAW, penjara ini tidak ada, hukuman itu ada. Ini kerana hukuman yang dianjurkan oleh Islam itu mampu mendidik mereka dengan cepat, tidak perlu kepada jumlah panjang mereka berada di dalam penjara. Ertinya, kalau kita masukkan penjenayah dalam penjara, kita perlu cari satu penawar untuk membolehkan mereka keluar dengan cepat dan akhirnya mereka membina diri mereka balik untuk kali yang kedua. Itu yang saya hendak sebut yang pertama.

Kedua, saya memohon beberapa penjelasan mengenai banduan warganegara asing. Kita telah didedahkan dengan jumlah banduan warganegara asing yang begitu ramai sehingga mencecah lebih 30% daripada jumlah banduan. Sudah pasti kita berhadapan dengan hakikat kita tidak untung untuk melahirkan mereka sebagai warganegara sebab mereka bukan warganegara kita. Jadi, isunya yang saya hendak penjelasan daripada kerajaan, apakah tindakan kerajaan di luar penjara untuk selesaikan isu pendatang asing, terutama sekali di Sabah. Saya dimaklumkan dalam data yang ada pada saya ini, sehingga 50% penjara di Sabah, tiga buah penjara telah padat dan separuh daripadanya adalah banduan pendatang asing yang melakukan kesalahan jenayah dalam negara kita. Maknanya, kita telah habis ratusan juta untuk mereka dan kita tidak ada peluang untuk menjadikan mereka aset negara.

Kedua, saya hendak penjelasan mengenai tahanan rakyat Malaysia di luar negara. Berapa jumlah sebenar rakyat Malaysia yang berada di penjara di negara luar? Apakah jenis kesalahan mereka dan apakah jenis hukuman? Walaupun kita tidak ada hak untuk mencampuri urusan prosedur tatacara jenayah di negara luar tetapi saya hendak tahu, adakah kerajaan memiliki ataupun ada rundingan yang berterusan dengan negara-negara luar termasuk dalam isu pindaan yang kita hendak buat ini untuk hendak membolehkan kesalahan-kesalahan kecil yang dilakukan di negara ini dipercepatkan mereka dibawa balik ke negara kita. Supaya pemulihan itu apabila berlaku di negara kita, *insya-Allah* warganegara kita akan lebih cepat untuk pulih berbanding mereka dipenjarakan begitu lama di negara luar. Itu yang kedua.

Ketiga, yang berkait dengan kes dalam penjara. Laporan SUHAKAM menyebut bahawa semenjak daripada tahun 2000 sehingga tahun 2013, telah ada 233 banduan yang telah mati dalam penjara dan jumlah ini saya kira amat besar. Kita telah sebut banyak kali dalam Parlimen. Apa yang saya minta daripada kerajaan ialah jaminan kerajaan bahawa selepas daripada ini, saya mengharapkan laporan yang lebih baik daripada kementerian sehingga setiap kali laporan dikeluarkan tidak lagi dipertikaikan oleh rakyat. Sebelum ini, setiap kali laporan kita merasa ada

berlaku ketidaksempurnaan sehingga menyebabkan macam-macam tuduhan terhadap kerajaan. Itu yang saya pohon.

Akhir sekali, saya ingin sentuh mengenai sistem parol yang telah diperkenalkan di negara kita sejak daripada tahun 2007. Apa yang saya dimaklumkan, ia lebih mirip kepada kaedah yang telah diimplementasikan di negara Australia. Ia telah mendatangkan beberapa faedah yang banyak termasuk ia menguntungkan dari sudut penjimatan kos. Juga kejayaan banduan itu sendiri, mampu untuk menjalani pemulihan yang lebih baik untuk berubah dengan bantuan kerajaan.

Saya juga dimaklumkan bahawa pelaksanaan baru sejak tahun 2010 iaitu banduan-banduan terpilih diberikan penempatan di luar penjara dan bekerja di sektor yang pelbagai. Ia dimulakan di Felda Sungai Tengi Selatan iaitu seramai 200 orang telah dipilih. Ini dikira sebagai satu sistem yang lebih baik daripada Sistem Parol. Saya hendak penjelasan, adakah program ini masih berjalan? Apakah ia telah membawa perubahan satu kejayaan yang lebih baik? Begitu juga dengan kes berulang di mana ia telah mencecah 6,800 orang dan 1,216 orang adalah daripada kes dadah.

Pengarah Parol Jabatan Penjara Malaysia telah menyebut bahawa kes dadah ialah jenayah yang tidak serius yang sesuai untuk menjalani proses yang saya sebutkan tadi, proses kaedah parol. Adakah pihak kerajaan melihat bahawa kes-kes dadah ini yang berpunca daripada para penagih yang tidak hasrat mereka untuk melakukan jenayah tetapi berpunca daripada isu-isu sosial, mereka ini diberi peluang untuk diberi pemulihan melalui kaedah parol ini? Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan DR10/2014 Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014 akan disambung semula perbahasan setelah DR15/2014 Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dan usul-usul berkaitan dengannya dibahas dan diputuskan. Perbahasan akan disambung semula pada 26 November 2014 dan 27 November 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 4 petang hari Jumaat, 10 Oktober 2014.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang]**